



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mengangkat Sumpah	(Halaman 17)
Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 17)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011	(Halaman 18)
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2010	(Halaman 48)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011	(Halaman 56)
Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2010	(Halaman 57)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011	(Halaman 58)
Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011	(Halaman 76)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011	(Halaman 79)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011	(Halaman 86)
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011	(Halaman 89)
Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011	(Halaman 93)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator -Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Datuk Haji Kadzim Haji M Yahya (Sabah)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
32. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

34. Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
35. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
36. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
37. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
38. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
39. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
40. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
41. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
42. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
43. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
44. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
45. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
47. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
48. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. “ Dato’ G. Palanivel (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
51. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
53. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) –
Senator
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
54. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
55. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
57. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
58. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator*
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
59. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
60. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
61. “ Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
62. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
63. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
64. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
66. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
67. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Khamis, 22 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Yeo Chai Thiam** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sebab-sebab rancangan projek pembangunan Klinik 1Malaysia seperti yang diumumkan menerusi Bajet 2012 dalam usaha memastikan penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat jelata di bandar dan luar bandar menjadi keutamaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Yeo Chai Thiam di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Klinik 1Malaysia menjadi keutamaan kerana ia merupakan satu usaha kerajaan untuk meningkatkan akses serta mendekatkan perkhidmatan kesihatan untuk penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Penubuhan Klinik 1Malaysia adalah bersesuaian dengan pendekatan kerajaan iaitu rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Sehingga 15 Disember 2011 sebanyak 85 Klinik 1Malaysia telah beroperasi di seluruh negara dan tambahan 19 Klinik 1Malaysia akan beroperasi bulan Januari 2012. Sehingga 15 Disember 2011 sejumlah 3,209,338 kedatangan ke Klinik 1Malaysia telah dicatatkan di seluruh negara. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ini menunjukkan sambutan dan penerimaan rakyat yang cukup menggalakkan dan ia adalah relevan untuk dipertingkatkan.

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, pada tahun 2012 tambahan sebanyak 50 Klinik 1Malaysia akan diwujudkan dan pihak negeri telah pun diarahkan untuk mengenal pasti lokasi yang bersesuaian mengikut kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia yang telah ditetapkan. Penambahan 50 Klinik 1Malaysia pada tahun 2012 diharap dapat mencapai objektif Kementerian ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan ini. Bagi tujuan penambahbaikan sebanyak 15 Klinik 1Malaysia yang mempunyai beban kerja melebihi 100 pesakit sehari telah pun dicadangkan untuk diwujudkan perkhidmatan pegawai perubatan. Dengan itu skop perkhidmatan kesihatan di Klinik 1Malaysia dapat diperluaskan demi menjamin kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

Dato' Dr. Yeo Chai Thiam: Terima kasih. Pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Bolehkah kementerian mempertimbangkan supaya kita memberi perkhidmatan ataupun menambahkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan umum seperti pemeriksaan kencing manis, darah tinggi, dengan izin, *renal function test, liver function test, X-ray, ultrasound*.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat di Klinik 1Malaysia memang telah disediakan saringan pemeriksaan yang asas seperti pemeriksaan kandungan gula dan pemeriksaan darah tinggi. Di Klinik 1Malaysia juga kita menawarkan ada perkhidmatan susulan kepada pesakit-pesakit berisiko tinggi seperti pesakit diabetes dan pesakit darah tinggi untuk mereka mengambil ubat dan seterusnya diperiksa kandungan gula dan tahap darah tinggi mereka.

Yang Berhormat untuk proses penambahbaikan pada masa akan datang, kementerian bercadang untuk menaik taraf perkhidmatan di Klinik 1Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan pegawai perubatan dan perkara ini telah dimulakan di empat buah fasiliti kita yang sedia ada Klinik 1Malaysia yang sedia ada. Seperti yang saya nyatakan lebih awal dalam jawapan saya, kita mencadangkan untuk menawarkan di 15 lagi buah fasiliti.

Pada masa yang sama Yang Berhormat. Saringan pemeriksaan seperti *renal failure*, mungkin *X-ray* dan sebagainya kita dalam proses perancangan. Sekiranya kita boleh tetapkan seorang pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia seperti yang saya katakan awal tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

■1010

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya persilakan satu lagi soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam menghargai kesihatan sebagai aset yang tidak ternilai, mengekalkan status kesihatan dan kualiti hidup yang lebih bermutu. Soalan saya ialah tidakkah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan pakar pemakanan di beberapa Klinik 1Malaysia yang terpilih sahaja yakni untuk memberi kaunseling kepada masyarakat berhubung dengan cara pemakanan dan amalan hidup yang sihat dalam menyahut Gagasan 1Malaysia, mencegah itu lebih baik daripada mengubat.

Kedua, bagaimana dengan penambahan dengan Klinik Bergerak 1Malaysia yang amat diperlukan bagi mendekatkan masyarakat dengan kerajaan dan akhirnya tentang syif. Sekarang dua syif Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak tiga syif? Kalau boleh syabas. Kalau tidak kenapa? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan dan cadangan yang diberikan merupakan satu cadangan yang cukup baik Yang Berhormat iaitu menempatkan pakar pemakanan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian pada ketika ini belum ada perancangan untuk menetapkan pakar pemakanan kita di Klinik-klinik 1Malaysia. Akan tetapi, saya akan bawa cadangan Yang Berhormat untuk diperincikan untuk diputuskan di peringkat kementerian *insya-Allah* Yang Berhormat. Akan tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat pakar pemakanan kita pada ketika ini hanya ditetapkan di klinik-klinik kesihatan kita. Seramai 189 orang pakar pemakanan telah dilantik untuk kita tetapkan di klinik-klinik kesihatan yang terletak di kawasan-kawasan luar bandar.

Seperti Yang Berhormat ketahui, Klinik 1Malaysia ini kita tetapkan hanya di kawasan pinggir bandar dan kawasan-kawasan bandar. Skop rawatan Klinik 1Malaysia ini lebih kepada perkara-perkara yang ringan, penyakit-penyakit yang ringan seperti demam dan sebagainya. Akan tetapi, seperti yang saya nyatakan tadi, cadangan daripada Yang Berhormat itu sangat baik. *Insya-Allah* kita akan perincikan di peringkat kementerian.

Untuk menjawab kepada persoalan yang kedua mengenai penambahan Klinik Bergerak 1Malaysia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita menawarkan perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia ini di beberapa negeri seperti Selangor, Perak, Sarawak dan juga negeri Sabah. Pada ketika ini, kita mempunyai perkhidmatan yang merupakan bas bergerak di kawasan-kawasan seperti Selangor dan juga Perak yang pergi ke kawasan-kawasan contohnya seperti penempatan Orang Asli, kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mempunyai *facility* statik kita seperti klinik desa atau pun klinik kesihatan. Untuk Klinik Bergerak 1Malaysia yang berbentuk bot ditawarkan di kawasan-kawasan di negeri Sarawak contohnya. Seperti pada ketika ini, kita ada perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia yang berbentuk bot di Sungai Baram dan akan ditambah dengan perkhidmatan yang kita akan jalankan di Sungai Rejang di negeri Sarawak dan begitu juga di Sungai Kinabatangan di negeri Sabah Yang Berhormat ya. *Insya-Allah* dalam tempoh yang terdekat ini.

Untuk menjawab kepada persoalan syif yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkhidmatan Klinik 1Malaysia adalah di antara jam 10 pagi hingga 10 malam yang menawarkan dua syif, memang benar Yang Berhormat ya. Akan tetapi, perkhidmatan ini kita laksanakan tujuh hari seminggu termasuklah hari Ahad dan hari kelepasan cuti am. Jadi apabila ada keperluan di mana kita perlu menambah tiga syif iaitu membuka hampir 24 jam Yang Berhormat, kita juga akan perincikan cadangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah sukan yang menjadi fokus untuk dibangunkan dan apakah mekanisme pencarian ahli sukan yang *genuine* dan berdaya saing dilaksanakan dan sejauh manakah ia melibatkan kanak-kanak luar bandar agar bakat mereka diketengahkan bukan setakat menjadi jaguh kampung.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Pertamanya saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga Kementerian Pengajian Tinggi. Dari segi bagaimana untuk mencungkil bakat-bakat kepada ahli sukan negara kita termasuk daripada mereka yang datang daripada kampung dan sebagainya.

Antara program yang paling berjaya ialah kelahiran sekolah-sekolah sukan kita sejak tahun 1996 lagi. Di mana sebahagian besar daripada atlet-atlet negara yang kita lihat pada hari ini seperti Leong Mun Yee dalam bidang terjun, Pandelega Rinong, Azlan Iskandar. Seramai 17 daripada pemain bola sepak negara adalah datang daripada sekolah sukan yang kita ada sekarang ini.

Di samping itu terdapat beberapa program-program yang dilaksanakan di bawah Institut Sukan Negara seperti Program TIP iaitu *Talent Identification Program*, Program Cari Juara, Program Tunas Gemilang, program peringkat sekolah, Program Asasi Atlet Multilateral, Projek Hoki 1Malaysia dan Program Penggalakan Sukan. Ini yang telah melibatkan saya kira hampir 200,000 orang pelajar-pelajar dan dikatakan tunas-tunas harapan negara telah diadakan di seluruh negara.

Namun begitu, pihak kementerian akan mencari jalan yang lebih sistematik lagi untuk mengenal pasti ibu bapa-ibu bapa yang telah pun mengadakan program-program secara persendirian dengan anak-anak mereka. Ini yang ternyata telah dapat membuahkan hasil-hasil yang di luar daripada jangkaan kementerian ataupun sistem persekolahan kita. Mereka itu perlu diadakan satu pendekatan yang berbeza kerana mereka juga turut membantu dari segi melahirkan atlet-atlet negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana lazimnya Dewan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri penuh. Terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri. Saya persilakan soalan tambahan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua saya juga turut mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan kita pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, strategi teras ketiga dalam pelan strategi Kementerian Belia dan Sukan 2010-2015 adalah untuk melahirkan masyarakat berbudaya sukan iaitu *sporting nation* dengan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pelbagai bidang sukan, rekreasi dan kecergasan dengan sasaran dan budaya sukan negara mencapai 50 peratus menjelang tahun 2015.

Berdasarkan matlamat tersebut, pelbagai program telah dirancang termasuk penganjuran program penyertaan masyarakat, penubuhan kelab dan lain-lain. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang mengadakan program yang konsisten bersama Ahli Parlimen turun padang di setiap kawasan dalam mencari bakat baru dalam bidang sukan?

Saya juga ingin mencadangkan agar diperkenalkan satu permainan sukan tradisi Orang Asli yang sesuai dalam SUKMA seperti sukan menyumpit atau lain-lain dan melibatkan penyertaan Orang Asli di seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan terima kasih di atas soalan tambahan yang ternyata saya rasa berbeza dengan soalan asal yang melihat bagaimana untuk kita melahirkan atlet berprestasi tinggi kepada soal bagaimana untuk mengembangkan budaya sukan dalam negara kita. Saya setuju bahawa sesebuah negara yang maju itu bukan sahaja dilihat dari segi pembangunan fizikalnya, jalannya, bangunannya dan sebagainya. Akan tetapi, dilihat dari segi penglibatan rakyatnya dalam hal-hal yang dikaitkan dengan *healthy living* ataupun kehidupan yang sihat. Dikaitkan juga sukan itu dengan soal kecemerlangan negara tersebut.

China misalnya, untuk menjadi kuasa besar bukan sahaja dilihat dari segi kekuatan ekonomi, kekuatan politik, kekuatan tentera dan sebagainya tetapi dilihat dari segi kekuatan sukan mereka itu. Mereka sentiasa mengembangkan penglibatan orang ramai dalam bersukan. Begitu juga di Amerika, di Australia dan sebagainya.

■1020

Oleh sebab itulah sasaran untuk menjadikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada rakyat kita bersukan adalah merupakan sasaran Kementerian ini sebagai sasaran yang utama supaya kita dapat tahu suatu masa nanti sekurang-kurangnya 50 peratus daripada rakyat kita ada mempunyai semangat atau pun menjalankan aktiviti bersukan sekurang-kurangnya berjalan kaki setiap hari dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu aspek yang penting.

Keduanya tentang kita mengadakan program bersama dengan Ahli-ahli Parlimen. Saya kira ini satu cadangan yang baik dan kita akan pertimbangkan. Akan tetapi kita rasakan bahawa selama ini ada beberapa sistem yang telah kita lalui melalui sekolah-sekolah yang sudah sedia ada untuk mengemukakan nama-nama mereka yang berbakat sama ada untuk dihantar kepada sekolah sukan yang kerjasamanya antara Majlis Sukan Negara dan juga pihak Kementerian Belia dan Sukan – kita ada dua sekolah sukan di peringkat kebangsaan. Satunya di Bukit Jalil dan yang keduanya di Bandar Penawar. Di peringkat negeri sendiri, ada 15 sekolah-sekolah sukan di peringkat negeri. Setiap negeri ada sekolah sukan, hasil kerjasama kerajaan negeri dan Majlis Sukan Negeri masing-masing, untuk menghantar mereka yang berbakat daripada sekolah-sekolah seluruh negeri tersebut ditumpukan kepada satu sekolah dan di sana kerja-kerja untuk membangunkan mereka itu sebagai ahli sukan dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Ketiganya tentang soal-soal sukan-sukan Orang Asli untuk diperkenalkan di Sukan Malaysia atau pun SUKMA. Saya rasa perkara ini boleh kita cadangkan. Misalnya tahun depan ialah tahun SUKMA di adakan di negeri Pahang misalnya. Di negeri Pahang adalah terdapat ramai Orang Asli. Cumanya, itu pilihan kerajaan negeri, bukannya keputusan kami untuk menentukan sukan-sukan yang akan dipertandingkan.

Namun begitu, perlu saya maklumkan bahawa kita ada hadnya supaya kalau mahu permintaan jenis sukan yang dipertandingkan terlalu ramai, dan apabila satu-satu sukan diperkenalkan, ada sekurang-kurangnya lapan negeri boleh menyertainya. Misalnya pertandingan menyempit, cukup tidak lapan negeri? Kalau cukup, boleh dipertandingkan.

Kriteria yang keduanya ialah kalau diperkenalkan di Sukan Malaysia, apakah ia akan dapat membantu dari segi pembangunan sukan yang berkenaan itu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Misalnya kita dapat cengkam bakat orang dalam bidang bola sepak. Bola sepak ada pembangunan di peringkat ASEAN, peringkat Sukan Asia, peringkat Olimpik dan sebagainya. Jadi, menyempit ini adakah tidak di peringkat ASEAN, peringkat Sukan Asia, peringkat yang lebih tinggi. Jadi, ini juga perkara yang perlu kita pertimbangkan sama ada ia sesuai atau pun tidak sekiranya dianjurkan di peringkat Sukan Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kementerian melihat kemelut persatuan sukan yang antaranya isu pelantikan orang yang kurang pengetahuan memegang jawatan yang penting, sikap menuding jari jika gagal pada satu kejohanan, tidak mahu melepaskan jawatan walaupun didesak, pengurusan yang lemah serta kerenah birokrasi semakin menjadi-jadi? Rakyat hari ini sudah tidak mahu melihat lagi secara ini. Saya agak semakin merosot sukan pada hari ini untuk dimajukan. Contohnya kegagalan sukan sepak takraw di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan. Saya akui beberapa perkara yang menjejaskan prestasi sukan ialah persatuan sukan itu sendiri. Namun begitu, kita tidak ada kuasa dari segi untuk mengubah, mengalih, memecat dan sebagainya mana-mana pemimpin persatuan sekiranya mereka ingin mengekalkan jawatannya sehingga selama-lamanya dan ada kalanya menjejaskan dari segi prestasi sukan yang berkenaan.

Namun begitu, apa yang boleh kita buat di peringkat Kementerian ialah bagaimana kita mengawal dari segi bantuan kewangan dan sebagainya.

Ini kerana sebahagian besar daripada persatuan-persatuan sukan kita ini, ia bergantung kepada bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Namun begitu, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator bahawa kita perlu mengambil sikap untuk akur dengan kata-kata yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari penyerahan skim hadiah kemenangan kepada ahli-ahli sukan *SEA Games* atau pun Sukan SEA baru-baru ini yang secara terus-terang menegur mereka yang suka duduk lama-lama di tempat mereka tanpa menghasilkannya. Tepuk dada tanya selera, apakah sampai masanya mereka berundur atau pun tidak.

Sebenarnya di peringkat yang lebih tinggi, di peringkat antarabangsa, misalnya IOC itu sendiri, sekarang itu sudah mengingatkan bahawa untuk memimpin persatuan sukan di peringkat dunia, kalau mereka dahulunya dibenarkan sehingga umur 80 tahun, sekarang ini diminta secara sukarela mereka yang berusia 70 tahun supaya dapat berundur diri atau pun ianya menjadi suatu asas untuk mereka terus menjadi pemimpin persatuan sukan atau sebaliknya.

Perkara ini adalah satu perkara yang perlu diingatkan supaya mereka yang usianya sudah terlalu lama dan mereka yang sudah tidak dapat membuahkan hasil – ada pemimpin sukan yang lama tetapi sentiasa membuahkan hasil, saya rasa itu tidak ada masalah. Akan tetapi sekiranya mereka sudah terlalu lama, bukan sahaja tidak dapat membuahkan hasil tetapi keadaannya semakin lama semakin merosot, maka, apa yang disebutkan tepuk dada tanya selera itu perlu diamati dan perlu dilaksanakan pada diri mereka sendiri sebelum ianya dilaksanakan pada orang lain. Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan terus kepada Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya, kalau kita lihat keadaan sekarang ini, banyak badan-badan sukan diketuai oleh ahli-ahli politik. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengurangkan penglibatan ahli-ahli politik ini tetapi memberi peluang yang lebih luas kepada bekas pemain atau pengurus sebagai contohnya? Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya tidak ada satu formula yang jelas apakah bekas pemain akhirnya menjadi pemimpin yang baik atau pun bekas pengurus menjadi pemimpin yang baik, tidak ada formula. Ada juga sukan-sukan yang tertentu misalnya dipimpin oleh golongan diraja misalnya, yang suatu ketika dahulu dikritik hebat tetapi sekarang ini mereka dapat menghasilkan keputusan-keputusan yang baik. Misalnya hoki dan bola sepak, yang memberi keputusan yang begitu memberangsangkan walaupun tidak dipimpin semestinya oleh bekas pemain atau pun pengurus yang baik.

Ada ahli-ahli politik misalnya dilihat untuk memimpin persatuan, misalnya KOAM (Kesatuan Olimpik Amatur Malaysia) yang dipimpin oleh seorang ahli politik, ada beberapa isu dan kontroversi yang berlaku tetapi orang yang sama juga memimpin Persatuan Akuatik menghasilkan keputusan yang baik. Apakah soal kepimpinannya atau pun programnya atau pun faktor-faktor lain yang menjadikan di mana ia berjaya dalam satu bidang tetapi tidak berjaya dalam bidang yang lain? Jadi ini tidak ada satu formula yang jelas apakah semestinya kalau persatuan sukan itu dipimpin oleh bekas pemain, bekas ahli sukan, maka ianya akan jadi lebih baik.

Jadi saya kira sebagaimana yang disebutkan tadi, bahawa akhirnya ianya perlu dinilai selain daripada orang ramai, oleh atlet dan juga yang perlu dinilai oleh mereka yang terlibat di dalam sukan yang berkenaan.

■1030

Ini kerana pihak kementerian dan sebagainya tidak ada suatu kuasa di bawah undang-undang untuk mengatakan bahawa orang politik tidak boleh memimpin. Persatuan sukan mesti dipimpin oleh bekas ahli sukan dan sebagainya. Akan tetapi, yang penting sekali ialah bagaimana negara kita dapat menjadikan sukan selain daripada ia menjadi kebanggaan negara, memberikan semangat patriotisme yang lebih tinggi, soal perpaduan. Kalau kita lihat misalnya apa yang berlaku pada pemain bola sepak negara di England hari ini dikenakan tindakan yang besar kerana mengeluarkan kata-kata yang bersifat *racist*, yang bersifat perkauman misalnya. Dia diambil tindakan yang besar.

Jadi kalau ada orang-orang politik kita menggunakan kata-kata *racist* misalnya, yang bersifat perkauman dalam ketika dia memimpin sukan dan sebagainya, ini juga adalah perkara yang perlu kita perhati dan kita lihat.

Sekiranya ianya tidak menyentuh perkara-perkara yang berkenaan dan ia dapat membuah hasil, maka tidak ada suatu sebab untuk kita menghalang mereka untuk memimpin persatuan sukan dan sebagainya. Terima kasih.

3. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, mengenai pengagihan dan peruntukan dan kerangka program AZAM untuk masyarakat India.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Sehubungan itu, salah satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA ialah meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Di bawah NKRA ini, kementerian telah melaksanakan program 1AZAM bermula pada tahun 2010. Program 1AZAM ini adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Program ini mengandungi empat komponen iaitu:

- (i) Azam Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (ii) Azam Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia;
- (iii) Azam Niaga; dan
- (iv) Azam Khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana.

Di atas komitmen kerajaan dalam melaksanakan Program 1AZAM ini, sasaran penyertaan sebanyak 57,793 orang peserta daripada golongan berpendapatan rendah ditetapkan untuk dicapai sebelum 31 Disember 2011.

Tuan Yang di-Pertua, program 1AZAM ditawarkan kepada ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang produktif yang berdaftar di bawah sistem e-Kasih dan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut minat dan kemahiran masing-masing bagi memastikan pengekalan projek oleh peserta. Penyertaan program 1AZAM adalah terbuka kepada semua kaum di Malaysia termasuklah kaum India. Peruntukan program 1AZAM telah pun diagih-agihkan kepada semua kementerian dan agensi pelaksana untuk menjalankan projek-projek bersesuaian dengan kemahiran dan minat para peserta. Sehingga 31 Oktober 2011, sejumlah 50,199 orang ketua isi rumah di seluruh negara telah pun menyertai program 1AZAM. Daripada jumlah tersebut, seramai 804 ketua isi rumah adalah terdiri daripada kaum India. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Saya persilakan soalan tambahan, Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak tanya, Yang Berhormat Menteri sudah jawab, tetapi hanya satu soalan. Adakah *data based* program e-Kasih ini diguna pakai kerana saya dapati *data based* ini tidak dirangkumi sepenuhnya atau komprehensif. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya e-Kasih merupakan senarai yang akan diwujudkan dalam segala usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan termasuklah program 1AZAM. Walau bagaimanapun, memandangkan golongan miskin yang terdapat di negara ini ada yang mungkin tercicir daripada senarai nama e-Kasih, maka telah pun dicadangkan agar senarai nama semua penerima bantuan JKM juga turut dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kerangka peruntukan dan bantuan AZAM untuk kaum lain yang juga miskin terutamanya bumiputera yang lain.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci mengenai pecahan mengenai kaum yang lain termasuklah peribumi di Sabah dan Sarawak. Jadi saya minta jawapan secara bertulis.

Walau bagaimanapun, sekiranya tentang pecahan peserta program 1AZAM mengikut pelbagai agensi pelaksana, memang ada di sini ialah untuk 1AZAM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Teman 1AZAM ialah 14,526 orang secara umum, 1AZAM Niaga dan Khidmat yang diterajui oleh Amanah Ikhtiar Malaysia ialah 11,892 orang, 1AZAM Kerja yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia ialah 3,710 orang, 1AZAM Tani yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah 7,217 orang, 1AZAM Sabah yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri ialah 11,192 orang dan 1AZAM Sarawak yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Sarawak ialah 9,364 orang.

Kesemuanya jumlah peserta bagi semua program 1AZAM yang telah dilaksanakan sehingga 30 November tahun ini ialah 57,905 orang. Sekian, terima kasih.

4. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, punca untung bersih Tenaga Nasional Berhad (TNB) merosot sebanyak 85 peratus kepada RM499 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2011 dan nyatakan langkah-langkah kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan gas oleh Petronas kepada TNB hingga menyebabkan TNB terpaksa menanggung kos tambahan sebanyak RM2.1 bilion bagi membeli bahan api gantian untuk menjana tenaga.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia ada, prestasi TNB atau Tenaga Nasional Berhad bagi tahun kewangan 2011 telah merosot kepada RM499 juta berbanding dengan keuntungan tahun yang sebelumnya berjumlah RM3.2 bilion. Kemosotan keuntungan ini adalah berpunca daripada penggunaan bahan api alternatif iaitu *distillate* dan minyak.

■1040

Pihak TNB terpaksa menggunakan bahan api alternatif ini berikutan daripada kekangan bekalan gas yang berpunca daripada kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang dilaksanakan oleh pihak Petronas di beberapa kompleks pemrosesan gas aslinya sepanjang tahun 2011. Kos penjanaan tenaga elektrik dengan menggunakan bahan api alternatif ini adalah antara empat sehingga lima kali ganda lebih mahal berbanding dengan penggunaan gas. Penggunaan bahan api alternatif telah menyumbang peningkatan kos operasi sebanyak 19.1 peratus atau peningkatan sebanyak RM5 bilion dari tahun sebelumnya. Di samping penggunaan bahan api alternatif, TNB juga terpaksa menggunakan arang batu tambahan sebanyak 1.1 juta metrik tan dengan kos RM0.4 bilion dalam tempoh yang sama.

Selain daripada itu, dasar kerajaan semasa juga tidak membenarkan pihak TNB untuk melepaskan 100 peratus kos kenaikan bahan api kepada pengguna tanpa kebenaran kerajaan. Dasar ini adalah bagi memastikan kebajikan pengguna sentiasa terjaga dan tidak terjejas dengan kenaikan kadar tarif elektrik yang mendadak.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah jangka pendek sederhana dan jangka panjang bagi menangani masalah kekangan bekalan gas serta keselamatan bekalan bahan api. Di antara langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) penggunaan *Mobile Offshore Production Unit (MOPU)* mulai 1 September 2011 sebagai langkah sementara bagi menyalurkan bekalan gas di platform Bekok C yang telah terganggu berikutan kejadian kebakaran pada 14 Disember tahun 2010;

- (ii) menaikkan harga gas secara beransur-ansur sehingga mencapai paras harga pasaran bagi mengurangkan beban kewangan kepada Petronas;
- (iii) pembinaan terminal *degasification* di Sungai Udang, Melaka bagi membolehkan pengimportan *Liquefied natural gas* (LNG) mulai tahun 2012;
- (iv) pengurangan kebergantungan kepada bahan api gas menerusi dasar bahan api yang komprehensif dan mengambil kira keselamatan bekalan bahan api negara;
- (v) penggunaan sumber tenaga negara secara optimum dengan mengambil kira sumber hidro dari Sarawak serta tenaga boleh baharu; dan
- (vi) mengkaji potensi penggunaan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik.

Sekian.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah sudi menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut, adalah jelas kekurangan keuntungan ini disebabkan TNB terpaksa membayar kos bahan api tambahan sebanyak RM2.1 bilion untuk minyak diesel dan arang batu yang berharga lebih mahal sehingga enam kali ganda daripada gas bagi tahun kewangan 2011. TNB tidak ada masalah dari segi permintaan tetapi kekangan bekalan gas daripada Petronas adalah punca utama kekurangan keuntungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah benar Petronas bercadang menghapuskan harga subsidi kepada TNB sehingga menyebabkan TNB perlu mengkaji tarif baru elektrik? Kedua, sebagai langkah alternatif adakah kerajaan akan mengkaji secara serius untuk membina loji nuklear bagi menghasilkan tenaga elektrik? Ketiga, adakah kerajaan bercadang mengkaji perjanjian jual beli tenaga atau *power purchase agreement* sesuai dengan kenaikan kos minyak diesel, diesel *distillate* dan arang batu yang memastikan kelangsungan TNB? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soal sama ada kerajaan atau Petronas akan menaikkan harga gas kepada sektor elektrik ini. Ingin saya jelaskan bahawa antara langkah-langkah yang saya senaraikan dalam jawapan saya tadi adalah untuk pelarasan kos bahan api seperti gas ini yang setakat ini dikawal dengan harga yang rendah oleh pihak kerajaan. Untuk masa panjang, kita tidak boleh elakkan bahawa kos penjanaan elektrik ini apabila kita gunakan bahan api seperti gas asli dan lain-lain adalah unsur berkaitan dengan kosnya dan kosnya di pasaran antarabangsa memang sudah naik berbanding dengan apa yang kita bayar di Malaysia ini. Jadi sebab itulah kekangan antara harga pasaran dengan harga dalam di Malaysia ini ada perbezaan yang semakin ketara. Jadi sebab itulah pihak kerajaan sudah ambil langkah untuk menaikkan gas ini berperingkat. Umpamanya dalam tahun ini pun, pada 1 Jun pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan gas RM3 MMBTU.

Jadi sebab itulah pihak TNB melalui kementerian saya telah juga ada satu langkah untuk pelarasan harga elektrik atau tarif elektrik yang baru kita umumkan dengan mengambil kira kos kenaikan gas tersebut. Untuk makluman, saya ingatkan di sini bahawa yang tarif elektrik itu telah diselaraskan pada 1 Jun bagi Semenanjung Malaysia sebanyak 2.23 sen sekilo watt. Di Sabah pun pada 15 September, tarif elektrik itu pun diselaraskan dengan ambil kira kos bahan api.

Yang Berhormat, mengenai sama ada pihak kerajaan akan menimbang, membina loji nuklear untuk kegunaan penjanaan elektrik. Kerajaan sudah ambil kira bahawa opsyen nuklear ini adalah satu opsyen yang kita perlu pertimbangkan untuk masa panjang dan masa depan.

■1050

Ini kerana kita termaklum bahawa kos nuklear ini, penjanaan elektrik daripada nuklear ini adalah stabil dan tidak tergugat apabila kos gas asli kah, kos arang batu kah, naik di pasaran dunia? Oleh sebab itulah buat masa sekarang, walaupun satu keputusan terakhir belum dibuat oleh pihak kerajaan, *option* ini masih dipertimbangkan.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kos arang batu adalah antara punca kenaikan kos operasi TNB. Soalan tambahan saya, apakah *Gross Calorific Value* (GCV) yang digunakan oleh TNB untuk jana kuasanya? Berapakah harga bagi satu tan metrik bagi setiap GCV yang digunakan? Dari manakah bekalan arang batu yang didapati oleh TNB?

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang arang batu sekarang di Malaysia ini menjadi bahan api yang kedua terbesar digunakan untuk penjanaan elektrik. Buat masa sekarang, kita perlu mengimport bahan api ini dari luar. Kebanyakannya ialah dari Indonesia dan ada juga kita beli dari negara-negara seperti Vietnam dan lain-lain lagi. Kos bahan api ini terpaksa mengikut kos pasaran antarabangsa. Walaupun kita mempunyai perjanjian-perjanjian antara TNB dengan syarikat pembekalan dari luar, kita hanya boleh menumpukan kepada satu masa.

Kebiasaannya pembekal ini tidak ingin memeterai perjanjian yang agak panjang sebab mereka pun tahu harga ini naik turun di pasaran dunia. Oleh sebab itulah kita menghadapi masalah di mana kadangkala TNB perlulah menanggung tentang kos arang batu ini yang naik di pasaran.

5. **Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, mengapa tahap kemahiran teknikal tenaga kerja tempatan sangat rendah iaitu hanya 28 peratus ketika ini berbanding kira-kira 40 peratus di negara maju, dan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meningkatkan peratusan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang telah diberikan. Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini pada masa ini memang benar iaitu di tahap 28 peratus.

Akan tetapi berbanding dengan negara-negara lain, saya ingin menambah apa Yang Berhormat cakapkan itu iaitu di Singapura, tahapnya sudah sampai ke 52 peratus. Jika kita bandingkan pula tenaga berkemahiran tinggi di Taiwan dan Hong Kong sudah mencapai 40 peratus. Jika kita bandingkan dengan Malaysia 28 peratus dengan negara-negara maju seperti Korea Selatan, Jepun dan negara-negara Eropah seperti *Germany*, mereka sudah sampai ke tahap 70 peratus sehingga 80 peratus. Ini adalah senarionya.

Mengapa perkara ini berlaku ada banyak faktor. Antaranya ialah pertama sikap rakyat Malaysia sendiri yang memandang rendah pada bidang kemahiran teknikal dan vokasional dan beranggapan latihan akademik terutama sekali yang sampai ke menara gading ataupun IPT, lebih menjamin masa hadapan. Kedua, kita mendapati pihak industri di negara ini masih kurang menyokong untuk melatih pekerja mahir dan terlampau bergantung kepada kerajaan. Di bawah Kementerian Sumber Manusia sahaja, kita menguruskan dan menyelaras Sijil Kemahiran Malaysia melalui 348 buah pusat-pusat latihan di bawah kerajaan dan 644 buah pusat latihan swasta yang ditauliahkan.

Antara sebab lain juga, kita dapati bahawa rata-rata industri terutamanya industri kecil dan sederhana banyak bertumpu kepada pekerja tidak mahir ataupun pekerja asing. Ini sebabnya juga pendapatan adalah rendah. Lagi satu sebab yang sempat saya muatkan ialah kita dapati tiap-tiap tahun 100,000 mereka yang selepas SPM memasuki pekerjaan tanpa sebarang latihan kemahiran. Oleh itu, kita dapati bahawa pelbagai usaha telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia sendiri dan juga oleh kementerian-kementerian lain. Di bawah Kementerian Sumber Manusia, di dalam usaha untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran dan menjadikan kemahiran pilihan pertama adalah salah satu usaha yang sedang kami buat. Ini kerana pada masa ini masih 52 peratus daripada lebih kurang 425,000 setiap tahun selepas SPM, masih memilih untuk pergi ke IPT. Kita dapati hanya 25 peratus yang ingin menjurus ke bidang kemahiran teknikal dan vokasional.

Jadi, sikap mereka ini perlu diubah dan kita telah mengadakan satu kempen yang kita *brand* kan sebagai *Skills Malaysia* untuk mengubah pemikiran dan sikap rakyat Malaysia untuk mengutamakan bidang kemahiran teknikal dan vokasional.

Antara usaha-usaha ialah dengan mengadakan pertandingan-pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan yang kita panggil *Skills Malaysia* dan seterusnya lain-lain pertandingan. Seterusnya kita juga memperagakan peserta-peserta kita yang telah sampai bertanding di peringkat ASEAN iaitu di *ASEAN Skills* dan juga di peringkat dunia, di *World Skills*. Kita harap ini dapat merangsang minat di kalangan generasi baru dalam bidang kemahiran.

Selain daripada itu, kita dapati lazimnya, latihan kemahiran ini dibuat di pusat-pusat latihan. Akan tetapi mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita akan memberikan fokus yang lebih lagi pada pendekatan Sistem Latihan Dual National iaitu hanya 30 peratus teori di pusat-pusat latihan, 70 peratus lagi dengan industri. Untuk itu, kita telah mengadakan dengan izin, *roadshow* pada tahun ini bertemu dengan semua industri di negeri-negeri.

Kita harap ini bukan hanya akan dapat merapatkan jurang pemisahan di antara industri dan latihan dan pelatih-pelatih yang kita latih tetapi ia dapat membantu kita meningkatkan kebolehpekerjaan dan juga dengan ketepatan latihan dengan permintaan industri, kita berharap ia juga dapat meningkatkan pendapatan mereka ini.

Akhir sekali saya ingin maklumkan bahawa Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri juga sedang menganjurkan satu kajian untuk mengkaji isu-isu dan untuk menyelaraskan pelaksanaan latihan kemahiran teknikal dan vokasional di negara ini yang pada masa ini dilaksanakan oleh lebih lapan buah kementerian dan agensi kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk merasionalisasikan dan juga untuk mengharmonikan pelaksanaan latihan kemahiran teknikal dan vokasional supaya ia dapat terus di arus perdana dan diperkasa. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengira Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulang perkataan sikap sebanyak lima kali, perkataan *skills* tujuh kali dan ternyata skil tanpa sikap tidak ke mana-mana. Barangkali kita perlu mengadakan gerakan transformasi sikap. Terima kasih. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

■1100

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah majikan mengadu bahawa sebahagian besar daripada tenaga kerja di negara kita ini adalah lepasan Tingkatan Lima dan ke bawah. Adakah Kementerian Sumber Manusia, mengambil apa-apa langkah untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk melahirkan lepasan sekolah yang lebih kompeten daripada segi teknikal? Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua. sebenarnya di bawah Jawatankuasa Kabinet Modal Insan itulah salah satu tujuannya dan kajian yang saya sebutkan tadi juga ingin menjurus dan memfokuskan pada perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

6. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Kewangan menyatakan, berdasarkan kepada kepada Laporan Ketua Audit Negara 2010, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mendapat balik kos daripada semua pesalah yang melakukan jenayah serius iaitu penyalahgunaan kuasa untuk meluluskan pembelian barangan secara tidak munasabah pada harga yang beberapa kali lebih mahal daripada harga pasaran sebenar.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan ini telah pun saya jawab dalam penggulungan oleh Kementerian Kewangan yang mana di antara tindakan-tindakan pembetulan telah pun diambil oleh kerajaan seperti penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat kementerian masing-masing, tindakan tatatertib dan surcaj ke atas pegawai-pegawai yang didapati terlibat di dalam penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan wang awam sehingga mendatangkan kerugian kepada kerajaan.

Pemantauan, tindakan susulan yang akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan mengadakan lawatan tapak ke kementerian-kementerian yang telah mendapat teguran oleh Ketua Audit Negara dan memastikan bahawa setiap teguran diambil tindakan pembedulan sewajarnya.

Kementerian Kewangan juga telah dan akan menjalankan *post audit exercise*, dengan izin, ke atas semua isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Kementerian Kewangan juga akan menjalankan aktiviti *flying squad*, dengan izin supaya tindakan-tindakan susulan dan juga *preventive* akan dapat diambil di kementerian dan jabatan untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang sama di masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Paul kalau ada.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang jelas. Soalan tambahan saya ialah mengenai projek National Feedlot Centre (NFC), apakah tindakan-tindakan kerajaan yang telah diambil khasnya isu-isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang mengenai salah guna wang untuk *oversea holidays*, dengan izin bilik kondok mewah di Kuala Lumpur dan Singapura dan kereta mewah Mercedes-Benz dan tanah-tanah di Putrajaya? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya memohon maaf Tuan Yang di-Pertua kerana saya tidak ada maklumat dan tidak ada pengetahuan saya untuk menjawab soalan yang ditimbulkan tanpa notis seperti ini. Barangkali Kementerian Pertanian barangkali mempunyai maklumat-maklumat. Jadi saya, minta maaf kerana menghampakan Yang Berhormat pada kali ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan tambahan Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh kerana ada kekurangan, kelemahan ataupun dengan izin, *flaws* di kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya ingin mengetahui apakah punca utama perkara-perkara sebegini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli daripada Yayasan YKS dari Pulau Pinang di Dewan ini... [Tepuk].

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey. Kita turut mengalu-alukan. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa masalah mengapa perkara ini boleh berlaku, kelemahan-kelemahan ini boleh berlaku banyaknya adalah di peringkat pelaksanaan. Saya yakin di peringkat dasarnya begitu jelas dan pelbagai tatacara kewangan umpamanya telah pun diamalkan sejak sekian lama. Akan tetapi, kadang-kadang pelaksanaan dan pemantauan yang barangkali tidak begitu kemas.

Penemuan oleh Ketua Audit Negara ini cukup baik daripada segi memperingati dan juga memberikan tumpuan kepada kelemahan-kelemahan ini supaya sentiasa setiap tahun ianya dapat diberikan tumpuan.

Saya rasa laporan pada tahun 2010 ini adalah sesuatu yang agak mendapat perhatian yang begitu besar sekali. Saya yakin ianya akan dengan tindakan-tindakan susulan yang saya sebutkan tadi, ia akan berkurangan di tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

7. **Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) jumlah IPTA dan IPTS di seluruh negara yang menyediakan kursus perubatan di dalam negara sekarang; dan

- (b) jumlah pelajar kita yang berkelulusan doktor perubatan setiap tahun daripada IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara bagi tempoh empat tahun hingga sekarang dan di antara mereka berapakah jumlah pelajar yang meneruskan pengajian hingga ke peringkat doktor pakar (*specialist*).

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sehingga bulan Oktober 2011, terdapat sebanyak 11 buah IPTA dan 16 buah IPTS yang menawarkan program pengajian dalam jurusan perubatan bagi peringkat sarjana muda, peringkat sarjana dan peringkat PhD. IPTA yang menawarkan program perubatan itu ialah:

- (i) Universiti Malaya;
- (ii) Universiti Sains Malaysia;
- (iii) Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (iv) Universiti Putra Malaysia;
- (v) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;
- (vi) Universiti Malaysia Sarawak;
- (vii) Universiti Malaysia Sabah;
- (viii) Universiti Teknologi Mara;
- (ix) Universiti Sains Islam Malaysia;
- (x) Universiti Sultan Zainal Abidin; dan
- (xi) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Manakala IPTS yang menawarkan program pengajian perubatan pula ialah:

- (i) Universiti UCSI;
- (ii) *AIMST University*;
- (iii) *Alion College of Medical Sciences*;
- (iv) *International Medical University*;
- (v) Kolej Perubatan Melaka Manipal;
- (vi) Kolej Perubatan Pulau Pinang;
- (vii) Kolej Universiti Antarabangsa INTI;
- (viii) Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya;
- (ix) Kolej Universiti Taylor;
- (x) *MAHSA University College*;
- (xi) *Management and Science University*;
- (xii) Monash University Malaysia;
- (xiii) Newcastle University Medicine Malaysia;
- (xiv) Universiti Kuala Lumpur;
- (xv) *Royal College of Medicine Perak*;
- (xvi) Universiti Kuala Lumpur (Kampus Kota); dan
- (xvii) Universiti Tunku Abdul Rahman (Kampus Kuala Lumpur)

Daripada segi keluaran pula, pada tahun 2008, seramai 879 orang graduan perubatan bagi peringkat pengajian sarjana muda dihasilkan oleh IPTA dan 510 orang graduan dihasilkan oleh IPTS. Pada tahun 2009, bilangan graduan dari IPTA bertambah kepada 935 orang graduan dan dari IPTS seramai 525 orang graduan. Seterusnya, pada tahun 2010, jumlah graduan IPTA ialah seramai 1,004 orang dan IPTS seramai 655 orang.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bilangan graduan perubatan yang melanjutkan pengajian ke peringkat doktor pakar iaitu sarjana dan PhD - pada tahun 2008 dan ini di IPTA dan di IPTS adalah di IPTA seramai 709 orang dan IPTS adalah seramai 130 orang.

Pada tahun 2009, di IPTA seramai 700 orang dan di IPTS adalah seramai 182 orang. Pada tahun 2010 di IPTA seramai 845 orang dan di IPTS seramai 100 orang. Manakala bagi graduan dari luar negara, saya cuma ada data untuk tahun 2010 dan ini adalah campuran untuk perubatan dan pergigian yang ditaja oleh pihak JPA di mana jumlahnya ialah seramai 900 orang. Terima kasih.

■1110

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa doktor-doktor pakar kita dalam beberapa bidang dengan izin, *especially in this sub specialist* seperti *neurophysician, neurosurgeon, psychiatrist* dan di bidang *sports* dan sebagainya masih dilihat kurang. Apakah insentif-intensif yang disediakan bagi menarik lebih ramai lagi doktor-doktor kita untuk meneruskan pengajian mereka ke tahap pakar dalam bidang-bidang *subspecialties* tersebut? Apakah langkah yang diambil dalam memastikan agar kelahiran doktor-doktor kita sentiasa mempunyai taraf kesabaran yang lebih tinggi berbanding dengan rakyat jelata? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah:Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum tentang soalan pakar-pakar dalam bidang-bidang yang dimaksudkan sebagai *subspecialist* ini. Apabila mereka dihantar untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PhD. ataupun *post graduate* diploma yang lain, kita mengambil kira soal-soal pengkhususan dalam bidang-bidang *subspecialist* ini.

Dari segi galakan di peringkat kita di Kementerian Pengajian Tinggi, kita tidak mempunyai kebolehan untuk menawarkan sebagai contoh, gaji yang besar dan sebagainya. Akan tetapi lazimnya, mereka ini bertugas di hospital mengajar. Oleh sebab itu mereka adalah juga seorang ahli akademik. Bagi ahli akademik, di samping mereka boleh praktis dengan izin, yang mustahak bagi mereka adalah tarikan dari segi dana *research and development*. Jadi itu biasanya menjadi tarikan kepada mereka.

Izinkan saya juga untuk mengambil kesempatan ini untuk mengatakan bahawa sebenarnya doktor-doktor perubatan yang di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang bertugas di *teaching hospital* ini, mereka membuat kerja yang agak luar biasa Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana di samping mereka harus dengan izin, *attend to patient*, mereka juga harus mengajar, harus membuat *research* dan harus menerbitkan penulisan-penulisan mereka. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pertama ialah bilangan pelajar-pelajar perubatan di IPTA sejak dua atau tiga tahun kebelakangan ini mengikut pecahan kaum. Itu kalau Yang Berhormat ada waktu ini. Kalau tidak ada, boleh bagi kemudian pun tidak apa.

Perkara yang kedua yang ingin saya timbulkan ialah mengenai dasar meritokrasi yang kaitannya dengan kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA khususnya dalam fakulti kritikal seperti perubatan. Pada hemat saya, *in my humble opinion* dengan izin, dasar ini mempunyai beberapa kelemahan dan membawa kepada satu bentuk ketidakadilan khususnya kepada pelajar-pelajar luar bandar, Melayu, Iban, Kadazan, Orang Asli dan sebagainya. Mana mungkin mereka ini dapat bersaing dengan pelajar-pelajar di bandar seperti di Damansara, Subang Jaya yang mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur sekolah yang sangat canggih.

Saya memohon kerajaan untuk mengkaji semula khususnya melalui Kementerian Pengajian Tinggi, dasar meritokrasi ini yang pada hemat saya, jika tidak diperbaiki atau berterusan begini, ia boleh membawa kepada satu bentuk kezaliman. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih .

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Saya bimbang nanti saya guna perkataan tertentu, Tuan Yang di-Pertua kira pula perkataan itu. Soalan yang saya fikir sangat mustahak dan memang saya tidak nafikan ada kerisauan di sesetengah pihak apabila perkara ini berlaku. Dari segi bilangan pelajar perubatan di IPTA mengikut pecahan kaum, saya minta izin untuk dijawab secara bertulis.

Dari segi dasar meritokrasi dan hubungannya terhadap kemasukan ke IPTA khususnya dalam kursus yang kritikal seperti perubatan, ada beberapa perkara yang harus kita lihat. Pertama ialah, walaupun saya tidak ada angkanya sekarang tetapi jumlah pelajar bumiputera yang memasuki bidang perubatan dan kemudian berjaya untuk graduan sebagai graduan perubatan itu sudah boleh dikatakan agak seimbang dari segi kaumnya jikalau berbanding dengan mungkin 20 atau 30 tahun yang lalu. Itu yang pertama.

Kedua, dari segi pelajar-pelajar luar bandar khususnya pelajar bumiputera, sebenarnya kalau dikira, mereka akan masuk ke fakulti perubatan itu secara langsung dari sekolah menengah harian di kampung mereka tinggal misalnya iaitu mungkin satu perkara yang sukar berlaku kerana soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi dalam lazimnya pun, hanya pelajar terbaik yang akan memohon kepada program seperti perubatan dan hanya pelajar terbaik yang akan mendapat keputusan peperiksaan yang terbaik untuk layak di bawa masuk ke dalam kursus perubatan. Lazimnya pelajar yang terbaik itu sudah pun dipilih selepas UPSR mereka, selepas PMR mereka untuk diletakkan sama ada sebagai contohnya di Maktab Rendah Sains MARA atau di sekolah berasrama penuh.

Dengan berasaskan perkara itu Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan bahawa isu pelajar luar bandar tidak mampu bersaing dengan pelajar bandar dalam konteks *the top*, dengan izin, pelajar terbaik untuk kursus yang memerlukan keputusan tertentu seperti perubatan, pada saya walaupun hujah Yang Berhormat itu ada kewajarannya, tetapi dari segi praktisnya kita sudah mengatasi masalah tersebut.

Justeru, saya mengatakan bahawa tidak timbul soal persaingan untuk kursus seperti perubatan bagi pelajar bumiputera untuk bersaing dengan pelajar bukan bumiputera.

8. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, mengenai rungutan pengguna-pengguna elektrik TNB bahawa caj tenaga yang terlalu tinggi berikutan penggunaan meter baru TNB dan adakah meter baru tersebut telah mendapat kelulusan SIRIM.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]:

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, meter baru jenis elektronik ini akan merekodkan penggunaan elektrik dengan lebih tepat berbanding dengan meter lama. Dengan yang demikian, pihak pengguna dijangka akan mengalami sedikit peningkatan di dalam bil elektrik selepas penukaran meter.

Selain disebabkan oleh penggantian meter, peningkatan jumlah bil elektrik juga pada lazimnya disebabkan oleh perkara-perkara seperti perubahan cuaca panas, musim perayaan, pertambahan jumlah isi rumah dalam tempoh tertentu, penggunaan elektrik yang tidak berhemah, meter lama diusik dan kenaikan tarif. Hasil semakan yang dibuat ke atas aduan semua pengguna yang dilaporkan dalam pihak akhbar setakat bulan Oktober seumpamanya 2011 menunjukkan 93 peratus daripada pengguna mengalami peningkatan bil elektrik secara mendadak disebabkan oleh kes meter diusik manakala 7 peratus lagi adalah disebabkan oleh meter lama yang telah rosak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kesemua meter baru telah menjalankan ujian kejitan oleh makmal yang telah mendapat akreditasi berdasarkan standard MS ISO/IEC 17025 yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi. Terdapat enam makmal bebas yang diberikan akreditasi untuk menguji meter elektrik berdasarkan standard yang ditetapkan.

■1120

Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga akan turut memantau proses penggantian meter yang dilakukan oleh pihak TNB supaya proses penggantian ini dijalankan secara telus dan teratur supaya tiada peningkatan jumlah bil elektrik yang ketara kepada pengguna.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Cuma soalnya tentang SIRIM ini tidak dijawab nampaknya. Adakah telah mendapat kelulusan SIRIM?

Saya tidak dengar sama ada jawab. Akan tetapi bagaimanapun silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid untuk mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah dengan pengenalan meter baru ini TNB yakin dapat menyelesaikan isu caj tertunggak, menipu rekod meter ataupun usikan meter dan ketetapan yang lebih baik supaya setiap penggunaan elektrik akan dikenakan caj yang setimpal.

Juga bagaimanakah kaedah TNB untuk mengutip semula hutang tertunggak akibat kes curi elektrik, usik elektrik serta menggunakan meter palsu kerana saya difahamkan nilai mencecah berjuta-juta ringgit dan satu kerugian besar kepada TNB dan juga kepada negara. Ini kerana di bawah Akta Bekalan Elektrik, TNB boleh caj setakat manakah kita boleh buktikan bahawa penggunaan ataupun usikan jangka ini telah berlaku sejak sekian lama. Mohon pandangan kementerian.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Silakan menjawab.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua mengenai SIRIM tadi, komen daripada Tuan Yang di-Pertua. Memang ini SIRIM terangkum dalam Jabatan Standard Malaysia yang keluaran standard.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh, sudah dapatkan kelulusan?

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ya, ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai usik meter ini memang perkara ini adalah satu perkara yang mengakibatkan pihak TNB mengalami kerugian. Lingkungannya ialah RM400 juta hingga RM500 juta setahun. Ini satu angka yang cukup besar.

Oleh sebab itu pihak TNB mengambil perhatian yang rapi tentang masalah ini dan menggunakan cara-cara untuk mengesan di mana antara pengguna-pengguna besar seperti di kilang mereka profil kegunaan elektrik mereka supaya TNB dapat walaupun tidak 100 peratus katakan kilang ini atau pengguna ini mengusik meter tetapi pihak TNB mempunyai satu *Standard Operating Procedure* (SOP) di mana pihak TNB akan menulis surat kepada pihak-pihak yang berkenaan yang dikesan sebagai satu profil yang tidak tertentu kegunaannya tidak stabil. Maknanya dia turun, dia naik, dia turun, dia naik.

Dengan ada profil seperti itu pihak TNB akan menulis surat kepada pengguna tersebut dan dalam surat tersebut akan meminta pihak kilang tersebut atau pengguna tersebut untuk berbincang dengan pihak TNB supaya *evidence* yang terbukti itu akan di kesan dari segi satu pemeriksaan di dalam kilang tersebut atau di dalam rumah tersebut.

Saya yakin Yang Berhormat dengan adanya pihak TNB menggunakan *Standard Operating Procedure* dengan izin, yang mesra dengan pengguna dan tidak menggunakan cara yang kasar untuk melakukan *enforcement* mereka dengan izin, saya rasa adalah di antara pihak-pihak yang membuat aduan itu mereka boleh bincang dari segi *settlement outside court* dengan izin, dengan pihak-pihak yang berkenaan itu. Saya rasa dengan cara yang tersebut pihak TNB walaupun ada mempunyai dalam Akta Bekalan Elektrik ini yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu tetapi saya sudah nasihat kepada pihak TNB kalau ada kes-kes seperti ini janganlah kita gunakan cara yang kasar tetapi mengikut undang-undang dan mengikut *Standard Operating Procedure* yang mesra pelanggan itu.

9. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) penjelasan atas mekanisme untuk menentukan harga minyak setiap bulan selepas polisi harga minyak melambung mengikut harga minyak sedunia dilaksanakan; dan

- (b) terdapat banyak aduan di mana harga minyak hanya berubah apabila harga minyak sedunia meningkat dan kekal sedangkan harga minyak sedunia telah pun menurun, adakah benar aduan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang digunakan untuk menentukan harga minyak masih lagi sama seperti sebelum ini di mana pihak kerajaan menggunakan *Auto Pricing Mechanism* (APM) di dalam menentukan harga pasaran. Kaedah APM tersebut bukan sahaja mengambil kira kos produk malahan mengambil kira faktor-faktor lain seperti kos operasi syarikat minyak, margin keuntungan syarikat minyak, margin keuntungan pengusaha serta juga cukai jalan ke atas produk petroleum tersebut.

Mekanisme yang digunakan untuk menentukan harga minyak setiap bulan hanya terpakai untuk produk RON97 sahaja kerana harga minyak bagi produk RON97 dikategorikan sebagai *manage float* berkuat kuasa 16 Julai 2010 di mana kerajaan akan menilai keperluan untuk kenaikan atau penurunan harga berdasarkan harga pasaran dunia. Bagi produk RON95 dan diesel kerajaan akan mengkaji keperluan untuk kenaikan ataupun penurunan harga berdasarkan tempoh enam bulan sekali. Walau bagaimanapun kajian tersebut akan mengambil kira keadaan inflasi dan ekonomi Malaysia pada waktu itu. Sekiranya keadaan inflasi tinggi kerajaan biasanya akan menyerap kos tersebut dengan meningkatkan subsidi kerajaan dan mengekalkan harga minyak pada harga semasa.

Sekiranya kerajaan tidak dapat menanggung jumlah kenaikan harga pasaran yang terlalu tinggi barulah kerajaan akan menaikkan harga supaya kerajaan dan rakyat sama-sama menanggung beban kenaikan harga pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua aduan mengenai harga minyak hanya berubah apabila harga minyak sedunia meningkat dan kekal sedangkan harga minyak sedunia telah pun menurun adalah tidak berasas sama sekali.

■1130

Pada tahun 2008 kerajaan telah menurunkan harga minyak secara berkala untuk RON97 daripada RM2.70 seliter kepada RM1.80 seliter. Apabila harga 'mog' nya untuk RON97 menurun daripada USD145.96 se *barrel* kepada USD45.47 se *barrel*.

Selain itu, pada 16 Jun 2011, kerajaan juga telah menurunkan bagi produk RON97 daripada RM2.90 seliter kepada RM2.80 seliter apabila harga pasaran 'mog' nya untuk RON97 telah menurun daripada USD131.51 per *barrel* pada bulan April 2011 kepada USD128.20 per *barrel* pada bulan Mei 2011. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi tadi. Baru-baru ini terdapatnya lima orang pegawai penguat kuasa termasuklah seorang berpangkat tinggi ditahan di Negeri Kedah yang disyaki terbabit menerima rasuah dalam kegiatan sindiket penjualan minyak subsidi diesel dan petrol secara haram. Soalan tambahan saya ialah setakat manakah seriusnya perkara ini dan bagaimana untuk mencegahnya atau menghapuskan kegiatan yang sebenarnya tidak boleh berlaku ini? Sekian.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Memang pihak kerajaan tidak berkompromi dengan sesiapa yang telah pun membuat penyalahgunaan ataupun penyelewengan petrol sama ada RON95 ataupun subsidi diesel. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya pada tahun ini sahaja sehingga 30 November 2011, kita sebenarnya telah pun membuat tangkapan sebanyak 433 kes yang telah pun dikenal pasti, di mana nilai minyaknya ialah 579,586 liter dan jumlah iaitu rampasan dari segi ringgitnya RM1.095 juta. Pihak kerajaan telah pun begitu serius melihat penyelewengan yang berlaku terutamanya di sempadan-sempadan.

Maka pihak KPDNKK telah pun bekerjasama dengan KKDN untuk meletakkan anggota-anggota RELA di stesen-stesen minyak di sempadan, di mana kita telah pun melibatkan sebanyak 317 anggota RELA di 45 stesen terutamanya di Kelantan ada 28 stesen, di Perak dua, di Kedah 11 dan Perlis empat. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak bukan sahaja daripada KDN tetapi juga dengan pihak imigresen dan UPP kita akan terus melihat dan mengawal penyelewengan yang berlaku di sempadan-sempadan negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah sudah pertanyaan soalan jawab lisan kita pada pagi ini. Sekarang saya persilakan setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Seperti mana yang telah dilafazkan sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, izinkan saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam dan memahami, menghayati dan mendukung serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia yang sebagaimana Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi. Janganlah sekali-kali kita langgar dan mengingkari sumpah ikrar setia yang telah kita lafazkan. Sangatlah penting dan mustahak semua Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat yang baru dilantik sebentar tadi membaca, memahami dan mempraktikkan dengan bijak dua perkara penting yang saya hendak nyatakan. Pertama, Perlembagaan Negara Malaysia dan yang kedua Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara.

Setelah memahami, menghayati dan mempraktikkannya semasa berucap atau berbahas tentu sekali akan memberi keyakinan dan seterusnya melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa dan dihormati. Saya juga ingin mengingatkan diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar marilah kita semua berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan negara yang kita sama-sama muliakan sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah, berkualiti, berkredibiliti serta berintegriti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah kita pada pagi ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.39 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

■1140

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.41 pg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 iaitu satu rang undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta serta mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum pengajian dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Akta ini pada amnya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM1,500 sebulan dan pekerja-pekerja manual tanpa had gaji. Objektif utama akta ini adalah untuk memberi perlindungan asas kepada pekerja-pekerja khususnya yang tidak berkesatuan untuk berunding dengan majikan mereka bagi mendapatkan terma dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik. Akta ini berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala Sabah dan Sarawak dilindungi oleh Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1957 akta ini telah melalui proses pindaan sebanyak sepuluh kali selaras dengan perubahan dan keperluan semasa. Akta ini telah dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa terutamanya dalam menyediakan suasana perburuhan yang lebih kondusif. Cadangan pindaan ini juga telah melalui proses konsultasi dengan pihak majikan, pekerja dan agensi-agensy kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada 21 Jun 2011 Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali pertama. Cadangan pindaan ini melibatkan 28 peruntukan sedia ada yang dipinda, 17 peruntukan baru dan dua peruntukan yang dimansuhkan. Objektif utama cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 kali ini adalah untuk menyesuaikan dengan keperluan semasa dan memantapkan penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara amnya pindaan-pindaan di bawah undang-undang ini adalah terbahagi kepada:

- (i) pindaan kepada peruntukan sedia ada;
- (ii) peruntukan baru; dan
- (iii) peruntukan yang dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan kepada peruntukan yang sedia adalah seperti berikut.

Antara peruntukan-peruntukan sedia ada yang terlibat dalam pindaan ini adalah seksyen 2(1) untuk meminda takrif "waktu bersalin" dengan izin *confinement*. Pada masa sekarang seksyen 2(1) mentafsirkan bahawa seseorang pekerja wanita hanya layak mendapat cuti bersalin bergaji sebanyak 60 hari jika dia melahirkan anak setelah hamil sekurang-kurangnya 28 minggu. Namun perkembangan teknologi perubatan yang terkini membolehkan bayi yang dilahirkan pramatang sebelum 28 minggu dapat diselamatkan dan terus hidup. Sehubungan itu, tafsiran "waktu bersalin" ini dipinda supaya pekerja-pekerja wanita yang telah hamil sekurang-kurangnya 22 minggu atau lima setengah bulan turut dapat menikmati cuti bersalin yang bergaji. Pindaan ini juga dibuat selaras dengan ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Seksyen 19 dipinda dengan memasukkan subseksyen 2 bagi memberi tempoh yang sewajarnya kepada majikan untuk membuat bayaran gaji kerja lebih masa, kerja pada hari rehat dan kerja pada cuti umum selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh gaji dibayar untuk bulan berikutnya. Cadangan ini dibuat bagi melicinkan pentadbiran Jabatan Tenaga Kerja yang mana sebelum ini majikan yang ingin membayar bayaran kerja lebih masa selepas tujuh hari hendaklah memohon pelepasan daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Seksyen 22 dipinda bagi membenarkan pemberian bayaran pendahuluan kepada pekerja untuk pembelian komputer, perbelanjaan perubatan, perbelanjaan harian sementara menunggu pampasan untuk tempoh hilang upaya sementara di bawah Akta PERKESO 1969 dan perbelanjaan pendidikan.

Peruntukan ini turut memberi kemudahan kepada pekerja untuk mendapat pendahuluan bagi tujuan perbelanjaan perubatan dan pendidikan kepada ahli keluarga terdekat. Pindaan ini dibuat selaras dengan keperluan semasa yang dihadapi oleh pekerja dan ahli keluarganya.

Seksyen 25 dipinda bagi mengehendaki majikan membayar gaji pekerja termasuk pekhidmatan domestik melalui akaun bank. Pada masa ini terdapat banyak kes yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja berhubung kegagalan majikan membayar gaji kepada pembantu rumah mereka. Apabila disiasat, majikan lazimnya mendakwa gaji telah dibayar secara tunai kepada pekerja berkenaan. Masalah seumpama ini sukar diselesaikan kerana tiada bukti-bukti yang kukuh. Sehubungan itu, pindaan ini dibuat bagi memastikan urusan pembayaran gaji yang dibuat melalui bank boleh dijadikan sebagai bukti pembayaran daripada majikan kepada pekerja yang berkenaan. Pindaan ini juga akan memastikan hak pekerja terbela dan kepentingan majikan terpelihara.

Seksyen 25A(1) dan (2) dipinda bagi membolehkan majikan dengan persetujuan bertulis daripada pekerja termasuk pekerja domestik membayar gaji melalui *legal tender* atau *cheque*. Berikutan pindaan kepada seksyen 25 yang mengehendaki majikan membayar gaji melalui bank, pindaan ini membolehkan majikan masih membayar gaji secara tunai atau *cheque* yang bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja yang bekerja di pendalaman dan tiada kemudahan perbankan. Walau bagaimanapun, majikan perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu.

Seksyen 37(4) dipinda untuk memperjelaskan lagi bahawa perkhidmatan seseorang pekerja wanita tidak boleh ditamatkan semasa dalam tempoh cuti bersalin walaupun pekerja wanita itu gagal memberikan notis mengenai cuti bersalinnya.

Seksyen 60(3)(b) dipinda bagi mengadakan peruntukan serta menjelaskan mengenai kaedah dan kadar pembayaran gaji pekerja yang 'digajikan' di negara ini sama ada secara bulanan, harian atau mingguan kerana bekerja pada hari rehat.

Seksyen 60D dipinda untuk memasukkan Hari Malaysia iaitu pada 16 September setiap tahun sebagai suatu hari kelepasan am yang mandatori.

■1150

Ini memandangkan cuti 16 September telah pun diwartakan di bawah seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951. Dengan pindaan ini, maka akan terdapat lima hari kelepasan am bergaji yang mandatori yang mesti diberikan majikan kepada para pekerja berbanding empat hari pada masa ini.

Seksyen 60K dipinda dengan memasukkan subseksyen 3 bagi mewajibkan majikan memaklumkan kepada Jabatan Tenaga Kerja dalam masa 30 hari daripada tarikh penamatan kontrak perkhidmatan oleh majikan atau pekerja asing termasuk melarikan diri atau tarikh permit kerja telah luput atau penghantaran pulang pekerja itu ke negara asal mereka.

Dengan cara ini pihak kementerian khasnya Jabatan Tenaga Kerja akan dapat memantau dengan lebih terperinci maklumat mengenai penggajian pekerja asing yang bekerja di negara ini. Maklumat yang ada juga akan membantu kementerian dalam membuat unjuran akan keperluan tenaga kerja secara keseluruhan.

Proses ini akan dilaksanakan dengan kerjasama rapat Kementerian Dalam Negeri dalam memastikan ia tidak menambah *red tape*. Seksyen 69B dipinda bagi memperluaskan skop siasatan Ketua Pengarah Tenaga Kerja terhadap aduan oleh pekerja yang bergaji RM1,500 kepada RM2,000. Pindaan ini akan meningkatkan bilangan pekerja yang dilindungi di bawah akta daripada 50 peratus kepada 70 peratus. Ini adalah berdasarkan statistik jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 2010.

Seksyen 82 dipinda bagi membolehkan penyerahan saman ganti, *substitute service of summons* dengan izin, yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja bukan sahaja boleh diserahkan kepada ahli keluarga lelaki dewasa tetapi juga kepada mana-mana ahli keluarga dewasa termasuk wanita kecuali pembantu rumah yang tinggal bersama di dalam rumah. Ini akan dapat memudahkan penyerahan saman yang dibuat dan selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Acara Jenayah.

Seksyen 101A dipinda untuk menurunkan kuasa mengkompaun kepada pegawai tertentu yang dilantik oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Ini adalah selaras dengan prosedur-prosedur kompaun yang diamalkan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Seksyen 102 dipinda untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pengajian pekerja asing di bawah seksyen 60K, tatacara bagi pengendalian aduan dan siasatan gangguan seksual serta menetapkan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan domestik. Dengan adanya peraturan yang berkaitan akan dapat memperjelaskan lagi tafsiran dan pelaksanaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan ini juga melibatkan peruntukan-peruntukan yang baru. Antaranya adalah peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai takrifan gangguan seksual. Tujuan takrif baru ini adalah bagi maksud melanjutkan tatacara aduan gangguan seksual dalam Bahagian baru iaitu XVA, Akta 265. Peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai takrifan pekhidmat domestik asing. Tujuan peruntukan ini diwujudkan adalah bagi membezakan pekhidmat domestik bertaraf warganegara dan penduduk tetap dengan pekhidmat domestik asing. Takrifan ini mempunyai kaitan rapat dengan peruntukan baru seksyen 57A dan 57B di mana pihak majikan perlu melaporkan penggajian dan penamatan pekhidmat domestik asing kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai takrifan kontraktor tenaga kerja, *contractor for labor* dan memotong takrif subkontraktor tenaga kerja. Takrifan kontraktor tenaga kerja yang baru ini adalah sama seperti takrifan subkontraktor tenaga kerja yang sedia ada.

Perkataan prinsipal dimasukkan ke dalam takrifan tersebut bagi memperluaskan pemakaian supaya meliputi dan memperjelaskan hubungan *principle*, kontraktor dan subkontraktor yang membekalkan tenaga kerja.

Peruntukan baru seksyen 33A juga mempunyai kaitan dengan takrifan kontraktor tenaga kerja di mana peruntukan ini bertujuan untuk mewajibkan kontraktor tenaga kerja mendaftar dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja sekiranya mereka berniat untuk membekalkan pekerja atau mengaku janji untuk membekalkan pekerja. Peruntukan ini juga menghendaki kontraktor tenaga kerja untuk menyimpan dan penyelenggara maklumat mengenai pekerja yang dibekalkan di dalam satu daftar bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan.

Peruntukan ini bukanlah untuk menginstitusikan atau menggalakkan penggajian melalui kontraktor tenaga kerja tetapi bertujuan untuk memastikan pekerja yang digajikan oleh kontraktor tenaga kerja tersebut diberi perlindungan dan mendapat hak-hak mereka di bawah undang-undang.

Peruntukan baru ini amat penting bagi menangani masalah tenaga kerja di bawah prinsipal, kontraktor dan subkontraktor terutama di ladang-ladang serta kontraktor tenaga kerja yang menawarkan tenaga kerja. Melalui pindaan ini akan membolehkan Jabatan Tenaga Kerja mempunyai rekod daftar yang lengkap mengenai kontraktor tenaga kerja dan membolehkan pekerja-pekerja diberi perlindungan sebaiknya termasuk kebajikan mengenai caruman KWSP dan PERKESO.

Pindaan ini telah dicadangkan dan disokong oleh *National Union of Plantation Workers* (NUPW) yang mana amalan membekalkan pekerja oleh kontraktor tenaga kerja memang sedia berlaku sejak dahulu sehingga kini terutama di sektor perladangan. NUPW semasa membentangkan kertas kerja di *ILO - Asia Pacific Regional Seminar* di New Delhi, pada tahun 1997 menyatakan bahawa pendaftaran kontraktor tenaga kerja akan dapat meningkatkan ketelusan dalam sistem ini memudahkan urusan penguatkuasaan undang-undang buruh dan dapat mengurangkan insiden-insiden penindasan hak-hak pekerja yang dibekalkan oleh kontraktor dengan kerja tersebut.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 1997 dan 1998 juga telah membincangkan isu *contract labour* dengan panjang lebar dan telah mencadangkan konvensyen dan *recommendation* mengenai *contract labour*. Antara lain cadangan konvensyen tersebut menggariskan tanggungjawab negara-negara anggota ILO untuk mempromosikan hak sama rata di antara *contract labour* dengan pekerja-pekerja yang lain. Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini adalah selaras dengan saranan ILO demi melindungi hak dan kepentingan golongan pekerja yang digaji melalui sistem ini. Kementerian yakin dengan adanya peruntukan ini, ia akan memperjelaskan lagi status dan hubungan majikan dan kontraktor tenaga kerja dengan pekerja yang terlibat.

Dalam masa yang sama, ini akan memudahkan pihak Jabatan Tenaga Kerja mengesan pihak yang bertanggungjawab kepada hak-hak pekerja tersebut seperti urusan pembayaran gaji dan faedah-faedah yang lain serta mudah dan mempercepatkan penyelesaian kes-kes yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

■1200

Kementerian mengambil maklum akan kegusaran sesetengah pihak bahawa perkara ini dilihat boleh menjejaskan perjawatan atau pekerjaan tetap. Walau bagaimanapun, penggajian melalui sistem ini akan dipastikan agar ia mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan termasuk kontrak perkhidmatan, waktu kerja dan sebagainya.

Perlu dimaklumkan juga bahawa peruntukan baru di bawah seksyen 33A ini tidak sama sekali menafikan hak pekerja yang dibekalkan itu untuk menyertai kesatuan sekerja dalam industri yang berkenaan.

Selain itu, seksyen 17(1)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga telah menyatakan dengan jelas bahawa sesuatu perjanjian kolektif adalah mengikat dan terpakai ke atas kesemua pekerja yang bekerja atau kemudiannya diambil bekerja dalam pengusahaan atau sebahagian daripada pengusahaan di mana perjanjian itu berkaitan. Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 pula, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja diberi kuasa untuk memutuskan sama ada seseorang pekerja yang dibekalkan itu boleh menyertai kesatuan sekerja berdasarkan kesamaan, jenis pekerjaan, dagangan atau institusi perniagaan di mana pekerja yang dibekalkan itu bekerja.

Peruntukan baru seksyen 44A bertujuan untuk memberi perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gaji mereka. Peruntukan ini akan dapat memastikan semua pekerja wanita mendapat faedah-faedah bersalin seperti mana yang termaktub di bawah akta.

Peruntukan baru seksyen 57A bertujuan untuk mewajibkan majikan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam tempoh 30 hari dari tarikh penggajian pekhidmat domestik asing yang bekerja dengan majikan untuk tujuan pemantauan jumlah sebenar pekerja asing yang digaji oleh majikan.

Peruntukan baru seksyen 57B bertujuan untuk mewajibkan semua majikan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam masa 30 hari sekiranya kontrak perkhidmatan ditamatkan oleh majikan pekhidmat domestik asing termasuk melarikan diri, tarikh permit kerja luput atau atas sebab penghantaran semula pekhidmat domestik asing ke negara asal. Berdasarkan laporan ini, Jabatan Tenaga Kerja akan mempunyai maklumat yang lebih tepat mengenai jumlah pekhidmat domestik asing yang masuk bekerja dan masih bekerja di negara ini. Ini akan membolehkan Kementerian menganalisis trend dan membuat unjuran mengenai keperluan bagi tenaga kerja ini.

Bahagian baru XVA dimasukkan bagi mewujudkan prosedur-prosedur berkaitan aduan, siasatan kes dan lain-lain peruntukan khusus dalam menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja dan di luar tempat kerja yang melibatkan aktiviti syarikat. Ini memandangkan gangguan seksual tidak terhad di tempat kerja sahaja.

Bahagian ini juga memasukkan peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah Tenaga Kerja menyiasat kes-kes berhubung majikan milikan tunggal. Peruntukan-peruntukan dalam bahagian baru ini akan terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Sebarang pelanggaran dalam peruntukan di bawah bahagian ini boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak RM10,000 sebagai langkah pencegahan terhadap kesalahan yang dilakukan.

Sebelum bahagian baru ini diwujudkan, Kementerian telah pun mempunyai Kod Amalan Mencegah Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Kementerian mengambil berat akan pandangan bahawa kod amalan ini tidak mempunyai kuat kuasa dari segi undang-undang dan hanya merupakan garis panduan. Sehubungan itu, bagi memastikan suasana tempat kerja yang kondusif, bahagian ini diwujudkan untuk memberi lebih perlindungan kepada pekerja.

Peruntukan baru seksyen 90A bertujuan untuk melindungi pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja daripada apa-apa tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak selagi mana mereka bertindak dengan suci hati, *in good faith*.

Peruntukan baru seksyen 101B dimasukkan bagi membolehkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, perbadanan, perkongsian, pertubuhan atau kesatuan sekerja, maka mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus atau pegawai yang seumpamanya atau semua rakan kongsi dan pemegang jawatan pada masa kesalahan dilakukan boleh didakwa berasingan atau bersama dan disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut. Dengan adanya peruntukan ini, pegawai-pegawai utama syarikat boleh didakwa sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang oleh syarikat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan-peruntukan yang dimansuhkan adalah seksyen 2(1) mengenai definisi *subcontractor for labour* dimansuhkan dan digantikan dengan definisi baru iaitu *contractor for labour*. Subseksyen 43 mengenai kesalahan majikan menamatkan pekerja wanita yang gagal memaklumkan mengenai cuti bersalinnya dimansuhkan memandangkan jenis kesalahan itu telah diliputi di bawah seksyen 37(4) yang memperuntukkan bahawa perkhidmatan seseorang pekerja wanita tidak boleh ditamatkan semasa cuti bersalin oleh majikan untuk apa-apa sebab kecuali yang dinyatakan dalam proviso kepada seksyen 37(4) yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang telah dibuat terhadap rang undang-undang ini, aspek kebajikan, perlindungan dan pengurusan dan perburuhan di negara ini akan menjadi bertambah baik lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya meneruskan Majlis ini, suka cita saya memaklumkan bahawa dengan persetujuan, dengan hasrat Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk mengedarkan satu laporan kepada semua Ahli-ahli Dewan selepas ini ataupun bentara akan mengedarkan kepada semua Ahli-ahli Majlis yang ada di Dewan ini.

Seterusnya saya juga hendak mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam tajuk rang undang-undang ini. Oleh kerana masa itu terlalu mencemburui kita, saya sangat-sangat berharap kalau boleh – sekarang saya ada sembilan nama dan saya akan cuba memberi peluang kepada semua. Di samping itu, cuba berucap dengan ringkas, tepat dan relevan kepada akta yang berkenaan iaitu pindaan. Saya percaya ramai hendak bercakap berkenaan masalah ini tetapi yang kalau menimbulkan agaknya perkara yang boleh makan masa sangat, cuba ringkaskanlah. Di samping itu, kalau sudah ada di kalangan Ahli Yang Berhormat menyentuh isu-isu yang berkenaan, jangan diulang lagi.

Maka tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali untuk memulakan. Dipersilakan.

12.09 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menumpukan perhatian saya, penumpuan saya membahaskan terutama sekali seksyen 10 yang berkaitan dengan *contractor for labour*.

■1210

Saya tidak ingin menyentuh pindaan-pindaan yang dibuat kepada apa yang sedia ada kerana pada umumnya tidak ada yang dipertikaikan di situ. Cuma ada satu sahaja perkara nanti saya akan sentuh berhubung dengan hal ini. Soal *contractors for labor* ini sudah menjadi soal yang sangat penting terutama sekali di kalangan golongan pekerja. Kita dapati bukan sahaja bantahan-bantahan bertulis dan tidak bertulis dibuat oleh MTUC, bahkan pekerja-pekerja sama ada di bawah MTUC ataupun badan-badan yang lain sudah mengadakan perhimpunan-perhimpunan aman untuk menyatakan bantahan mereka. Saya berharap bahawa tindakan mereka ini akan mendapat perhatian daripada pihak pemerintah supaya tidak tergesa-gesa meluluskan pindaan baru ini.

Kalau kita lihat mengikut pindaan ini, berertilah sekarang ini majikan tidak lagi mengambil pekerja secara langsung. Hubungan tidak lagi hubungan *direct* atau langsung di antara pekerja dengan majikan. Kini ada elemen yang ketiga iaitu elemen kontraktor.

Pekerja-pekerja yang hendak bekerja sama ada di ladang ataupun di kilang ataupun tempat-tempat yang lain adalah diambil oleh kontraktor berdaftar dan melalui kontraktor inilah pekerja-pekerja tersebut diserahkan ataupun diambil oleh pihak majikan. Salah satu perkara yang membimbangkan di sini ialah bahawa apabila ada unsur ketiga, maka timbullah kemungkinan pihak ketiga kontraktor ini akan mencari jalan untuk mendapatkan keuntungan daripada kontraktor tersebut dan yang saya bimbangkan bahawa keuntungan yang diperolehi oleh kontraktor itu akan menjejaskan pendapatan pekerja. Ia tidak begitu menjejaskan pendapatan misalnya majikan terutama sekali majikan dalam industri urusan perusahaan yang maju, tetapi lebih mudah misalnya dijejaskan pendapatan pekerja itu.

Apabila pendapatan menjadi rendah, beberapa akibat boleh berlaku juga. Satu ialah walaupun Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa ada jalan untuk kesatuan ditubuhkan dan ada jalan untuk persetujuan kolektif di antara suatu sektor perusahaan dengan pihak majikan dilaksanakan, namun kita dapati ada kes-kesnya misalnya di mana hal ini mungkin sulit hendak dilaksanakan. Ini terutama sekali dalam kes *in house union*. Dalam *in house union*, walaupun sekarang ini ada *in house union* yang didaftarkan pada zon-zon tertentu, tetapi ada kilang, ada perusahaan yang tidak dibenarkan mempunyai satu persatuan atau kesatuan sekerja yang meliputi seluruh negara. Sekarang ini ada zon, tetapi dahulu hanya antara pekerja dengan majikan di satu-satu kilang ataupun di satu-satu industri itu.

Dalam soal ini, maka perlulah wujud keadaan di mana perundingan secara langsung atau *direct negotiation* dilakukan di antara pekerja dengan majikan.

Sekarang, perkara ini tidak dapat dilakukan kerana bukannya majikan yang mengambil pekerja ini untuk bekerja dan bukan majikan sebenarnya secara langsung atau tidak langsung yang membayar gaji. Ini kerana kebiasaannya dalam kontrak-kontrak ini mungkin berlaku di mana gaji yang ditentukan oleh majikan yang tidak barangkali diumumkan, diserahkan kepada kontraktor dan kontraktor mungkin membayar pekerja itu selepas memotong keuntungan ataupun komisen daripada itu. Itu satu kemungkinan. Satu kemungkinan yang lain ialah kontraktor mengambil pekerja itu dan majikan mengambilnya untuk bekerja di kilang itu selepas misalannya dipotong oleh kontraktor apa yang hendak ditentukan.

Bila ada terutama sekali keadaan seperti *in house union* ini, maka bukan sahaja susah perundingan dilakukan, bahkan akan timbul keadaan di mana kesatuan pekerja di *in house union* itu akan menjadi lemah sebab hendak berunding dengan majikan di kilang atau di perusahaan itu pun tidak dapat dilakukan. Apabila *union* bertambah lemah, pendapatan bertambah kecil. Saya bimbang bahawa ramai nanti penduduk-penduduk tempatan tidak akan mahu bekerja di sesetengah kilang atau sesetengah perladangan dan sebagainya.

Inilah nanti yang akan menjadikan tempat-tempat tersebut dibanjiri terutama sekali oleh pekerja-pekerja *migrant*, pendatang-pendatang daripada luar. Kedatangan mereka dalam kilang-kilang ini akan meletakkan atau memaksa keadaan di mana paras gaji itu rendah. Bahkan ia juga akan melemahkan kesatuan, dan kesatuan pula tidak dapat bertindak dalam suatu *industrial action* untuk menaikkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi saya beri Yang Berhormat. Dua minit.

Dr. Syed Husin Ali: Keduanya ialah kita dapati sini bahawa pendapatan bukan sahaja terjejas dari segi itu, bahkan juga kita lihat halaman 3, iaitu pindaan 4(2), "*wages for work done on rest day*" ini tentang *overtime*. Di sini kita lihat, ini sebenarnya pindaan bukannya pindaan baru tetapi pindaan yang sedia ada. Di sini kita lihat bahawa keadaannya ialah bahawa bayaran untuk *overtime* itu tidak dibayar pada awal bulan, tetapi pada bulan yang akan datang, pada pangkal bulan yang akan datang. Kelengahan ini boleh menjejaskan pendapatan dan penghidupan pekerja itu kerana banyak mereka bergantung kepada *overtime*. Bila disebutkan tentang pendapatan rendah, persatuan tidak dapat bertindak, gaji mereka rendah, ini menimbulkan keadaan di mana perlu ada perlindungan bukan sahaja undang-undang dari segi kesatuan, tetapi perlu perlindungan dari segi mesti adanya sistem seperti minimum *wage*. Minimum *wage* ataupun gaji minimum ini boleh menentukan supaya mereka tidak turun pendapatan mereka daripada itu. Nampaknya belum ada lagi tanda-tanda ketegasan pada pihak pemerintah untuk mengadakan minimum *wage* ini. Minta maaf ada satu dua...

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi. Satu minit.

Dr. Syed Husin Ali: Bila pendapatan rendah dan tidak dapat dijamin dengan minimum *wage*, ia akan juga mempunyai pelbagai kesan yang lain. Satu kesannya ialah dari segi kesihatan umpamanya. Kita dapati sekarang ini bahawa pemerintah bertujuan untuk mengadakan *restructuring* dalam *health financing* dengan izin, dan *restructuring* ini akan mengakibatkan penswastaaan. Setiap orang termasuk pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah termasuk petani-petani terpaksa memberikan sumbangan kepada *health financing* itu. Dalam sistem ini - saya tidak hendak bincang panjang sangat dalam hal ini nanti tidak sempat. Dalam sistem ini, kita harus kaji sebenarnya bagaimana nanti kita dapat membantu pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah ataupun petani-petani yang berpendapatan rendah supaya mereka tidak dijejaskan pula oleh kesulitan-kesulitan yang boleh timbul dengan adanya *health financing* ini.

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat

Dr. Syed Husin Ali: Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

12.20 tgh

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Raahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk bersama membahaskan rang undang-undang ini.

Pertamanya saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 2(1)(a) berhubung dengan tempoh takrif *confinement* dari 28 minggu dipinda kepada 22 minggu tempoh mengandung. Cadangan ini walaupun amat bererti kepada pekerja wanita terutamanya yang menghadapi masalah keguguran kandungan tetapi mengikut fakta perubahan keguguran disebabkan genetik biasanya berlaku sebelum minggu ke 18. Keguguran selepas tempoh itu adalah jarang berlaku dan kebiasaannya keguguran adalah disebabkan oleh jangkitan kuman, trauma petroganik.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kewajaran dan kepentingan kerajaan meminda tempoh mengandung ini kepada 22 minggu atau lima setengah bulan sedangkan sebelum ini 28 minggu atau tujuh bulan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada kerajaan ada merujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan bagi memastikan pindaan ini menepati dengan perundangan Islam atau syariaah islamiah termasuk kes *wedlock child* atau anak luar nikah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan seksyen 37(1) berhubung dengan tempoh cuti bersalin bagi pekerja wanita mengikut akta ibu iaitu Akta Kerja 1955 ini yang masih memperuntukkan hanya 60 hari sedangkan kakitangan awam telah pun diberikan pilihan untuk mendapatkan cuti bersalin selama 90 hari sebelum ini. Saya ingin mencadangkan agar seksyen 37(1) ini dipinda 60 hari kepada 90 hari bagi menyeragamkan cuti bersalin bagi semua pekerja sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan seksyen 37(1)(c) akta ibu yang mengehadkan cuti bersalin kepada pekerja wanita yang mempunyai anak tidak lebih daripada empat orang. Maksudnya pekerja wanita yang mempunyai anak seramai lima orang dan lebih tidak akan diberikan cuti bersalin, saya ingin mencadangkan agar klausa ini dibatalkan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja wanita termasuk hak untuk mendapatkan penjagaan kesihatan selepas bersalin. Pekerja wanita juga sewajarnya diberikan kebebasan untuk mempunyai seberapa ramai anak dan mendapatkan cuti bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang penggantian seksyen 19 kepada seksyen 19(1) yang baru di mana yang mana telah menetapkan pembayaran gaji pada tujuh hari bulan pada bulan berikutnya. Penggantian seksyen ini adalah sebagai langkah memantapkan lagi pembelaan terhadap golongan pekerja bahawa majikan wajib dan bertanggungjawab untuk menjelaskan gaji selewat-lewatnya 7 hari bulan pada bulan berikutnya.

Sebelum ini majikan ditetapkan untuk membayar gaji mengikut tempoh bekerja berkenaan tetapi ada juga majikan yang menangguhkan pembayaran gaji sehingga akhir bulan tetapi saya - dan di sini saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana penggantian seksyen ini telah memasukkan kebajikan majikan menangguhkan pembayaran gaji yang saya kata tadi sebenarnya kerajaan dalam seksyen inilah maka kerajaan telah mengambil hak untuk pekerja semua.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembayaran gaji kepada pekerja, penggantian seksyen 25 adalah wajar dan sesuai dengan perubahan sistem kewangan dan perkembangan perkhidmatan perbankan masa kini. Sebelum ini majikan perlu membayar gaji sama ada secara tunai ataupun dengan cek, walau bagaimanapun penggantian seksyen 25 ini mewajibkan majikan membayar gaji melalui akaun bank pekerja, masalah kegagalan majikan membayar gaji ini sering berlaku di kalangan pekerja kontrak binaan, pekerja ladang, pembantu rumah serta pekerja industri. Banyak kes yang melibatkan kegagalan majikan menunaikan gaji pekerja dalam berbagai-bagai faktor khususnya yang melibatkan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 25A ini adakah langkah kerajaan memastikan pembantu rumah khususnya pembantu rumah warga asing terbelas dari segi pembayaran gaji, bagaimanapun kerajaan membenarkan gaji dibayar secara tunai atau cek hanya dengan permintaan-permintaan pembantu rumah sendiri dan majikan tidak sewajarnya menolak permohonan pekerja ini demi kebajikan pekerja atau pembantu rumah ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai bilangan kes majikan yang gagal membayar gaji pekerja khususnya pembantu rumah antara tahun 2005 hingga 2010 dan nyatakan tindakan yang telah diambil. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta agar majikan juga dijaga kepentingannya, ada kalanya apabila sudah dibayar gaji orang gaji pula lari, ini yang merisaukan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, golongan pekerja terus terbela dari segi kebajikan melalui pindaan Akta Kerja 1955 ini sebagaimana pindaan seksyen 60D yang mana cuti umum wajib diberikan kepada pekerja dinaikkan daripada 10 hari kepada 11 hari yang mana termasuk empat hari cuti umum juga ditambahkan kepada lima hari iaitu cuti Hari Merdeka, Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan Negeri atau Hari Wilayah Persekutuan, Hari Pekerja dan yang terbaru Hari Malaysia. Langkah kerajaan memasukkan cuti Hari Malaysia sebagai cuti umum ini adalah langkah yang wajar bagi mengingatkan rakyat dari segi sejarah negara seterusnya meningkatkan patriotisme...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Zaitun binti Mat: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Dato' Zaitun binti Mat: Oh sedikit lagi. Patriotisme di kalangan rakyat negara ini, saya ingin menyentuh tentang bahagian-bahagian baru iaitu XVA selepas Bahagian XVA berhubung dengan gangguan seksual atau *sexual harassment*, dengan izin. Peruntukan baru ini menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada keselamatan pekerja wanita di tempat kerja khususnya isu gangguan seksual yang kebanyakannya melibatkan pekerja wanita. Gangguan seksual ini melibatkan gangguan seksual di antara pekerja dengan pekerja, pekerja dengan majikan dan majikan dengan pekerja.

Bahagian ini memperuntukkan siasatan berhubung dengan gangguan seksual boleh dilaksanakan melalui dua saluran aduan, pertama melalui majikan dan keduanya kepada Ketua Pengarah Jabatan Buruh. Dalam hubungan ini majikan diberikan tempoh 30 hari untuk menjalankan siasatan selepas menerima aduan, manakala aduan kepada Ketua Pengarah Jabatan Buruh akan disalurkan kepada majikan dan majikan wajib menyerahkan laporan siasatan gangguan seksual ini dalam tempoh 30 hari...

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Zaitun binti Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, gulung-gulung.

Dato' Zaitun binti Mat: Gulung ya, Tuan Yang di-Pertua untuk itu saya hendak meminta dalam seksyen '31E' bermaknanya dalam seksyen ini bagaimana saya ingin bertanya terus kepada kerajaan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua iaitu saya ingin supaya - sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar kalau gangguan seksual ini diberikan hukuman yang berat seboleh-bolehnya bukan sahaja hukuman penjara tetapi diberikan hukuman sebatan. Ini sebab Tuan Yang di-Pertua yang kena ini memang akibatnya bukan menanggungnya pada masa itu sahaja tetapi sampai ke anak cucu cicitnya Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah luahan wanita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak sempat sebenarnya. Gangguan seksual ini banyak yang saya hendak cakap. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Zaitun binti Mat: ...Kepada pihak kerajaan yang mengemukakan pindaan Akta Kerja 1985 ini yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk membela dan menjaga kebajikan pekerja khususnya sebagai modal insan yang melaksanakan transformasi ekonomi dan transformasi sosial sesuai dengan semangat Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Datuk Rahman Bakar.

12.30 tgh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 2(1), waktu bersalin. Waktu wanita bersalin layak cuti hamil 28 minggu. Sekarang dikurangkan 22 minggu. Saya hendak tanya macam mana wanita kandung anak luar nikah. Adakah termasuk?

Kedua, suami dia boleh cutikah tidak boleh cuti. Sebab pembangkang ada sebut suami juga boleh cuti. Bagaimana dengan suami, seksyen 2(1). Seksyen 19, seksyen 2 pembayaran gaji oleh majikan lebih masa, kerja rehat dan cuti umum. Selewat-lewatnya satu hari sebelum gaji di bayar pada bulan berikutnya. Kalau tidak bayar apakah dendanya? Gantungkan, mahkamahkah, *double pay* kah atau macam mana.

Ketiga, seksyen 22. Bayaran pendahuluan oleh majikan untuk beli komputer, pendidikan, belanja perubatan dan sebagainya. Saya hendak tanya kenapa komputer sahaja? Tidak bolehkah masuk iPad, iPhone atau Samsung macam saya canggih. Tidak boleh masukkah? Cari terkini, terbaik dan lebih baik daripada komputer. Komputer berat hendak bawa. Sekarang orang tidak bawa komputer macam ini, berat, kekal. Bawa macam ini. Jadi saya minta seksyen 22 dipinda termasuk iPhone atau alat-alat siber yang canggih yang boleh dibawa.

Keempat, saya hendak soal seksyen 25 iaitu bayar gaji melalui akaun bank termasuk pembantu rumah. Saya hendak tanya termasuk semua sekaligus? Jangan pembantu rumah sahaja. Saya hendak juga termasuk pekerja ladang, estet, hotel semua sekali. Adakah, tidak adakah. Apakah caranya? Ada borangkah, ada peraturankah. Kalau ia tidak masuk melalui akaun bank, macam mana bentuk tindakan dan denda. Itu seksyen 25.

Satu lagi seksyen 37(4). Jangan tamatkan pekerja yang dalam cuti bersalin. Saya sokong ini yang baru. Zalim, tidak betul, khianat. Wanita bersalin ditamatkan kerjanya. Banyak ini berlaku. Tahniah Kementerian KSM. Baik, baik dan bagus.

Seksyen berikutnya, seksyen 60D, memasukkan hari Malaysia, 16 September. Dahulu empat hari. Sekarang diangkat menjadi lima hari. Itu bagus. Hormati Hari Malaysia, ini bagus. Saya tidak hendak lagi mana-mana majikan tidak masuk. Ini mandatori. Jadi apakah untuk pastikan 16 September jadi cuti mandatori. Apakah tindakan, apakah yang dibuat oleh kementerian bila mana, mana-mana majikan yang langgar 16 September sebagai hari cuti yang baru. Tahniah.

Seksyen 60K, pekerja melarikan diri. Banyak lari dari ladang, estet terutama sekali pembantu rumah. Lari, lari, larilah. Soalan saya bagaimanakah bentuk denda? Sekarang pekerja lari yang kena denda majikan. Ini tidak betul, tidak betul. Jadi saya minta KDN melalui KSM yang dendanya bukan majikan, akan tetapi yang dendanya pekerja. Saya syorkan supaya pekerja diambil wang cagaran terlebih dahulu sebelum dia diambil bekerja. Banyak pembantu rumah kerja seminggu, kerja sebulan larikan diri. Kita kena *report* dalam masa 30 hari. Yang kena dendanya ialah majikan. Ini tidak betul, tidak adil. Tidak betul. Betul tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Betul. Jadi pinda, pinda boleh pinda. Boleh bagi akta. Akan tetapi logik kena masuk juga. Ini tidak logik. Pekerja lari majikan kena denda. Betul tidak?

Beberapa Ahli: Betul.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Betul. Satu lagi seksyen 69B. Perluasan skop siasatan Ketua Pengarah terhadap pekerja yang 1,500 dinaikkan siasatan skopnya pada 3,000. Jadi, kuasa rakyat luas, kuasa ketua pengarah juga luas. Dahulu 1,500 sahaja untuk siasat, sekarang 3,000. Sekali lagi tahniah. Jadi banyak orang boleh adu, banyak pekerja boleh mengadu. Ini adil, ini bagus. Kalau boleh naik lagi sampai 5,000, lagi bagus.

Satu lagi seksyen baru 2(1), perbezaan khidmat domestik warganegara, tempatan dan pekerja asing. Asing dengan tempatan.

Saya hendak tahu apa beza dari segi gajikah, perubatankah atau cutikah. Terdapat banyak perbezaan sekarang. Ada warga asing gaji lebih tinggi daripada yang tempatan. Ada yang tempatan lebih tinggi daripada asing.

Padahal kerjanya sama. Kerja sama, bentuk sama, tempat sama, majikan sama, cuti sama, masa sama tetapi ada beza. So, saya hendak tahu apa beza seksyen ini 2(1). Apa istimewanya asing dengan tempatan. Saya hendak tahu adakah ramai pekerja asing yang dapat bekerja di satu-satu majikan. Oleh sebab saya satu banyak majikan utamakan pekerja asing. Dahulu, ada hampir 90 peratus pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dua minit Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dalam masa dua minit ini saya hendak tahu apakah jawapan sebenarnya. Berapa banyak majikan yang majoritinya pekerja asing. Seksyen baru 57A memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja KSM dalam masa 30 hari. Ini kena lapor. Ada juga yang tidak lapor kepada ketua pengarah. Jadi saya hendak tahu seksyen 57A ini apakah jenis denda, bentuk yang gagal lapor. Ada banyak majikan yang gagal lapor.

Akhirnya dalam masa 1 minit, saya hendak seru kepada KSM dan KDN kuranglah tenaga kerja asing, cukuplah. Apabila tanya KDN, kenapa banyak sangat tenaga kerja asing? Jawab KDN, sebab KSN beri, kita terimalah. Jadi KSN jangan sekali-sekali ambil lagi pekerja asing sebab negara Malaysia nombor satu dalam dunia dari segi nisbah penduduk yang paling tinggi pekerja asing. Cukup, cukup, cukup. Terima kasih. Saya sokong.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana menghormati masa. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

12.40 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Rang Undang-undang Akta Kerja yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ringkaskan sahaja. Berhubung mengenai cuti bersalin, saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana memberi perlindungan dan kelonggaran kepada mereka yang bersalin daripada diberhentikan kerja semasa cuti bersalin. Akan tetapi, saya ingin bangkitkan di sini bahawa kalau sekiranya kita melihat kepada norma antarabangsa kepada *best practices*, dengan izin, kita perlu melihat juga tempoh cuti bersalin. Di mana-mana pada hari ini di Malaysia tempoh ini tidak diubah, masih lagi 60 hari. Akan tetapi, kalau kita lihat dari segi sektor awam pula iaitu kakitangan awam melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan 1968, pihak kerajaan memperuntukkan cuti bersalin bagi pekerja wanita dari 40 hari kepada 60 hari secara berturut-turut dan boleh melanjutkan cutinya sehingga 90 hari walaupun tanpa gaji. Cuti ini dikenali sebagai cuti menjaga anak.

Kalau kita lihat dari segi konvensyen-konvensyen dunia dan kalau kita lihat dari segi saranan daripada *International Labor Organization* (ILO), kalau kita pakai saranan daripada ILO mengenai *contract labor* sudah pasti perlu juga kita lihat dan ikut saranan ILO dalam isu cuti bersalin ini. Berkaitan hal ini bukan hanya kita lihat dari segi *maternity benefits*, dengan izin, kita juga harus memikirkannya dari segi cuti bersalin untuk bapa ataupun dengan izin, *paternity leave*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk sedikit tentang seksyen 81C(1). Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah akan berlaku jika mangsa yang terlibat itu membuat satu laporan polis berhubung dengan kejadian gangguan *sexual*. Berikutan dengan penyiasatan polis, polis pula telah menuduh pihak yang diadu ataupun *assailant* dengan izin, adakah pihak majikan akan meneruskan tindakan mereka seperti yang diperuntukkan dalam akta ini? Saya melihat jika sebarang tindakan diambil untuk kesalahan ini oleh majikan, ianya dilihat sebagai dua hukuman untuk satu kesalahan ataupun *double jeopardy*. Mohon penjelasan pihak Menteri.

Seksyen 81F adalah mengenai kesalahan yang akan dilakukan oleh pihak majikan sekiranya majikan gagal menyiasat sesuatu aduan terhadap *sexual harassment*. Soalan, apakah akan terjadi kepada aduan berkenaan? Nampaknya terbiar. Saya berpendapat satu peruntukan yang sama seperti seksyen 81D(3) di mana ketua pengarah boleh menyiasat aduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya bertanya apakah kedudukan sebenar pekerja-pekerja kontrak dan pekerja-pekerja kekal? Satu kajian yang dibuat oleh *International Labor Organizations Asia Pacific Regional Seminar for Trade Union Organization on Contract Labour* di New Delhi pada tahun 1997.

Dengan jelas menyatakan bahawa *model contract for labor* ini adalah satu model pengajian yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Saya ingin bertanya, apakah manfaat yang dapat dilihat untuk pekerja-pekerja kekal dengan pindaan ini? Satu perkara yang lain adalah mengenai *foreign domestic servant*. Di sini ada semua perlindungan untuk *foreign domestic servant*. Bagaimana pula *local domestic servant*? Kita memberi perhatian kepada *foreign domestic servant* tetapi *local domestic servant* tidak ada apa-apa perhatian diberi. Adakah mereka akan dilindungi oleh akta ini dan adakah mereka juga dapat manfaat? Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Cuma sekali lagi saya tekankan bahawa isu di sini yang saya hendak bangkitkan adalah soal kerja kontrak yang mana saya percaya ada terlalu banyak salah tangkapan atau *misconception* dengan perkara ini yang seolah-olah tidak memahami matlamat yang sebenar. Akan tetapi, kita perlu dapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini tidak akan menggalakkan atau meng*institutionalize contract workers* sebagai *default setting* kepada industri-industri yang lain. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana menghadkan masa dengan begitu baik sekali. Saya mempersilakan Yang Amat Mulia Tunku Abdul Aziz.

1.47 ptg.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih kerana membenarkan saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 yang mempunyai impak besar ke atas pekerja-pekerja di Malaysia.

Saya ingin memberi tumpuan kepada pindaan 11 pada seksyen 33A yang memperkenalkan kontrak untuk buruh. Peraturan ini bukan sahaja bermakna bahawa proses pengambilan pekerja akan di *outsourc*e kepada agensi luar tetapi juga bermakna bahawa pekerja mendapat kebajikan dan elaun-elaun syarikat kerana mereka kini tidak dianggap sebagai pekerja syarikat di mana mereka syarikat tetapi pekerja kepada agensi pengambilan pekerja. Ini adalah satu ketidakadilan kepada pekerja dan pelanggaran hak asasi manusia. Tambahan pula, ini akan mengakibatkan ketidakstabilan kerja memandangkan kini pekerja diletakkan di bawah kontrak kerja yang memberikan majikan lebih banyak *flexibility* dengan izin, untuk menolak perkhidmatan mereka dan bukan pekerjaan tetap. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kebajikan pekerja dan keselamatan pekerjaan dilindungi.

■1250

Negara kita telah dianggap mempunyai 2.5 juta orang pekerja asing dan kita jelas terlalu bergantung kepada sumbangan mereka. Kemudahan mendapat pekerja asing pada skala gaji yang rendah telah menghalang industri untuk bergerak dan industri tahap rendah yang berintensif buruh ataupun dengan izin, *labour intensive*, ke industri tahap tinggi yang lebih berdasarkan teknologi dan bakat. Keadaan ini juga akan menindas dan mengekalkan upah bagi orang tempatan pada kadar yang rendah kerana orang tempatan kini kena bersaing dengan pekerja asing.

Kerajaan perlu melihat secara serius kepada isu ini kerana ini adalah penting dalam menggerakkan ekonomi negara ke atas dalam rangkaian nilai atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, *move up in the value change*. Ini kerana kalau kita tengok dalam negara kita masa ini, ekonomi memang sudah teruk kerana industri kita ini adalah industri yang boleh dikatakan peringkat rendah, *low technology*. Selagi kita mengguna pekerja yang gaji murah dari luar negara ini, saya ingat apa industri kita memang jadi sebagai ini, jadi tidak boleh lah kita hendak dapat *competitiveness* dengan izin, semacam negara-negara lain yang tidak lagi mengguna pekerja-pekerja murah, dan teknologi mereka kita tengok sudah naik dan jadi teknologi yang *competitive* dengan izin.

Sebaliknya, kerajaan telah mengarahkan supaya perkhidmatan pengawal-pengawal Nepal ditamatkan pada mula tahun ini. Apakah rasional kerajaan untuk memelihara orang Nepal yang bekerja sebagai pengawal? Rakyat Malaysia yang muda dan berbadan tegap pula tidak berminat dalam menjalankan tugas. Saya percaya bahawa ini mempunyai kaitan dengan gaji yang tidak kompetitif yang ditawarkan oleh syarikat itu yang menyebabkan hanya pesara yang berusia seperti saya sahaja yang berminat untuk mengambil kerja.

Pada awal tahun ini, gaji minimum ditetapkan pada tahap serendah RM700 untuk pengawal keselamatan tetapi tidak dilihat untuk dilaksanakan sepenuhnya. Angka itu jauh dari mencukupi untuk anak-anak muda yang biasanya menjadi pencari nafkah keluarga.

Kerajaan harus mengakui keupayaan Nepal sebagai pengawal kerana mereka secara tradisional berpengalaman ketenteraan dan komited dalam kerja mereka. Adalah tidak adil bagi kerajaan untuk menyekat kebebasan pemilik rumah yang memilih pengawal mereka memandangkan kebanyakan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan pengawal Nepal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Ya. Lagipun, mereka juga boleh meringankan beban polis dengan membantu pihak polis untuk mengawal jenayah. Walaupun kerajaan membuat penguatkuasaan yang begitu ketat tentang pengawal, tidak cukup penekanan kepada pekerja-pekerja ladang yang berada di dalam keadaan lebih malang lagi. Syarikat-syarikat perladangan mengaut keuntungan mereka dalam angka berbilion-bilion tetapi terus menyekat gaji pekerja mereka pada kadar rendah, malah yang mengambil pekerja asing haram.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat. Sila gulung.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Kenapa perlu mereka dibayar kurang apabila mereka melakukan jumlah kerja yang sama sebagai penduduk tempatan? Dengan terbuat demikian, penduduk tempatan juga akan mendapat manfaat dengan tidak perlu terpaksa berasing dengan pekerja asing dan menerima gaji yang lebih. Oleh itu, adalah penting bagi gaji minimum yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membolehkan seseorang menikmati hidup asas, beliau perlu mempunyai gaji minimum bulanan sebanyak RM1,000. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpaksa berbuat demikian kerana ada 13 lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Masa terpaksa saya hadkan begitu. Sekarang saya tanpa membuang masa lagi, saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

12.57 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pekerja. Saya ingin mengemukakan soalan kepada pihak kerajaan.

Pertama, oleh kerana pihak kerajaan telah pun melihat beberapa syarikat sebagai contohnya TNB telah pun membuat *outsourcing* kepada jenis kontrak yang diberikan kepada pekerja dan pelanggan mereka, adakah kajian kepuasan terhadap pekerja ini dibuat kepada syarikat yang telah menjalankan perkara ini sehingga hari ini kita masukkan ke dalam pindaan kepada Akta Pekerja ini untuk memasukkan juga kontrak? Ini kerana kita percaya bila dibuat kajian di bawah, ramai pekerja tidak puas hati kerana kebajikan mereka terabai. Itu yang pertama.

Kedua, apakah tindakan kementerian terhadap beberapa syarikat utama dan syarikat-syarikat swasta yang telah dengan sengaja mengabaikan kemudahan dan hak asasi beragama dalam negara kita? Sebagai contohnya, saya terpaksa sebut, AirAsia yang telah dengan jelas mengatakan bahawa sesiapa yang mahu berkhidmat untuk menjadi pramugari kena bersedia untuk memakai skirt. Jadi ini bagi saya satu penghinaan dan satu pencabulan kepada hak beragama di mana bila kita hendak bekerja sahaja kita diminta untuk buka aurat. Jadi saya harap perkara ini dipantau. Begitu juga dengan hak untuk bersolat.

Ini kerana terdapat aduan terdapat beberapa tempat pekerja yang tidak membenarkan pekerjaanya bersolat dan tidak dibekalkan dengan tempat dan ruang untuk bersolat dengan baik.

Sekarang ini kita hendak minta kepada kerajaan, bila kita pinda Rang Undang-undang Kerja ini, adakah pihak kerajaan mengkaji juga bagaimana wanita di Malaysia dan juga lelaki di Malaysia ini mereka bukan hanya dihormati sebagai seorang ibu, sebagai seorang bapa tetapi dihormati sebagai seorang isteri? Bilamana dia menjadi isteri, dia sepatutnya dibenarkan untuk ambil cuti tanpa gaji ataupun cuti bergaji sekiranya dia perlu untuk mengikut suaminya pergi ke luar negara atau ke mana-mana tempat, ataupun dalam konteks ini dipastikan mereka ini ditempatkan berada di tempat dengan keluarga mungkin dalam tempoh enam bulan supaya mereka berkedudukan dekat dan juga mereka ini perlu mendapat hak untuk penyusuan, untuk penjagaan anak-anak dan juga untuk penjagaan suami sakit diberikan tanpa banyak songel daripada majikan. Ini kerana bila pekerja ini berkahwin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam tempat 1 tengah hari, sekarang Majlis ditangguhkan ke jam 2.30 petang hari ini. Yang Berhormat ada tujuh minit lagi untuk sambung selepas itu. Sekian, terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Ahli-ahli Yang Berhormat kita sambung perbahasan kita pada petang ini. Tadi sebelum kita berhenti rehat makan tengah hari Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi sedang beruap dan saya difahamkan Yang Berhormat Mumtaz ada masa kira-kira enam minit 59 *second* lagi. Sila.

2.33 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya bercakap tentang jaminan hak oleh kerajaan kepada wanita sebagai isteri dan juga sebagai suami ini harus dibuat dalam bentuk yang rasmi. Oleh sebab sekarang ini kita lihat ada juga kes yang saya telah sebutkan sebelum ini dalam Parlimen bahawa ada pekerja yang meninggal tanpa memaklumkan kepada pihak majikan atau menukar taraf dalam KWSP ataupun PERKESO.

Apabila mereka meninggal, penamaan ataupun dari segi yang menerima itu menjadi orang yang asal mereka telah namakan sebelum dia meninggal dunia. Ertinya selepas dia berkahwin, automatiklah benda itu bertukar. Jadi hak ini perlunya dipertahankan begitu juga tentang penyusuan. Walaupun kerajaan menggalakkan penyusuan dan juga untuk ada penjagaan kanak-kanak di tempat bekerja, tetapi sampai hari ini tidak nampak. Sebagai contoh ini di sektor awam, di Parlimen pun kita tidak ada tempat menyusu dan tidak ada taska pun di Parlimen. Ini Parlimen, belum cakap soal estet, soal syarikat.

Jadi macam mana kita hendak laksanakan perkara ini di bawah kalau di peringkat yang tertinggi pun tidak boleh buat. Berkenaan dengan bila mana kita terpaksa sekarang ini diwajibkan untuk bayar melalui bank, saya rasa ini satu langkah yang baik. Cuma dari segi prasarana, adakah kerajaan akan memastikan kewujudan bank-bank mini atau mini-mini bank ini di semua kawasan dalam bentuk mungkin dua kampung satu mini bank kerana ini akan menyusahkan. Gaji mereka mungkin dalam RM600 atau RM500 tetapi terpaksa pergi ke bandar yang mungkin makan masa dan juga makan dari segi pengangkutan. Maknanya dibelanjakan untuk pengangkutan.

Jadi kalau boleh apabila benda ini dikuatkuasakan di bandar tidak ada, masalah, tetapi yang berada di seluruh negara. Ini kerana pada hari ini sebagai contohnya untuk pindaan ini banyak benda yang kita setuju. Akan tetapi ada benda yang kita tidak setuju tetapi kerana ini adalah satu akta, sekarang ini setuju kena setuju semua. Jadi perkara ini yang akan menyusahkan kalau kita buat secara terikat begini.

Begitu juga dengan seksual *harassment*, iaitu kita puji tindakan untuk memperkenalkan walaupun lama sudah diminta untuk dibuat di bawah XVA *Sexual Arrestment*.

Cuma saya tanya pihak kerajaan, kenapa tidak dibuat dalam akta yang berasingan? Kenapa dimasukkan dalam Akta Pekerja sekali gus dan apabila juga disebut dalam *interpretation* untuk *complain of sexual harassment* disebut tentang *employee against an employee and employee against any employer*, cuma dalam kes ini melibatkan pekerja pembantu rumah ini masuk ke tidak. Jadi kalau masuk adakah dia termasuk di bawah yang nombor 81A(ii) ini ataupun macam mana?

Begitu juga dengan seksyen yang menyebut bahawa bila mana kita melibatkan pekerja asing sebagai *domestic worker*, di bawah seksyen 57, kita lihat kerajaan memberikan satu perlindungan yang begitu baik kepada pekerja ataupun orang gaji asing ini. Akan tetapi kenapa untuk kes yang melibatkan kontrak yang hari ini kerajaan akan masukkan penglibatan kontraktor kerana pada tahun 1997 sudah ada permintaan daripada NUTP yang mengatakan bahawa mereka bersetuju untuk pendaftaran kontraktor. Jadi kalau untuk *foreign domestic servant* ini, kalau dia diberhentikan kerja kena dimaklumkan kepada *director general* dalam masa 30 hari. Sedangkan perlindungan sepatutnya diberikan lebih kepada pekerja tempatan yang dipecat oleh kontraktor ataupun kontraktor yang diberhentikan oleh majikan dan saya juga hendak tanya dalam konteks ini apa perbezaan hak seorang pekerja kalau dia bekerja dengan majikan dan perbezaan hak dia apabila dia bekerja dengan kontraktor?

Jikalau dia ini dilantik atau *dihire* oleh kontraktor, kalau dia dilantik oleh majikan apa bezanya dari segi hak? Kenapa kita perlu meletakkan kontraktor ini di tengah-tengah dalam urusan ini? Dari segi kontraktor saya tidak nampak, dibuat secara *detail*. Kontraktor ini apa had dia? Macam mana pelantikan, macam mana pelanggaran? Siapa yang akan menyemak kontrak yang standard supaya seluruh Malaysia ini katakanlah dia ada kontraktor, ada subkontrak. Kerja ini mungkin makan masa tiga tahun. Ertinya seorang pekerja dalam masa 20 tahun dia mungkin kena sains lima kontrak. Apabila sudah jadi lazim, kadang-kadang akan sains tanpa tengok apa benda isi pun. Jadi *return contract* ini adakah ini mesti kena buat *return contract*, siapa yang akan semak kontrak ini agar tidak ada pekerja yang teraniaya, sepatutnya dibuat satu standard perjanjian kontrak supaya kita tengok. Oleh kerana kita juga perlu letak had untuk kerja-kerja yang melibatkan kontrak ini dia ada had.

Sekarang saya sebagai contoh kalau TNB buat. Orang tidak hendak kerja dengan TNB, tidak apa boleh kerja dengan syarikat lain. Akan tetapi apabila kita sudah luluskan akta pada hari ini, semua orang terlibat tidak ada opsiyen. Pergi syarikat mana-mana pun mereka akan terlibat dengan perkara ini. Jadi kenapa kita menutup semula. Semalam kita meluluskan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad. Ini kerana apa, hendak bagi banyak opsiyen. Akan tetapi dalam kes pekerja begini kenapa kita pendekkan opsiyen? Untuk peniaga kita luaskan opsiyen. Daripada pemilikan tunggal, perkongsian, sekarang liabiliti terhad. Kenapa untuk pekerja ini kita kecilkan lagi dia punya skop? Sepatutnya diberikan ruang. Jikalau kita hendak jual barang sekarang antara kilang, terus jual barangan daripada kilang. Maknanya kilang tidak hendak ada *intermediate between theirs* dengan *customer*. Jadi kenapa untuk pekerja perlu ada orang tengah?

Jikalau semua benda *online*, semua benda boleh *direct* dengan majikan, boleh *direct* dengan kilang. Akan tetapi kenapa untuk pekerja perlu ada kontrak di tengah-tengah ini? Apa jaminan kebajikan kepada kakitangan ataupun pekerja yang akan dibuat. Bayangkanlah kalau kita yang menjadi pekerja kontrak itu yang mungkin akan dihentikan pada bila-bila masa dan gaji kita dibayar dengan keadaan harian, bulanan dan kita banyak perkara-perkara yang tidak boleh kita minta kerana atas dasar *contractual basis*. Jadi mengenai perkara ini saya minta kerajaan fikirkan kembali.

Saya hendak tanya juga kepada pihak kerajaan adakah permintaan kita untuk mendapat pusat sehati bagi mengendalikan kes-kes kematian dan kes kemalangan ini dibuat di peringkat swasta. Oleh kerana hari ini kalau satu kes kemalangan atau kematian melibatkan isteri ataupun suami, mereka terpaksa cuti tiga empat hari kena pergi KWSP, kena pergi PERKESO, kena pergi tempat itu, kena pergi tempat ini, kena ambil *medical report*. Ini semua kerja yang menyusahkan, ini memerlukan masa. Saya minta pihak kerajaan tolong perhatikan kebajikan pekerja swasta. Tolong pastikan mereka mendapat pembelaan dengan mewujudkan pusat sehati yang akan mengendalikan yang menolong, memudahkan kerja-kerja ini kerana pengalaman peribadi saya kadang-kadang pergi PERKESO lima kali naik. Naik turun, naik turun.

Macam saya yang bermasalah. Borang ini tingkat ini, borang ini tingkat ini. Naik turun, naik turun. Saya rasa perkara ini tidak munasabah.

Saya diberitahu oleh seorang pelajar PhD yang suaminya meninggal, dia kata dia yang tidak ada PhD ini pun sebulan tidak selesai lagi masalah apabila suami dia meninggal. Jadi saya minta kerajaan tolong perhatikan perkara ini dan saya hendak tanya juga kalau dibuatkan kontrak seperti tadi. Hari ini macam mana kami bantah pun akan lulus juga. Dari segi bagaimana sekarang orang itu akan dikira senior. Selalunya *on contractual basis*. Macam mana kekananan orang itu akan dikira oleh pihak swasta? Ini kerana mereka akan hanya terikat dengan *contract* yang tertentu sahaja. Jadi tolong bagi jawapan. Kita ketahui di seluruh negara terdapat bantahan daripada MTUC, daripada JERIT. Saya hendak tanya berapa kalikah dibuat perbincangan dan adakah kerajaan mengkaji bantahan ini, mengkaji memorandum mereka, lihat apa tuntutan mereka kerana saya percaya sebahagian besar daripada pindaan ini dipersetujui.

■1440

Cuma ada perkara yang tidak dipersetujui berkaitan dengan kontrak. Jadi, kenapa kita tidak boleh menerima hakikat bahawa ada undang-undang yang kita cadangkan untuk dibuat, ada separuh diterima ada lagi tidak diterima. Untuk kita menjadi sebuah kerajaan yang baik untuk mendapat suami isteri yang baik persetujuan mesti ada daripada suami dan juga isteri. Tidak semuanya suami cakap isteri kena terima, tidak semua isteri cakap...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf Yang Berhormat, boleh simpulkan dalam satu minit?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya juga hendak tanya berkenaan dengan, saya pun lupa. Jadi, sebagai kesimpulannya saya memohonlah kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan. Kita tidak dalam keadaan tergesa-gesa perlu meluluskan perkara ini. Kalau kita melihat kepentingan rakyat yang terbanyak itu lebih penting, kita melihat bagaimana kebajikan mereka ini perlu dijaga, saya pohon agar ditiadakan seksyen-seksyen yang dengan jelas akan mengambil dan memeras tenaga mereka secara percuma dan kontraktor itu sendiri pun sebenarnya tidak ada jaminan dia akan terus mendapat kontrak daripada majikan yang dia dapat tender daripada majikan tersebut. Sekian terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Rujukan kepada orang PhD. tadi, saya tidak tahu bidangnya apa sebenarnya. Kalau bidangnya lain dan cuba hendak menyelesaikan...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Undang-undang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Undang-undang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Undang-undang?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak semua pemegang PhD undang-undang setialah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Tidak mampu sebab tempat jauh-jauh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Baik terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.

2.41 ptg.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara saya ingin berbahas adalah antara pekerja dan majikan utama. Tuan Yang di-Pertua, akta ini harus memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada pekerja-pekerja. Walaupun tenaga kerja menerima gaji bulanan daripada kontraktor atau subkontraktor, kita memerlukan sebuah *provision* agar tanggungjawab terhadap kebajikan pekerja tersebut haruslah sentiasa di bawah majikan utama. Sebagai contoh, jika seorang kontraktor atau subkontraktor melarikan diri sebelum projek selesai tanpa membayar gaji, pekerja-pekerja akan tertinggal begitu sahaja. Apakah akan terjadi kepada mereka dan keluarga mereka? Siapakah akan menjaga kebajikan mereka?

Kerap kali kita membaca di surat khabar mengenai ratusan atau ribuan pekerja kerja asing yang terpaksa bergantung kepada kedutaan mereka untuk memberi pertolongan. Ini kerana majikan mereka melarikan diri tanpa membayar gaji. Ini menjejaskan imej negara di kaca mata dunia. Saya dan rakan saya pernah membantu beberapa ratus pekerja asing yang menghadapi masalah ini. Kelihatan seolah-olah Kementerian Sumber Manusia hanya mementingkan kebajikan majikan utama dan bukannya pekerja. Seharusnya Kementerian Sumber Manusia memberi perhatian kepada kebajikan dan perlindungan pekerja bukan majikan utama. Untuk mengatasi masalah ini saya cadangkan memperuntukkan sebuah mekanisme untuk memberi jaminan gaji kepada semua pekerja oleh majikan utama untuk jaminan kebajikan pekerja.

Kerajaan juga harus mempertimbangkan sistem di mana walaupun sebuah kontraktor atau subkontraktor menerima kontrak, membekalkan tenaga kerja, penggajian pekerja mestilah diuruskan secara langsung oleh majikan utama. Ini akan menjamin kebajikan pekerja yang terlibat dalam projek tersebut. Saya juga mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia memberi lebih penekanan kepada perlindungan hak asasi pekerja dan kebajikan mereka. Tidak mengira sama ada mereka pekerja tempatan atau asing. Imej dan nama baik negara tidak harus tercemar hanya kerana majikan-majikan yang tamakkan keuntungan semata-mata. Pihak Kementerian Sumber Manusia pula janganlah hanya melihat perkara ini dengan berpandangan dan *solution* jangka pendek. Malah masyarakat sedunia sentiasa memerhatikan setiap tindak tanduk Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia harus mengadakan *provision* agar majikan utama sentiasa memikul tanggungjawab terhadap pekerja. Saya benar-benar berharap semua pihak yang terlibat akan menyedari betapa seriusnya isu yang kita debatkan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof bin Husin. Silakan.

2.45 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* sekarang Dewan Negara sedang membahaskan satu rang undang-undang pindaan Akta Pekerja yang akan melibatkan lebih 11 juta pekerja termasuk pegawai-pegawai kerajaan tetapi yang terlibat secara langsung ialah pekerja swasta saya tidak ada spesifik jumlahnya yang mungkin lebih daripada 2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ini saya ingin menyentuh satu sahaja iaitu tentang kontraktor tenaga kerja. Di mana ini dipertikaikan oleh sebahagian besar pekerja-pekerja termasuklah MTUC dan juga gabungan NGO dan persatuan-persatuan pekerja yang dinamakan JERIT. Ini yang saya difahamkan, minggu lepas mereka mengadakan demonstrasi di jalan masuk di Parlimen ini untuk datang menyerahkan memorandum bahawa mereka tidak bersetuju dengan pindaan ini terutama yang akta ini melantik kontraktor untuk tenaga kerja. Di mana mereka akan hilang terus ataupun sama sekali hubungan mereka dengan agensi ataupun industri di tempat mereka bekerja.

Sebagai contohnya kalau mereka bekerja di Kilang SHARP maka Kilang SHARP itu tidak ada langsung hubungan dengan mereka. Sama ada kebajikannya, sama ada kegiatannya ataupun apa sahaja kerana mereka ini berada di bawah kontraktor yang dilantik. Dahulunya kalau kita lihat pekerja-pekerja, contohnya sebagai tukang kebun di pejabat kerajaan, di sekolah-sekolah, tukang sapu, tukang cuci dan sebagainya. Mereka ini adalah pegawai kerajaan yang mana mereka ini berpeluang mendapat pencen. Ada jaminan masa hadapan mereka jika umur mereka panjang. Akan tetapi apabila pelaksanaan agensi sepertimana sekarang, pengawal keselamatan dan tukang cuci ini yang diletakkan pejabat-pejabat kerajaan dan di lain-lain tempat yang tidak wujud lagi jawatan seumpama itu dalam jabatan kerajaan.

Gaji mereka jauh lebih rendah daripada apa yang sepatutnya. *Basic* gaji mereka antara RM400 hingga RM500 sahaja dan terpaksa bekerja 12 jam sehari untuk mendapatkan elaun tambahan itu pun hanya menjangkau sehingga RM700 atau RM800 sahaja. Bagi yang hidup di bandar tentulah tidak mencukupi.

Apabila terlaksananya rang undang-undang ini tidak mustahil apa yang berlaku seperti mana agensi-agensi yang menjaga pekerja keselamatan, yang menjaga tukang cuci ini akan berlaku juga kepada kontraktor ini.

Di mana mereka menawarkan gaji yang agak rendah dan pekerja-pekerja ini dalam keadaan tidak ada pilihan mereka terpaksa bekerja tetapi peluh mereka bukan sahaja diambil oleh industri ataupun syarikat tempat mereka bekerja. Akan tetapi peluh mereka juga akan diambil oleh kontraktor ini untuk mencapai keuntungan. Kalaulah satu-satu kontraktor yang akan diberi lesen oleh kerajaan...

■1450

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, bolehkah isu kontraktor itu dipindah, dialihkan ke tempat lain. Saya rasa...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tidak sebab ini menjadi asas bantahan daripada MTUC ...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, tetapi bukan sahaja *point* itu telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi saya rasa Yang Berhormat sendiri pun telah cukup menyentuh tentang perkara itu. Jadi, kalau boleh disimpulkan kerana kalau ada *points* lain yang hendak diteruskan silalah sebab kalau...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Okey, saya akan sentuh satu lagi fasal. Fasal 18 seksyen 60(3)(b). Di mana suku kata dalam Akta ini "*weekly*" hendaklah dimasukkan dalam para 3(a) dan bukan dalam para 3(b) seperti yang dicadangkan untuk dipinda. Cadangan pindaan ini akan mengakibatkan keadaan kadar elauan "*hourly*" kepada kadar "*weekly*". Maknanya daripada kadar jam kepada kadar minggu. Yang ini menyebabkan majikan akan membayar kepada pekerja itu dengan jumlah yang jauh kurangnya apabila dikira dengan jam, apabila di bayar mengikut kadar seminggu. Jadi, ini akan menekankan lagi pekerja yang mana mereka ini akan menjadi tersepit.

Apabila keadaan ini berlaku, maka kontraktor ini akan memfokuskan kepada pengambilan pekerja-pekerja asing yang sanggup menerima bayaran lebih murah. Makna kata kualiti pekerja kita akan berada di tahap yang semakin jatuh, semakin jatuh dan semakin jatuh kerana dua juta lebih pekerja ini Tuan Yang di-Pertua walaupun barangkali kita anggap pekerja lain, pegawai tinggi kerajaan itu lebih mustahak. Macam kenderaanlah. Walaupun tayar itu mahal, RM400, RM500 sebuah, skru itu RM2 tetapi kalau tidak letak skru, tayar yang mahal, kereta itu akan tersungkur juga. Jadi, maknanya perhatian kenalah kita beri kepada golongan pekerja ini.

Saya merayulah kepada kerajaan kerana MTUC telah mengeluarkan kenyataan mereka akan membantah sekeras-kerasnya terhadap rang undang-undang ini. Apalah salahnya. Yang lain itu elok, yang tiga, empat ini, apalah salahnya kerajaan menanggungkan rang undang-undang ini dikaji semula. Kalau tadi disebut bahawa NUPW bersetuju, apa salahnya kalau persetujuan yang sama kita perolehi daripada MTUC yang mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan pekerja. Sekian, Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

2.52 ptg

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sedih dan hairan bahawa rang undang-undang ini masih dibentangkan walaupun para pekerja dan MTUC menentang begitu keras undang-undang ini dan saya mohon undang-undang ini ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, pasal *contractor for labor* walaupun Ahli-ahli yang lain pun berucap tetapi itu lah *center point* ini dan ini ialah akan memberikan kesan yang begitu teruk kepada pekerja. Katakanlah seorang pekerja yang majikannya ialah satu kontraktor. Mungkin kontraktor itu ialah syarikat RM2. Jadi, bank bayar kepada syarikat ini dan syarikat ini ambil untung dan bayar pekerja pula. Kalau saya pekerja bekerja untuk syarikat RM2, bank mana yang akan memberi pinjaman perumahan kepada dia?

Bank mana yang akan memberi pinjaman untuk beli kereta atau apa-apa pinjaman? Jadi, pekerja tidak ada apa-apa perlindungan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia sekarang tidak ada gaji minimum lagi. Lagipun ada satu Laporan World Bank menyatakan bahawa dalam tempoh sepuluh tahun, gaji di Malaysia hanya naik 2.6 peratus dan sekarang pula pekerja untuk *labor* dibenarkan, dihalalkan apa yang diharamkan sehingga sekarang. Jadi, pekerja tidak ada apa-apa sokongan dan kerajaan telah lepas tangan atas kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, amalan ini, *contractor for labor* yang sedang digunakan di banyak syarikat itu tidak dibenarkan sehingga sekarang. Ini haram sehingga sekarang. Akan tetapi dengan kelulusan undang-undang ini itu akan dihalalkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu tadi bahawa tidak ada apa-apa larangan untuk pekerja memulakan *union*. Pada masa ini hanya 8 peratus pekerja ada *union*. Sekarang yang bekerja dengan majikan pun 8 peratus sahaja yang ada *union*. Kalau mereka kerja dengan *contractors labor*, macam mana lagi mahu ada *union*. Dalam satu syarikat ada tiga, empat kontraktor menghantar pekerja. Jadi, dalam keadaan macam itu macam manakah kita boleh tubuhkan *union*. Ini memang senang boleh bercakap tetapi apabila melakukannya tidak boleh langsung.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan begini sangat mustahil untuk mempunyai perjanjian kolektif dengan pemilik kerana banyak kontraktor boleh membekalkan pekerja. Satu tempat kerja tetapi pekerja-pekerja ini bekerja untuk kontraktor lain. Mereka tidak boleh berunding dengan *principal*, tidak boleh ada *collective agreement*. Pekerja-pekerja sebagai anak tiri dan dibiarkan tanpa bantuan. Tiada kesatuan yang boleh melindungi dan menjaga hak mereka. Ini adalah diskriminasi dan bertentangan dengan Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan dan Pendirian ILO yang menjamin kesamarataan dan tidak ada halangan di antara pekerja dan majikan.

Di Malaysia ada Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dan oleh itu *business* mendapatkan pekerja dan pembekalan mereka haruslah tertakluk di bawah undang-undang itu dan bukan menggubal Akta Kerja 1955. Fasal 3(c) dan fasal 33A tidak tertakluk dalam Akta Kerja 1995, sebaliknya diperuntukkan dalam Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa NUPW yang menyokong. Akan tetapi NUPW masih lagi belum keluar menyatakan bahawa mereka menyokong. Hanya Menteri yang bercakap mereka menyokong. NUPW mencadangkan bahawa ialah di ladang-ladang di mana kadang-kadang kontrak-kontrak diberi kepada perseorangan, bukan kepada syarikat. Kalau perseorangan mengambil pekerja, jadi pekerja tidak bekerja untuk majikan. Pekerja kerja untuk perseorangan. Oleh sebab itu pekerja tidak ada apa-apa perlindungan. Mereka tidak ada caruman KWSP, tidak ada caruman SOCSO, *medical benefit*, tidak ada apa-apa. Jadi, di situ satu kontraktor iaitu satu syarikat boleh memberi jaminan lebih baik. Oleh sebab itu NUPW menyokong. Akan tetapi NUPW tidak menyokong menjadikan pekerja ini untuk *labor* di semua tempat. Di syarikat, di kilang, di *office* mereka tidak menyokong begitu. Mereka hanya menyokong keadaan *seasonal employment* dan di mana kontrak itu diberi kepada perseorangan, bukan kepada syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata bahawa ia bukan untuk *institutionalize the system* tetapi sebagai satu mekanisme kawalan, kerajaan melalui seksyen 2(a), Akta Kerja 1955 dan akan menggubal peraturan-peraturan khusus untuk menyenaraikan jenis-jenis kerja yang ketika ini dibenarkan melalui pelantikan kontraktor tenaga kerja bagi memastikan kebajikan pekerja akan dilindungi dan mengelakkan manipulasi oleh mana-mana pihak.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peraturan-peraturan yang dicadangkan itu? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan cadangan-cadangan ini di Parlimen supaya kita dapat dengar sendiri dan memberi komen atau pandangan. Peraturan memang bertujuan untuk menjelaskan dengan terperinci langkah-langkah peraturan kerja yang sebenar dan sebagainya. Maka, ia tidak boleh digunakan untuk menghapuskan hak-hak dan keistimewaan kelas dan kategori tertentu pekerja oleh kementerian. Mengenai perkara hak-hak kategori yang termasuk atau tidak, ia seharusnya dibincangkan melalui Parlimen tetapi tidak menyerahkan kepada Menteri untuk membuat keputusan sebagai perkara prinsip.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam Akta ISA, kerajaan telah pun memberitahu bahawa ISA akan dihapuskan bila undang-undang baru digubal. Begitu juga dalam perkara ini kalau ada cadangan-cadangan lain, keluarkan cadangan dahulu, kemudian buat pengumpulan. Itulah permintaan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi minta kementerian tarik balik undang-undang ini yang sangat ditentang oleh warga pekerja. Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 19(2) yang beri 30 hari bagi membayar gaji. Ini pun perkara yang disentuh oleh ahli-ahli yang lain. Satu lagi perkara ialah *sexual harassment*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai *sexual harassment*, hendaklah diletakkan di bawah satu undang-undang yang berasingan yang berdiri secara tersendiri, yang tertentu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ini kerana ia dengan demikian ia akan meliputi seluruh negara dan tidak hanya di tempat kerja di Semenanjung Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1995 di mana ianya boleh dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia 40 peratus pekerja dapat gaji kurang daripada RM1,500. Dalam keadaan di mana ekonomi merosot, harga barang naik, pekerja di Malaysia menghadapi banyak masalah dan kini kerja mereka pun tidak terjamin. Jadi ini menunjukkan bahawa kerajaan melepaskan tangan dalam hal pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, saya minta kementerian tarik balik rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan. Akhirnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izhah.

3.02 ptg.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut terlibat dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk menokok tambah terlalu banyak kerana kebanyakannya sudah disebut dan disentuh oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berkenaan dengan betapa kurangnya ataupun betapa cacatnya pindaan ini yang sekiranya ianya dibentangkan juga, dipaksa untuk dibentangkan, ianya akan menimbulkan implikasi yang terlalu negatif terhadap nasib pekerja di negara ini.

Saya ingin menyatakan juga tentang hakikat bahawa rang undang-undang ini di bawa di Dewan yang mulia ini tanpa perbincangan yang *detail* dan teliti dengan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NALC) yang sebenarnya melibatkan tiga pihak. Ianya merupakan satu majlis yang dianggotai oleh kerajaan sendiri, golongan majikan dan pekerja. Apa salahnya pindaan yang sepenting ini yang melibatkan nasib majoriti pekerja di negara ini dibincangkan semula dan diteliti semula kerana ianya bukan hanya akan menyebabkan negara menghadapi masalah tenaga buruh hari ini tetapi ianya akan melibatkan masalah masa depan.

Persoalan tenaga buruh Tuan Yang di-Pertua, bukan persoalan yang ringan atau kita boleh pandang ringan. Ianya juga melibatkan soal keselamatan negara. Pindaan terhadap membenarkan secara sah atau secara sah penggunaan kontraktor buruh ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dengan kata yang agak ringkas tetapi sedikit kasar seolah-olah ianya menghalalkan penghambaan tenaga kerja secara moden. Kesan yang kita tidak nampak secara nyata ialah tidak wujud lagi hubungan antara majikan dan pekerja. Semuanya diambil alih oleh kontraktor dan tidak ada lagi soal menjaga kebajikan. Ianya seolah-olah kita membenarkan majikan itu lari dari tanggungjawab dengan izin, *a signing of their responsibility to towards their workers* kepada orang ketiga yang selalunya dan hari ini banyak kes melibatkan kontraktor buruh yang melarikan diri, tidak bayar pekerja, tidak bayar KWSP, SOCSO dan sebagainya.

Terlalu banyak kes terutamanya dalam sektor perladangan. Ini hakikat dan fakta yang harus diteliti semula oleh pihak kementerian sebelum menghalalkan kaedah penggunaan apa yang saya katakan sebagai penghambaan secara moden.

Kedua, kesannya yang sangat ketara ialah ianya menambahkan kebergantungan kita kepada tenaga buruh luar. Banyak kes saya sebut perladangan kerana di Kedah ini banyak ladang. Banyak kes di mana pekerja ladang yang sudah sekian lama, dari satu generasi ke satu generasi apabila datang kontraktor baru buruh, pekerja yang lama diberhentikan. Datang pekerja baru kerana apa? Kerana gajinya murah. Dia bawa masuk pekerja Indonesia, pekerja Myanmar, pekerja Thailand dan sebagainya. Gaji murah dan mereka ini mudah diperkotak-katikkan. Jadi menghalalkan penggunaan kontraktor buruh ini pada sekarang ini seolah-olah kita ini bersetuju dengan kaedah penghambaan pekerja-pekerja kita sendiri. Pekerja kita hilang pekerjaan. Sudahlah ruang pekerjaan yang ada di negara ini semakin hari semakin kecil. Ini kita bawa lagi buruh luar, sebelum daripada ini di Dewan ini juga kita membicarakan tentang kemasukan orang luar, meningkatkan kadar jenayah dan sebagainya. Pertanggungjawaban ini tidak akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor buruh.

Oleh kerana itu, kita minta kerajaan mengkaji semula khususnya bahagian ini kerana ianya memberikan kesan bukan hanya kepada industri pekerjaan negara ini tetapi soal keselamatan negara ini. Kebergantungan yang keterlaluan negara ini kepada pekerja buruh asing sangat membimbangkan bagi saya sudah mencapai tahap yang agak meruncing.

Kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mempunyai kadar penggunaan tenaga buruh luar antara yang tertinggi di dunia berbanding dengan ratio penduduk kita dan kita juga mempunyai kadar pengangguran yang agak tinggi berbanding dengan negara-negara yang sama pendapatan per kapitanya, agak luar biasa. Adakah semata-mata kerajaan ingin memihak kepada golongan yang memperdagangkan tenaga kerja ini dengan menghalalkan penggunaan seksyen yang berkenaan dengan kontraktor buruh.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan berkenaan dengan gangguan seksual di tempat kerja. Kita baru lepas semalam meluluskan tentang pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga. Hari ini walaupun secara dasarnya bagus kita masukkan klausa ini dalam Akta Kerja tetapi bagi saya ianya belum cukup komprehensif. Kaedah pelaksanaannya agak kabur. Perlindungan kepada pekerjanya agak kabur, hukuman terhadap pelakunya agak kabur. Kalau kita benar-benar serius terhadap golongan pekerja, ianya bukan kepada wanita sahaja tetapi juga lelaki. Gangguan seksual ini berlaku sama ada kita sedar atau tidak sedar. Kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil harus memikirkan untuk tampil dengan satu akta baru yang lebih komprehensif berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja.

Dalam akta ini disebut kalau ada gangguan seksual, aduan kepada majikan dan sebagainya tetapi apa terjadi kalau majikan itu sendiri yang melakukan gangguan seksual.

Dalam banyak kes yang berlaku hari ini, pekerja terpaksa berhenti kalau tidak diberhentikan kerana tekanan yang berlaku di persekitaran tempat kerja. Seharusnya, kita masukkan satu paling penting adalah wujudkan akta yang berbeza. Kalau kita boleh wujudkan Akta Keganasan Rumah Tangga, apa salahnya diwujudkan akta yang berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja. Saya percaya beberapa tahun yang lepas, ada beberapa kelompok NGO wanita yang sudah menyerahkan memorandum bahkan mereka sudah ada pun draf ini.

Mungkin draf mereka tidak sempurna tetapi tidak salah untuk kerajaan mengambil kira tentang draf ini. Saya sudah baca draf ini Tuan Yang di-Pertua. Bagus tetapi tidak sempurna. Adalah kecacatan di sana sedikit dan di sini sedikit tetapi sekurang-kurangnya sudah ada tempat untuk dirujuk.

■1510

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, setuju tidak kalau saya katakan bandingannya ialah keperluan untuk sarapan pagi dan keperluan untuk makan tengah hari? Kita bercakap sekarang tentang keperluan sarapan pagi, manakala Yang Berhormat bercakap tentang keperluan untuk makan tengah hari supaya diadakan satu undang-undang khas mengenai gangguan seksual ini. Saya rasa apa yang saya timbulkan, bolehkah tumpukan kepada perkara ini?

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Ya, maksud saya ialah apabila kita hanya mewujudkan satu klausa yang agak *insignificant* bagi saya berkenaan dengan gangguan seksual ini, kita seolah-olah tidak mengambil berat perkara yang berlaku terhadap pekerja-pekerja kita di bawah. Negara ini terbina atas titik peluh pekerja, bukannya pemodal semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang yang jarang di sentuh tentang tempoh notis penamatan kontrak empat minggu. Hari ini terlalu mudah untuk kontrak ditamatkan begitu sahaja. Kalau dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tamatkan kontrak kerja, ia bergantung pada tempoh perkhidmatan. Akan tetapi sekarang tidak. Kalau sekarang ini sebelum pindaan yang dibuat, kalau notis sekurang-kurangnya empat minggu itu, orang itu perlu bekerja dua tahun atau kurang. Kalau lebih dari dua tahun, kurang dari lima tahun, notis sekurang-kurangnya enam minggu. Kalau lebih lima tahun, notis sekurang-kurangnya lapan minggu. Akan tetapi sekarang ini, *flat across the board*, dengan izin, empat minggu, di mana kebajikan pekerja kita hendak jaga? Sekali lagi, seolah-olah kerajaan memilih untuk memihak kepada pemodal. Ini gambaran yang rakyat boleh baca daripada pindaan ini. Saya tidak kata kerajaan memihak kepada pemodal semata-mata tetapi ini gambaran, bila kita baca dan kalau kita setuju dengan pindaan ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sedikit menyentuh tentang cuti wanita yang bersalin. Saya rasa sudah sampai masanya kita memilih juga untuk memastikan keluarga yang menjaga hal ehwal pekerja-pekerja kita ini dijaga dan diberikan ruang untuk dapat berkembang dengan baik.

Tempoh 48 hari yang dulu sudah diubah kepada 60 hari, apa salahnya kita membuka ruang yang lebih panjang lagi untuk pekerja wanita khususnya yang melahirkan anak dipanjangkan lagi terus ke 90 hari. Tidak ada salah. Saya sedar dan saya difahamkan akan ada satu undang-undang khusus tentang perkara ini. Akan tetapi berbangkit dengan soal Akta Kerja ini, saya mencadangkan agar cuti bersalin wanita ini dipanjangkan ke 90 hari? Tidak ada salah. Tidak akan berlaku masalah kualiti kerja itu jatuh. Tidak akan berlaku masalah produktiviti kerja itu kurang, Tidak berlaku semua ini.

Saya ambil contoh tiga negeri yang berani untuk memanjangkan cuti bersalin. Pertama, mulai awal tahun 2010, negeri Selangor memberikan cuti bersalin 90 hari dan cuti tambahan sehingga sepuluh hari kepada suami - sepuluh hari itu kepada suami, bukan 90 hari kepada suami, sepuluh hari kepada suami dan 90 hari kepada wanita yang bersalin – supaya dapat membantu menguruskan rumah tangga sehingga pekerja wanita itu kembali bekerja. Mulai akhir tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melanjutkan cuti bersalin kepada 90 hari. Mulai tahun 2011, pegawai wanita Kerajaan Negeri Kelantan juga menikmati cuti 90 hari. Ini alasan semuanya adalah untuk memberikan lebih masa kepada wanita khususnya yang baru bersalin, bukan hanya menjaga kesihatan diri dan kembali cergas untuk bekerja, tetapi juga untuk menjaga anak dan keluarga semasa tempoh untuk baik pulih.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon apa salahnya kerajaan kembali merujuk kepada badan-badan yang berwajib. Saya sebut awal tadi, rujuklah kepada kesatuan-kesatuan sekerja. Kita ada MTUC, CUEPACS dan banyak lagi. Kita juga ada Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang terdiri daripada kerajaan sendiri. Tidak ada salahnya. Kalau ini berlaku, saya percaya insya-Allah pekerja di negara ini akan turut menyokong kerajaan sekiranya kerajaan prihatin kepada pekerja. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saiful Izhah bin Ramli. Saya rasa kita telah mendengar 12 pembahas mengenai rang undang-undang ini dan rasanya tidak ada lagi persoalan atau kemusykilan hendak dikemukakan. Dengan itu saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak bahas tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak tersenarai.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Senarai tadi bersama Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh bataskan masa tidak Yang Berhormat? Saya rasa kalau boleh, Yang Berhormat bataskan kepada lima, enam minit.

3.16 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah ruang saya sebagai penggubal undang-undang untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi saya harap tidak usahlah diulang-ulang *point* yang telah disebutkan.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Secara ringkas kerana banyak perkara telah disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Cuma, saya hendak sentuh tiga perkara yang menjadi fokus masyarakat pekerja dalam pindaan rang undang-undang ini. Tiga perkara yang saya sebut tadi ialah, satu, kontrak tenaga kerja yang telah dibahas dengan begitu luas, keduanya tentang bayaran kerja lebih masa, dan ketiganya tentang gangguan seksual.

Dalam perkara kontrak tenaga kerja ini saya hanya hendak menyentuh sedikit sahaja bahawa walaupun kontrak tenaga kerja ini adalah isu besar kepada masyarakat pekerja, sistem kerja ini telah wujud sebelum tahun 1955 tetapi selepas merdeka dan hasil daripada perjuangan kaum kerja sendiri, sistem kontrak ini telah dihapuskan pada tahun 60-an. Selepas itu, wujud sistem kerja tetap yang terdapat dalam Akta Kerja 1955. Jadi dengan membawa pindaan ini, kerajaan dilihat melangkah ke belakang untuk mengembalikan sistem kerja kontrak yang dilihat tidak membantu untuk menjaga kepentingan pekerja.

Dari segi implikasi hubungan majikan dan pekerja, saya tidak mahu menyentuh apa yang telah disebut dengan panjang lebar oleh rakan-rakan saya. Cuma, saya hendak menyatakan bahawa kita telah melalui banyak masalah. Sebagai contoh, kita melihat ramai pengawal keselamatan yang sekarang ini di *outsource* atau di kontrak kan. Banyak isu berlaku seperti mereka ini tidak dibayar gaji dengan betul, potongan SOCSO tidak dicarumkan, kebajikan mereka entah ke mana dengan alasan bahawa syarikat yang membekalkan tenaga ini lewat dibayar. Ini telah berlaku dan tidak mustahil akan berlaku. Jika berlaku, maka tentu sekali masyarakat pekerja akan menjadi mangsanya.

Keduanya tentang bayaran kerja lebih masa. Bayaran kerja lebih masa yang dicadangkan adalah untuk mengizinkan bayaran tidak lewat daripada tarikh terakhir tempoh gaji berikutnya. Sebelum pindaan akta 1955, majikan hendaklah membayar keseluruhan termasuk bayaran kerja lebih masa selewat-lewatnya pada hari ketujuh bulan berikutnya. Akan tetapi melalui pindaan ini, bayaran kerja lebih masa pekerja boleh dilewatkan sehingga hujung bulan. Pada pendapat saya, ini satu beban besar bagi pekerja yang dilindungi akta ini. Kita sedia maklum majoriti pekerja mendapat gaji pokok yang rendah dan ini telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri iaitu 34 peratus pekerja negara ini mendapat gaji lebih rendah daripada RM720 sebulan.

Bayaran kerja lebih masa ini membantu mereka dalam belanjawan bulanan. Jika bayaran kerja lebih masa ini dilewatkan, sudah pasti mereka akan menghadapi masalah besar dalam mengatur perbelanjaan bulanan. Jika mereka berhutang dan lambat membayar faedah, maka keadaan ini lebih membebankan. Saya rasa ia menjadi masalah juga kepada wakil rakyat kerana wakil rakyat adalah tempat yang mereka akan mengadu kesusahan mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tentang gangguan seksual di tempat kerja. Ini adalah satu perkara yang di bantah dalam kerajaan. Ini adalah kerana gangguan seksual yang baru dicadangkan ini adalah satu perkara yang begitu lama. Saya berpendapat bahawa kerajaan perlulah mewujudkan satu akta berasingan bagi menangani masalah ini.

Saya berharap perkara ini dapat disegerakan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai penggubal undang-undang di Dewan Negara ini merayu dan memohon supaya kerajaan dapat menarik semula akta ini. Kami di sini tidak ada masalah untuk menyokong, meluluskan akta-akta di mana kepentingan pekerja dapat kita utamakan.

■1520

Saya suka menyebut bahawa pekerja memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan sesebuah negara. Bagi negara kita sendiri, pembangunan yang ada ini yang dapat kita lihat adalah juga hasil daripada sumbangan para pekerja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.21 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen, kesungguhan dan juga pelbagai pandangan mengenai dengan perkara yang telah dibentangkan ini.

Saya mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim, Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw, Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izhah bin Ramli dan Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff yang terakhir tadi.

Saya rasa begitu teruja kerana melihat pandangan-pandangan yang begitu serius dan sudah tentu perkara-perkara ini adalah di dalam pandangan. Untuk maklumat di Dewan yang mulia ini, sebelum dibawa ke Dewan Rakyat, kita telah mengadakan 18 konsultasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk juga CUEPACS dan lain-lain iaitu di atas semangat *tripartisme* yang melibatkan tiga pihak iaitu kerajaan, wakil-wakil majikan dan juga wakil-wakil pekerja. Jadi, kalau ada pihak yang mengatakan bahawa Kementerian Sumber Manusia melaksanakan akta ini dan cuba membawa rang undang-undang ini tanpa konsultasi dan tanpa merujuk kepada pihak-pihak yang berkepentingan, itu adalah sama sekali tidak benar.

Izinkan saya untuk merumuskan pandangan-pandangan yang begitu banyak dan saya cuba sebaik mungkin untuk menerangkan satu-persatu. Saya mulakan dengan pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan. Pertamanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang pada mulanya telah - begitu juga dengan ramai rakan-rakan yang lain yang menyentuh tentang *contractor for labour*. Jadi, kita telah meminda di dalam akta lama yang mana ia berbunyi iaitu "*subcontractor for labour*" dan di dalam pindaan ini kita menggelar *contractor for labour*. Kita memperluaskan skop ini semata-mata untuk kepentingan pekerja kerana kalau kita *kata subcontractor for labour*, ia terhad pada subkontraktor. Akan tetapi di sini, semua yang ada kaitan dengan *principle* sama ada ia kontrak, subkontraktor bahkan sub-subkontraktor adalah tertakluk kepada pindaan ini yang mana mereka perlu mendaftar kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Kedua, mereka perlu mengemaskini rekod-rekod pekerja dan maklumat-maklumat yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Ketiga, dengan adanya rekod-rekod ini, bukan hanya ia memudahkan kerja pemantauan yang akan dibuat mengikut keperluan dan juga akan memudahkan siasatan apabila ada aduan-aduan yang diterima. Pengalaman-pengalaman kita yang lalu menunjukkan apabila ada aduan, kita dapati tanpa adanya rekod-rekod ini, ramai daripada mereka yang bersalah itu tidak dapat dikesan atau apabila dikesan tidak mempunyai rekod-rekod yang boleh dijadikan bahan bukti.

Saya ingin menenangkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang begitu bimbang akan perkara ini supaya bertenang kerana selepas kita membentangkan di Dewan Rakyat pun, kita mengadakan banyak konsultasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk MTUC, termasuk juga wakil-wakil pekerja yang lain dan dengan pihak-pihak majikan. Kita telah bersetuju untuk mencari jalan ke hadapan, *forward. We have to move forward*, dengan izin. Oleh itu, kita telah bersetuju untuk mewujudkan satu jawatankuasa mengkaji mekanisme penggajian oleh kontraktor tenaga kerja. Jadi, ini kita gunakan kuasa Menteri untuk mewujudkannya di bawah seksyen 2(a).

Dengan adanya jawatankuasa ini, Yang Berhormat Menteri dengan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu wakil majikan dan pekerja termasuk CUEPACS dan lain-lainnya berpeluang untuk bersama-sama memberikan pandangan, input bagaimanakah kita boleh mengawal dan mewujudkan *mechanism* untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyalahgunaan tenaga kerja, tidak berlaku eksploitasi dan boleh mengelakkan sebarang penyelewengan. Saya harap ini dapat meredakan sebarang kegusaran, kebimbangan dan pelbagai lagi yang telah diperkatakan tadi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mahukan sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya. Silakan. Jangan terlalu panjang.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma menyatakan kebimbangan ini berdasarkan pada pengalaman. Kita ada kes rumah terbengkalai, 197 buah kes rumah terbengkalai di sesuatu taman dan melibatkan kontraktor ataupun *developer* yang ada jaminan RM290,000. Jadi, apabila disebutkan kontraktor tenaga kerja ini, bagaimanakah pula jaminannya? Ini disebabkan kalau disebutkan kontraktor ini mungkin besar, mungkin kecil. Satu perkara.

Kedua, berapakah fi yang ditetapkan oleh kerajaan yang boleh diambil oleh kontraktor tenaga kerja ini dalam dia menguruskan pekerja sebab ini akan menjadi satu tangga lagi sebelum sampai kepada para pekerja? Maknanya daripada segi fi yang boleh diambil ataupun... [*Menunjukkan isyarat tangan*] Kalaulah dia ada majikan, kontraktor di tengah, pekerja. Berapakah fi yang boleh dikenakan oleh kontraktor tenaga kerja ini dalam menguruskan pekerja-pekerja tadi. Ini kerana mungkin memeras, dua kali peras tenagalah. Daripada segi fi itu kalau ada.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa soalan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tadi tentang rumah terbengkalai dan pekerja-pekerja menjadi mangsa, saya rasa ini semua adalah di bawah kawalan, kalau berkaitan dengan pekerja di bawah kawalan Jabatan Tenaga Kerja dan sudah ada di dalam...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya. Saya rasa perbandingan ini pun tidak tepat. Perbandingan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz itu saya rasa agak ...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya bandingkan antara kontraktor dengan *developer*. Itu yang saya bandingkan. Bukan masalah pekerja di tempat rumah terbengkalai.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, di dalam akta ini tidak ada disebutkan tentang fi dan lain-lainnya. Itu dalam peraturan dan amalan-amalan ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan jawapan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Ya. Terima kasih. Jadi, saya tadi harap dapat meleraikan kebimbangan dan kegusaran yang wujud di kalangan rakan-rakan berkenaan dengan *contractor for labour*.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh rakan-rakan tentang Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar mengenai dengan isu-isu berkaitan dengan kesalahan-kesalahan bersabit dengan tidak melaksanakan apa yang telah ditetapkan di bawah akta ini. Kita mempunyai satu penalti am bagi semua kesalahan yang ada disebutkan tadi iaitu dalam RM10,000 bagi tiap-tiap kesalahan yang disabitkan.

■1530

Banyak soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan – saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar tadi. Sekiranya anak luar nikah, adakah dia berhak - jika seseorang ibu itu mengandung anak di luar nikah adakah dia berhak untuk mendapat cuti bersalin? Jadi, di dalam akta kerja ini tidak dimasukkan sama ada seseorang itu patut berkahwin atau tidak. Cuma yang ada adalah syarat-syarat dia mestilah sudah bekerja di dalam syarikat itu bagi masa-masa yang tertentu dan dia berhak untuk mendapat cuti bersalin tersebut. Hak ini kalau dia mempunyai lima orang anak yang hidup, dia berhak mendapat cuti bergaji tetapi jika dia ingin bercuti tambahan tanpa gaji, ia boleh ditambahkan pada 90 hari.

Seterusnya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar juga menyentuh tentang soal pendahuluan membeli komputer sama ada ia boleh diperluaskan pada perkara-perkara yang terkini; *iPad*, *iPhone* dan lain-lainnya. Kita memasukkan di situ dalam komputer. Saya kira itu semua di *categorize* kan sebagai komputer dan kita tidak spesifik kan kerana teknologi berkembang begitu pesat. Kalau pada hari ini ada *iPad*, *iPhone*, esok tidak tahu apa lagi.

Seterusnya mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan bayaran *overtime* tadi. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa ada rasa kebimbangan lambatnya. Kalau dahulu boleh tujuh hari lewat. Sekarang ini dibenarkan sampai sehari sebelum gaji ke hadapan itu dibayar. Perkara ini adalah selepas kita berunding dengan pihak majikan dan pekerja yang mana di dalam akta lama, apabila kita buat mandatori mesti dibayar dalam tujuh hari, apabila gagal, kesalahan ini boleh melibatkan di bawah seksyen 91.

Menurut seksyen 15(b), apabila gagal membayar mengikut waktu itu, kita dapati ia satu kesalahan dan pekerja boleh terputus kontraknya bahkan ini membuat majikan terpaksa meminta kelulusan bertulis dengan Jabatan Tenaga Kerja. Oleh kerana kita pada masa ini hendak memesatkan proses perniagaan dengan izin, *the ease of doing business*, maka perkara ini terpaksa kita buat sebegini.

Mengikut Yang Berhormat Senator rasa begitu bimbang kerana memandangkan bahawa pendapatan-pendapatan pekerja ini di tahap yang rendah, sudah tentu akan menyusahkan. Akan tetapi berita baiknya ialah bahawa kerajaan akan menggubal gaji minimum kerana banyak tadi disebutkan tentang kebimbangan ini dan bagaimana kita tahu pada masa ini gaji-gaji pekerja 37 peratus antaranya di bawah para kemiskinan. Oleh itu, dengan penggubalan nanti, gaji minimum di bawah Akta Majlis Gaji Negara, saya pasti masalah ini dapat meleraikan permasalahan ini sedikit sebanyak.

Saya balik kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat ada menyentuh tadi tentang sama ada kita mengurangkan takrifan mengandungi untuk melayakkan seseorang wanita itu mendapatkan hak-haknya pada lima bulan setengah ini berasaskan pada satu-satu kajian. Ini adalah berlandaskan pada kajian dan data yang dirujuk kepada *World Health Organization*. Di dalam skop tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia, kita melihat hubungan pekerja itu dengan bayi yang dikandungkannya. Tempoh lima bulan setengah atau 22 minggu mengikut perubatan, bayi itu boleh hidup. Kalau dahulu sekurang-kurangnya 28 minggu, sekarang ini 22 minggu boleh hidup. Oleh itu, seseorang itu layak, wanita itu layak mendapatkan hak-haknya, cuti bersalin gaji dibayar dan lain-lainnya.

Ramai juga Yang Berhormat tadi menyentuh tentang tempoh cuti bersalin. Mengapakah tidak dipanjangkan pada 90 hari?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kementerian sedang mengkaji perkara ini tetapi oleh kerana pendekatan kami ialah perlu merujuk dan berunding dengan semua pihak berkaitan termasuk majikan dan pekerja sehingga kita membawa perkara ini ke Dewan Rakyat yang lalu, masih belum mendapat persetujuan di antara semua pihak. Maka kita menangguhkan pindaan ini untuk yang akan datang.

Seterusnya ada juga menyentuh tentang hak penjagaan iaitu suami. Ini tidak termasuk dalam bidang skop Kementerian Sumber Manusia tetapi merupakan satu cadangan yang sangat baik di bawah hak penjagaan dan lain-lain.

Seterusnya, saya ingin merujuk lagi sekali kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat yang bertanya di bawah gangguan seksual. Dia menyatakan boleh atau tidak diberikan hukuman yang lebih serius iaitu jika disabitkan kesalahan, diminta hukuman sebat. Ada juga rakan-rakan yang minta diwujudkan akta gangguan seksual. Seperti yang kita maklum yang kita gubal di dalam akta ini, bukan akta gangguan seksual tetapi iaitu kita memuktubkan prosedur siasatan apabila berlaku gangguan seksual dan skopnya ialah di tempat kerja. Ini termasuklah juga jika berlakunya gangguan seksual, di bawah 81B yang pekerja membuat aduan kepada majikan. Seksyen 81C, dan seksyen 81D aduan pekerja melibatkan selain daripada pekerja tetapi orang yang ada berlegar dalam organisasi tersebut. Seksyen 81D (1), pekerja boleh membuat aduan terus ke Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja. Lagi satu ialah seksyen 81D (3), jika yang disyaki itu adalah *proprietor* dengan izin, adalah majikan dan juga penyelia kepada pekerja.

Jadi, ini adalah peraturan-peraturan yang digubal untuk membolehkan siasatan dibuat. Apa yang boleh berlaku dua keadaan. Satu, didapati kesalahan yang boleh diambil tindakan tatatertib dalaman. Kedua ialah jika ia ada unsur jenayah, ia perlu dirujuk pada Polis Diraja Malaysia dan ia tertakluk pada siasatan di bawah Kanun Keseksaan. Jadi, ini adalah prosedur yang ada kerana sebelum ini kita mewujudkan satu amalan yang memerlukan satu kod amalan yang patut dipraktikkan oleh majikan tetapi tidak banyak majikan yang mengamalkannya. Jadi, kita maktubkan kali ini di dalam pindaan ini.

■1540

Seterusnya, saya juga ingin merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan pembantu rumah asing. Ada banyak persoalan berkaitan dengan perkara ini melalui satu, mengenai dengan bayaran melalui akaun. Adakah cukup infrastruktur? Di dalam pindaan ini dibolehkan tempat-tempat tertentu di mana tidak adanya kemudahan tersebut di bayar melalui tunai dengan persetujuan pekerja dan majikan. Selain daripada itu kita dapati juga pandangan tadi daripada salah seorang mengatakan supaya kita juga menjaga kepentingan majikan bukan hanya pekerja.

Jadi saya ingin memaklumkan walaupun tidak termaktub di dalam akta ini, dalam jawatankuasa dan platform-platform yang lain selepas kita menandatangani MoU baru-baru ini contohnya dengan Kerajaan Indonesia di dalam peraturan-peraturan yang sedang dibincangkan, pelaksanaan-pelaksanaan dalam jawatankuasa khas yang diwujudkan di antara dua negara.

Kita mengambil kira kepentingan majikan termasuklah jika pembantu rumah itu contohnya tidak kompeten, tidak boleh membuat kerja atau didapati sakit ataupun lari maka majikan itu boleh menuntut untuk digantikan. Ini untuk menjamin kepentingan majikan.

Seterusnya tadi Yang Berhormat Hajah Mumtaz ada juga menyentuh tentang pekerja-pekerja dan juga rakan-rakan lain tadi ada menyentuh tentang sukarnya untuk menubuhkan kesatuan sekerja terutama sekali kalau ia merupakan kesatuan *in house*. Susah hendak bergabung dengan kebangsaan dan berbagai-bagai lagi pandangan. Saya ingin memaklumkan bahawa memang betul kata salah seorang Yang Berhormat tadi hanya 10 peratus pekerja-pekerja di negara ini yang berkesatuan. Akan tetapi kerajaan ingin mempromosi supaya lebih ramai lagi bekerja menjadi ahli kesatuan dan untuk itu di Kementerian Sumber Manusia kita ada dua jabatan khas. Satu Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja untuk menguruskan pendaftaran kesatuan. Lagi satu Jabatan Pembangunan Perusahaan yang menguruskan pengesahan dan hal-hal berkaitan dengan konflik dan lain-lainnya.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz ada juga menyentuh tentang majikan-majikan yang tidak menghormati hak-hak pekerja seperti hak asasi beragama, cara berpakaian dan lain-lainnya. Saya rasa ini adalah satu perkara yang berlaku mungkin dari masa ke semasa tapi lumrahnya pada masa ini bilangan aduan yang diterima oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sudah boleh dikatakan amat sedikit. Oleh itu jika perkara ini ada berlaku, pekerja-pekerja ada hak untuk membuat aduan pada Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran untuk dibuat siasatan dan tindakan-tindakan seterusnya.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang perkara berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Mumtaz ada membangkitkan tentang masalah pekerja tempatan, pekerja asing, hak-hak mereka dan siapa yang menyemak dokumen-dokumen dan juga hal-hal lain-lain yang berkaitan dengan perkara itu. Saya ingin memaklumkan bahawa ini semua sudah termaktub di dalam akta. Semua pekerja-pekerja tempatan sudah terlindung di dalam akta kerja. Kita memuatkan tentang pembantu rumah kerana ia merupakan satu perkara yang baru yang sebelum ini tidak termasuk di dalam senarai tersebut. Semua perkara-perkara mengenai semakan siasatan dan lain-lainnya juga ada dalam bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja.

Mengenai dengan cadangan di wujudkan pusat sehenti dan masalah dengan PERKESO saya ingin kalau boleh Yang Berhormat Senator mengemukakan aduan terus kepada pihak PERKESO sekiranya berlaku kelambatan atau sengaja layanan yang tidak efisien daripada pekerja PERKESO kerana saya tahu PERKESO merupakan salah satu agensi yang kami sangat bangga kerana dia inovatif, kreatif dan sentiasa ada pembaharuan dan mereka mempunyai piagam untuk menyiapkan semua tuntutan dalam masa dua minggu dengan syarat dokumen siap sempurna.

Jadi kalau masih ada aduan-aduan kelambatan atau yang tidak sewajarnya sila buat aduan. Saya percaya ketua eksekutifnya akan turun padang untuk membuat siasatan.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Sedikit, sedikit sahaja Menteri. Sedikit sahaja. Bukan masalah PERKESO sahaja. Dia gabungan antara semua itu. Maksudnya kalau meninggal dia kena hubungi PERKESO, kena laporan perubahan dengan KWSP. Maknanya perlu pusat sehati itu untuk menguruskan semua itu bukannya masalah di PERKESO sahaja. Saya harap Menteri dapat memberi penjelasan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ingat PERKESO itu disebut sebagai contoh sahaja tadi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Akan tetapi sekarang masalah hendak pergi sini, tiga hari, hendak pergi sini, tiga hari. Itu masalah saya hendak kemukakan Menteri.

Dato' Maznah binti Mazlan: Mungkin Yang Berhormat boleh nanti beritahu saya cadangan itu secara terperinci lagi ya. Kita boleh berbincang.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Subbaiyah ada menyentuh tentang gangguan seksual tadi. Tentang mengatakan kemungkinan seorang pekerja itu tertakluk kepada dua hukuman iaitu oleh majikan, kemudian siasatan dibuat oleh Polis Diraja Malaysia melalui hukuman Kanun Keseksaan ya. Perkara ini tidak mungkin berlaku kerana hanya kesalahan yang ada unsur jenayah sahaja dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia. Lain dibuat melalui jawatankuasa disiplin dan merujuk kepada kuasa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Minta laluan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Ya.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Adakah itu bermakna jika satu laporan polis telah dibuat oleh mangsa, pihak jabatan tidak akan ambil tindakan secara tatatertib.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertama kita buat siasatan dalaman. Kita kena berpuas hati dan menentukan statusnya dulu. Adakah dia ada unsur jenayah atau tidak. Jika tidak ada ia diselesaikan dalaman. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh terlibat jika untuk menjamin kepentingan semua pihak. Hanya jika unsur jenayah ada maka dirujuk kepada Polis Diraja.

Jadi kalau polis sudah masuk menyiasat, kes itu sudah jadi kes jenayah maka pekerja itu mungkin tertakluk kepada siasatan dan lain-lain tindakan tidak diambil buat sementara waktu kecuali mungkin ia perlu, mungkin digantung kerja sementara siasatan dibuat atau di bayar gaji separuh dan lain-lain mengikut peraturan-peraturan yang ada ya. Terima kasih. Saya rasa itu di antara perkara-perkara penting yang telah...

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Minta laluan sekali lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tidak saya tahu tentang apa itu Yang Berhormat?

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua fasal 1...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau fasal gangguan seksual tadi saya rasa cukuplah.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Satu seksyen Timbalan Menteri tidak dapat jawab.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan. Saya Yang Berhormat memikirkan kita ini sudah hari terakhir kita bersidang. Jadi perkara-perkara yang sekadar untuk menghilangkan kemusykilan mintalah pandangan secara *private* dengan Timbalan Menteri. Oleh sebab saya rasa minta Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya rasa telah menyentuh perkara-perkara utama yang telah dikemukakan dan saya ingin mengakhiri penggulungan saya.

■1550

Jika ada perkara yang masih belum memuaskan hati ataupun ada perkara-perkara yang tertinggal saya bersedia untuk menjawabnya secara bertulis ataupun kita boleh adakan pertemuan. Akan tetapi, saya menyahut baik semua pandangan-pandangan tadi. Oleh kerana proses pindaan ini adalah satu proses berterusan, bahkan ini pindaan yang kesepuluh Tuan Yang di-Pertua.

Kita boleh terus meminda kerana kepesatan pembangunan di bawah program transformasi negara hari ini menuntut Kementerian Sumber Manusia supaya sentiasa bersedia untuk membuat perubahan-perubahan, pindaan-pindaan sekerap yang mungkin untuk menyesuaikan dan mewujudkan satu suasana pekerjaan yang harmoni, selesa dan menarik. Bukan hanya untuk pekerja tempatan tetapi juga untuk pelabur-pelabur asing datang melabur. Saya dengan ini mengucapkan penghargaan kepada semua yang telah memberi pandangan. Tiap-tiap pandangan ini dicatat dan pandangan-pandangan yang baru akan direkod untuk diambil kira untuk tindakan-tindakan selanjutnya. Saya merakamkan penghargaan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa kata kunci daripada penggulungan perbahasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah bahawa ini adalah satu proses yang berterusan yang memberi implikasi bahawa ada sikap keterbukaan. Jadi kita terimalah niat baik Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Ini adalah satu proses berterusan dan akan diteruskan dengan sikap keterbukaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua. Kami mohon Tuan Yang di-Pertua untuk belah bahagi mengikut...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya boleh beri kalau hendak berbelah bahagi, jangan tengah Tuan Yang di-Pertua cakap dibelah 'bacaan' Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat belah 'bacaan' Tuan Yang di-Pertua. Jadi membuang masa yang saya sudah teka permintaan belah bahagi itu tidak akan membuang masa.

Akan tetapi, saya rasa bila Tuan Yang di-Pertua ingin membacakan ini biar selesai dahulu. Jangan dibelah 'bacaan' Tuan Yang di-Pertua. Saya baca balik. Membuang masa lah. Minta maaf Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Baru belah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Eh! Nanti kejap. Okey saya difahamkan bahawa untuk melayan permintaan berbelah bahagi itu mengikut...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Peraturan 45(4).

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, saya faham. Ya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Telah dimaklumkan lebih awal sebelum ini. ya. Terima kasih Yang Berhormat. Peraturan 45(4) iaitu ertinya memerlukan sekurang-kurangnya lapan orang yang istilahnya di sini yang melawan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Istilah yang digunakan, dilawan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua. Kita mintalah jasa baik rakan kita ini. Masa sudah tidak cukup, sudah tentu lapan. Akal kata, memang minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa macam inilah kalau pun barangkali permintaan tidak akan terkabul ya. Saya rasa dalam keadaan yang paling ideal, kalau umpamanya kita mengambil analogi pekerja kontraktor dan majikan yang paling ideal ialah supaya ketiga pihak ini berkongsi bersinergi untuk menjaga masa. Sekarang ada di antara rakan-rakan kita yang rasa keberatan untuk bersinergi untuk menjaga masa. Walau bagaimanapun, dalam semangat yang demokratik kita benar...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti, nanti sekejap. Boleh tidak Yang Berhormat bercakap setelah dibenarkan? Boleh Yang Berhormat Tuan Saiful Izhah duduk sekejap? Saya habis. Jadi saya rasa kalau kehendak rakan-rakan untuk berbelah bahagi. Apa namanya istilah tadi?

Seorang Ahli: Berbelah bahagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Berbelah bahagian, maka memerlukan lapan orang. Cukup lapan orang? Ya, Sepuluh minit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: ...Lapan orang cukup Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Untuk rekod lapan orang ya. Kalau yang masih duduk itu okey lah... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Buang masa sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak apa. Dengan semangat demokrasi.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah dalam Dewan yang mulia ini kita merekodkan. Itu yang penting. Ini kerana rang undang-undang yang penting. Kalau kita bersetuju, kita bersetuju. Itu sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, okey kita akan merekodkan sekarang Yang Berhormat ya. Pandangan-pandangan yang berbeza juga kita rekodkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab lebih daripada lapan orang atau lapan orang bangun meminta diadakan belah bahagian. Maka mengikut peraturan mesyuarat...

Dato' Azian bin Osman: Minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pembetulan bukan lebih. Cuma lapan orang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! Lapan orang.

Dato' Azian bin Osman: Minta direkodkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak mengapa. Okey, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 45(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit. Dua minit, 120 saat.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1600

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah pun dipohon untuk belah bahagian, penghitung telah membuat pengundian dan keputusannya adalah seperti berikut:

Ahli-ahli yang bersetuju 36 undi... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 8 undi.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perkara ini, izinkan saya memperingatkan. Sungguhpun demokrasi dalam peraturan ada, saya merayu – sudah merayu pun. Selepas ini saya akan tegas dalam keputusan saya. Sebagai Yang di-Pertua, keputusan muktamad adalah di tangan saya dan saya harap Yang Berhormat semua akur dan patuh. Dalam persidangan ini saya cuba memberi ruang. Jangan lupa bahawa sekarang ini jam pukul 4.02 petang. Kita ada lagi sembilan rang undang-undang. Selepas ini kalau sistem yang saya cuba benarkan – nampaknya tidak dihiraukan, tidak diambil berat bersama tanggungjawab. Majlis kita bersidang ini terpaksa kita sudahkan. Malam tadi kita sudah tapi belah bahagian ini sudah satu trend nampaknya. Saya terima, saya akur, patuh kepada peraturan tetapi fikirilah baik-baik apa faedahnya kepada kita.

Dalam suasana demikian, kita membuat keputusan begini hanya membuang masa. Inilah contohnya... [*Tepuk*] Kepada Ahli Yang Berhormat...

Dr. Syed Husin Ali: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat. Beri saya bercakap dahulu. Izinkan saya bercakap dahulu. Bila saya bercakap ini, ini bukan emosi, tetapi untuk bersama-sama kita bertanggungjawab cuba hendak menyelesaikan. Kita hari terakhir hari ini. Kita hanya tidak sampai beberapa jam lagi dan kita buat keputusan tadi usulnya sampai habis. Sampai habis itu maknanya tidak lebih daripada 12 tengah malam. Oleh demikian, saya teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih suara yang bersetuju, maka rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kerana sistem yang saya cuba lakukan iaitu saya terima daripada nama-nama, buat pada mulai sekarang ini, tidak payah pakai itu. Saya tengok siapa yang bangun, saya bagi dan saya akan hadkan siapa yang bercakap untuk berhenti, saya akan menghentikan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) iaitu undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan pencen bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri.

Secara khususnya, pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan lima dasar baru berkaitan persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun ini termasuk dasar yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 di Dewan yang mulia ini tempoh hari. Lima dasar baru tersebut mengikut susunan dalam rang undang-undang adalah seperti berikut:

- (i) pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkenaan berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi pegawai yang dipersarakan atas kehendak kerajaan;
- (ii) peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam dari 58 tahun ke 60 tahun;
- (iii) pemberian pencen kepada pegawai lantikan pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan mulai tarikh apabila pesara mencapai umur 55 tahun;
- (iv) pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara dan anak hasil perkahwinan itu untuk bagi tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara; dan
- (v) pembayaran faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran serta pemberian wang tunai gantian cuti rehat dan faedah terbitan kepada pesara dan penerima pencen terbitan yang bankrap.

Kelima-lima dasar ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Tuan Yang di-Pertua, bagi dasar yang pertama, izinkan saya jelaskan mengenai pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkhidmat sehingga pegawai mencapai umur persaraan paksa bagi mereka yang dibersarakan atas kehendak kerajaan. Dasar ini merupakan sebahagian daripada dasar pemisahan ataupun dengan izin, *exit policy* yang memberikan unsur faedah tambahan bagi pegawai yang dikehendaki bersara awal oleh kerajaan walaupun pegawai itu bersetuju untuk dibersarakan.

■1610

Pada masa ini tidak ada keistimewaan pengiraan faedah persaraan bagi pegawai dalam golongan ini iaitu mereka yang dibersarakan demi kepentingan negara atau demi kepentingan perkhidmatan awam. Kedua-dua jenis persaraan ini bukanlah kerana salah laku atau kelemahan pegawai yang berkenaan. Persaraan demi kepentingan negara adalah bagi memisahkan pegawai daripada perkhidmatan awam untuk membolehkan pelantikan pegawai itu selanjutnya dalam bidang lain dalam sektor awam juga. Misalnya untuk menjadikan pesuruhjaya kehakiman atau mulai tahun depan menjadi pegawai kumpulan *premier* di bawah Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam.

Persaraan demi kepentingan perkhidmatan awam pula adalah laluan keluar bagi pegawai berprestasi yang tiada peluang kemajuan kerjaya. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju supaya ganjaran dan juga pencen pegawai yang dikehendaki oleh kerajaan untuk dibersarakan sedemikian mulai 1 Januari 2012 dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang kedua ialah peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam dari 58 tahun ke 60 tahun. Dasar ini adalah bagi maksud mengekalkan pegawai mahir di dalam perkhidmatan awam di samping memenuhi hasrat majoriti pegawai untuk menyumbang kepada pembangunan negara bagi tempoh yang lama.

Langkah ini juga boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan kerana ia memendekkan tempoh pembayaran pencen kepada pesara. Selain itu, sekiranya langkah ini dicontohi oleh sektor swasta, ia boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara. Selaras dengan peruntukan Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan, pegawai yang berada dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa dasar ini hendaklah diberi opsyen sama ada memilih umur persaraan paksa 60 tahun atau kekal umur persaraan paksa sekarang iaitu 58 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang ketiga ialah pemberian pencen kepada pegawai lantikan pada ataupun selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan apabila mencapai umur 55 tahun dan bukan lagi pada tarikh beliau mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya mulai 1 Januari 2012. Persaraan pilihan adalah cara pemisahan pegawai yang tidak berminat untuk terus berkhidmat sehingga umur persaraan paksa.

Persaraan pilihan boleh dibenarkan kepada semua pegawai perkhidmatan awam yang telah mencapai umur 40 tahun dan mempunyai sepuluh tahun perkhidmatan. Oleh kerana amat membebankan kerajaan untuk mula membayar pencen seawal umur 40 tahun, undang-undang pencen yang ada sekarang menetapkan bahawa pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan hanya dibayar pencen apabila mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya.

Sebagai contoh, seorang pegawai dalam golongan ini yang bersara pilihan ketika berumur 47 tahun hanya akan dibayar pencen mulai umur persaraan paksa iaitu kini 58 tahun. Syarat penangguhan pembayaran pencen bagi golongan tersebut didapati telah menyekat ramai pegawai daripada bersara pilihan walaupun mereka kurang berminat untuk terus berkhidmat atau tidak mampu menunjukkan prestasi yang diharapkan. Kerajaan telah bersetuju supaya pencen mula dibayar kepada pesara pilihan dalam golongan ini apabila pesara mencapai usia ataupun umur 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang keempat izinkan saya jelaskan bahawa pencen terbitan ialah pencen bulanan yang diberi kepada balu, duda atau anak seseorang pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan atau pesara yang meninggal dunia dalam persaraan.

Dasar baru ini ada kaitan dengan kematian pesara khususnya menyentuh tempoh penerimaan pencen terbitan bagi balu, duda dan anak hasil perkahwinan gemulah pesara semasa dalam persaraan.

Kedudukan balu atau duda yang telah berkahwin dengan gemulah pesara wajar dibezakan daripada kedudukan balu atau duda yang berkahwin dengan pegawai. Balu atau duda yang berkahwin semasa pegawai berada dalam perkhidmatan diakui memberikan sumbangan dan sokongan secara tidak langsung kepada perkhidmatan awam. Maka, pencen terbitan kepada mereka wajar dibayar seumur hidup sepertimana diberi kepada pesara berbanding dengan balu atau duda yang berkahwin dengan pegawai, balu atau duda yang berkahwin dengan pesara, hanya layak dibayar pencen terbitan untuk baki tempoh 12 setengah tahun dari tarikh persaraan.

Pembayaran pencen terbitan seumur hidup kepada balu atau duda yang dikahwini dalam persaraan memungkinkan kerajaan membayar pencen terbitan untuk tempoh yang lama selepas kematian pesara. Kerajaan kini berpendapat bahawa pencen terbitan kepada balu atau duda dalam golongan ini wajar dibayar selama 20 tahun dari tarikh persaraan gemulah pesara. Sekiranya perkahwinan dengan pesara berlaku pada tahun pertama persaraan, anak hasil perkahwinan itu boleh menerima pencen terbitan sehingga anak itu mencapai umur hampir 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru kelima ialah pemberian faedah persaraan kepada pesara yang bankrap dan faedah terbitan kepada balu atau duda yang bankrap berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Pada masa ini, pesara yang bankrap akan menerima elaun tanggungan bagi menggantikan pemberian faedah persaraan iaitu ganjaran, pencen dan pemberian wang tunai gantian cuti rehat.

Elaun tanggungan bulanan yang menggantikan pencen bulanan itu tidak boleh diselaraskan apabila berlaku semakan gaji pegawai perkhidmatan awam iaitu berbeza daripada pencen yang tertakluk kepada penyelarasan. Dengan itu, pesara bankrap tidak dapat menikmati kadar pencen yang lebih lumayan seperti dinikmati oleh penerima pencen. Balu atau duda gemulah pegawai pula tidak dibayar apa-apa faedah sama ada pencen terbitan ataupun elaun tanggungan sekiranya balu ataupun duda itu seorang bankrap.

Atas keprihatinan terhadap kedua-dua golongan ini, kerajaan telah bersetuju menggantikan pemberian elaun tanggungan kepada pesara dengan pemberian faedah persaraan dan memberi pencen terbitan kepada balu atau duda yang bankrap berkuat kuasa 1 Januari 2012 supaya mereka dapat menikmati penyelarasan pencen walaupun belum terlepas daripada kebankrapan.

Tuan Yang di-Pertua, skim faedah persaraan dan terbitan bagi pegawai perkhidmatan awam di Malaysia diakui antara yang terbaik di dunia yang menjamin pembayaran pencen seumur hidup tanpa memerlukan caruman pegawai.

Walau bagaimanapun, kerajaan memang prihatin terhadap keperluan dan juga kehendak pegawai perkhidmatan awam yang memerlukan penambahbaikan kepada skim faedah persaraan bagi mengambil kira pembangunan terkini. Ia terbukti melalui dasar-dasar baru berkaitan faedah persaraan seperti yang telah saya bentangkan.

Dasar-dasar baru ini dinikmati oleh semua pegawai perkhidmatan awam serta pesara dan juga penerima pencen. Perlu diambil perhatian bahawa faedah persaraan dan juga faedah terbitan bagi pesara perkhidmatan awam negeri dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan pemberian yang disebutkan ini, adalah diharap semua pegawai perkhidmatan awam berkhidmat sepanjang tempoh kerjayanya dengan penuh amanah dan juga berprestasi cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sekarang ini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita ikut siapa yang hendak bercakap itu bangun dan mestilah berada dalam Dewan ini. Saya perhatikan. Silakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

4.20 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan satu lagi rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Akta Pencen 1980. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita ada 12 rang undang-undang untuk dibahas pada hari ini, saya akan berucap ringkasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan usaha kerajaan untuk menaikkan had tempoh bekerja bagi perkiraan kehilangan pendapatan masa depan mereka sebagai ganti rugi serta kehilangan saraan oleh waris si mati. Saya melihat ini adalah sebagai suatu *gesture* dengan izin, atau suatu inisiatif yang betul-betul mementingkan rakyat terutama sekali kepada golongan *middle age*, dengan izin. Saya juga ingin menyentuh tiga fasal iaitu fasal 3, fasal 6 dan fasal 10 secara serentak. Di bawah maksimum pencen iaitu umur 60 tahun, bagaimana jika ada permohonan opsyen untuk bersara awal iaitu sebelum umur mencecah 60 tahun bagi pekerja yang sudah uzur dan tidak berkeupayaan meneruskan pekerjaan walaupun belum mencecah umur 60 tahun.

Seterusnya, juga bagi pekerja yang masih sihat dan mampu menyumbang khidmat, bolehkah ia terus dilanjutkan walaupun selepas berumur 60 tahun jika calon masih sihat dan mampu bekerja.

Seterusnya, bagaimana pula dengan *cut-off date* dengan izin, antara tahun 2011 dengan tahun 2012 walaupun hanya dibezakan sebulan. Mereka terpaksa menunggu sehingga umur 60 tahun. Ini kerana fasal ini menyentuh *cut-of date* ialah pada 1 Januari 2012.

Di bawah skim baru iaitu Skim Baru Perkhidmatan Awam, saya juga ingin tahu bagaimanakah perkiraan skim pencen ini juga termasuk pencen terbitan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga terbaca di laporan akhbar pada bulan lepas iaitu pada 18 November iaitu sektor swasta boleh memohon menjawab jawatan tinggi perkhidmatan awam. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pekerja swasta yang berminat mengisi Jawatan Utama Sektor Awam dari JUSA C sehingga ke peringkat tonggak terus boleh berbuat demikian. Soalan saya, jika keadaan ini berlaku, bagaimana pengiraan pencen bagi mereka yang berkhidmat dalam tempoh singkat yang datang dari sektor swasta.

Ini kerana dilaporkan bahawa jawatan terbabit boleh menjangkau sehingga kedudukan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha sesebuah kementerian.

Saya juga difahamkan di bawah program ini, kesemua KSU akan dikehendaki meletakkan jawatan dan memohon semula secara kontrak sementara pihak dalam dan luar perkhidmatan awam boleh memohonnya. Adakah kementerian mengambil kira perasaan pekerja sektor awam yang sekian lama sudah berkhidmat di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana saya berpandangan bahawa jawatan di sektor awam seperti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) belum tentu mengetahui tentang perjalanan sektor awam dalam masa yang singkat. Dari segi *fairness* dengan izin, pada pendapat saya, dia tidak nampak begitu *proper* dengan izin. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh harapan memohon agar pihak kementerian meneliti semula aspek-aspek di dalam rang undang-undang ini terutama sekali isu-isu yang telah saya bangkitkan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Selepas ini saya minta siapa yang bagi nama itu pun bangun. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dan selepas itu Puan Hajah Noriah binti Mahat. Dipersilakan.

4.24 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas tentang pindaan Akta Pencen 1980.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar pembentangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyebut beberapa perkara yang terdapat di dalam pembentangan tadi. Yang pertama ialah saya mendengar satu kebimbangan di kalangan pekerja-pekerja perkhidmatan awam kita tentang *exit policy* dengan izin, yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mana dikatakan bahawa markah 70 masih dikira sebagai lemah. Ini sangat membimbangkan pekerja atau penjawat awam kita.

Mereka bimbang dari segi penilaiannya nanti akan dibuat oleh ketua-ketua jabatan dan sebagainya sebagai tidak adil ataupun yang menimbulkan keadaan ampu-mengampu. Jadi, hal ini juga telah diberi satu isyarat yang saya baca di dalam akhbar oleh sebahagian persatuan pekerja tentang kebimbangan mereka itu. Saya tidak tahu apakah akta ini dikemukakan dengan kerjasama, dengan mengambil pandangan daripada persatuan seperti CEUPACS dan sebagainya kerana saya tengok CEUPACS telah dengan anggotanya berjumlah 1.4 juta orang di Malaysia ini mengarahkan kepada anggota-anggotanya supaya jangan buat tandatangan. Saya baca dalam akhbar.

Jadi saya melihat kerajaan ingin memberi satu skim yang baru yang lebih baik daripada skim yang lama bermula daripada SSB sampai SSM dan meningkatkan kepada skim yang sekarang, yang akan ditawarkan. Jadi, saya teringat hal ini samalah seperti seorang ayah hendak mengahwinkan anak. Mungkin ayah telah memilih jodoh yang baik tetapi mungkin dia tidak memberitahu siapa jodoh tadi. Boleh jadi di sini akan timbul sedikit perbezaan pendapat sehingga saya tengok ada kekalutan di kalangan persatuan-persatuan kerja berhubung dengan cadangan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan ini.

Jadi, saya rasa hal ini kalau boleh diteliti baik supaya apa sebenarnya masalah. Yang kedua, saya melihat ada satu keadaan yang berlaku di dalam mana-mana proses yang baru, ada pihak yang terpinggir secara tidak disedari atau terlepas pandang. Antaranya ialah seperti golongan skim bukan guna sama. Golongan ini ada di merata-merata, di kementerian-kementerian dan menyebabkan mereka sukar untuk naik pangkat apabila ada ketua di atasnya yang tidak pencen dan sebagainya kerana hal itu terhad. Jadi, hal ini juga saya harap diberi perhatian di mana mereka juga diberi peluang dalam ruang yang telah dibuka itu supaya mereka juga boleh bertukar ke tempat-tempat yang lain.

Seterusnya ialah saya melihat dari segi PTD yang dilantik di dalam perjawatan-perjawatan. Kita melihat ada orang-orang yang tidak mempunyai kelulusan yang sesuai seperti kelulusan dalam bidang sains, biologi dan sebagainya, mereka juga dilantik sebagai PTD sedangkan lulusan-lulusan daripada kemasyarakatan dan yang terbabit masih ramai. Saya tidak hendak menyekat rezeki orang tetapi saya melihat kepada aliran pengajian yang ada di dalam masyarakat kita, yang boleh kita salurkan mengikut pengkhususan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga di sini cara – saya hendak ulang balik *exit* tadi, yang saya sebut menakutkan tadi kepada sebahagian masyarakat pekerja kita di mana mereka sangat menaruh harapan supaya satu kaedah diberi dan dibuat supaya pegawai-pegawai atasan membuat penilaian yang adil dan saksama.

■1630

Saya yakin dan percaya bahawa di sana ada kebijaksanaan yang memang ada pada pihak kementerian dan perjawatan awam untuk memberi taklimat-taklimat. Dalam hal ini saya tengok skim yang telah dikemukakan ini berbeza daripada skim-skim yang lalu sebagaimana yang telah disebutkan tadi, orang luar pun boleh masuk dalam perkhidmatan awam.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan di sini tentang pasangan yang meninggal. Kalau seorang yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan berkahwin, salah seorangnya meninggal. Katakanlah suaminya meninggal yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam itu, maka isterinya diberi pencen. Kemudian, isteri ini kahwin dengan seorang yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam lain dan yang suami itu pula mati, meninggal pula. Maka dia boleh dapat pencen tadi. Kemudian, ditakdirkan ada jodoh kahwin lagi yang ketiga seterusnya. Adakah dia akan terus dapat pencen-pencen tadi yang daripada suaminya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

4.31 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 ini.

Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980, Akta 227 iaitu undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan juga pencen bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri untuk melaksanakan lima dasar baru berkaitan persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun ini termasuk dasar yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 di Dewan yang mulia ini. Dasar baru yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 adalah merangkumi:

- (i) pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkenaan berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi pegawai yang dibersarakan atas kehendak kerajaan;
- (ii) peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam dari 58 tahun ke 60 tahun;
- (iii) pemberian pencen kepada pegawai lantikan pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan mulai tarikh apabila pesara mencapai umur 55 tahun;
- (iv) pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara dan anak hasil perkahwinan itu untuk baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara; dan
- (v) persaraan pembayaran faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran serta pemberian wang tunai gantian cuti rehat dan faedah terbitan kepada pesara dan juga penerima pencen terbitan yang bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung beberapa isu yang wujud dalam pelaksanaan dasar ini yang akan dikuatkuasakan setelah rang undang-undang ini diluluskan.

Pertama berhubung dengan pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi mereka yang dibersarakan atas kehendak kerajaan. Dasar ini merupakan sebahagian daripada dasar pemisahan dengan izin, *exit policy* yang memberikan unsur faedah tambahan bagi pegawai yang dikehendaki bersara awal oleh kerajaan walaupun pegawai itu bersetuju untuk dibersarakan.

Berhubung dengan ini, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan dalam memastikan perkhidmatan awam yang telah berjasa mendapat habuan dan hak mereka. Persaraan ini bukanlah kerana salah laku atau kelemahan pegawai yang berkenaan. Persaraan demi kepentingan negara adalah bagi memisahkan pegawai daripada perkhidmatan awam untuk membolehkan pelantikan pegawai itu selanjutnya dalam bidang lain dalam sektor awam juga. Cuma saya ingin bertanya di sini, berapakah jumlah mereka yang terlibat dalam pemberian faedah persaraan ini.

Kedua, adakah mereka yang berprestasi tetapi tidak ada peluang naik pangkat ini ditempatkan di GLC atau di syarikat-syarikat yang kerajaan rekomen kepada mereka agar mereka tidak menjadi sebahagian daripada *brain drain*, dengan izin, dalam negara ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam 58 tahun ke 60 tahun. Dasar ini adalah bagi maksud mengekalkan pegawai mahir di dalam perkhidmatan awam di samping memenuhi hasrat majoriti pegawai untuk menyumbang kepada pembangunan negara bagi tempoh yang lama. Langkah ini juga boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan kerana ia memendekkan tempoh pembayaran pencen kepada pesara. Selain itu, sekiranya langkah ini dicontohi oleh sektor swasta, ia boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara. Selaras dengan peruntukan Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan, pegawai yang berada dalam perkhidmatan sebelum berkuat kuasa dasar ini hendaklah diberi opsyen sama ada memilih umur persaraan paksa 60 tahun atau kekal umur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sekiranya pekhidmat telah bersetuju dengan opsyen untuk memilih bersara paksa pada umur 60 tahun tetapi kemudiannya memilih untuk bersara awal pada umur 58 tahun, jadi, adakah kerajaan membayar gratuiti pada umur pekhidmat yang ingin bersara awal iaitu umur 58 tahun atau ketika beliau berumur 60 tahun.

Seterusnya, saya ingin bertanya sejauh manakah sambutan syarikat swasta terhadap dasar kerajaan kenaikan umur pencen pada 60 tahun dan adakah kerajaan bercadang menyediakan insentif-insentif tertentu kepada syarikat-syarikat yang menaikkan umur pencen pekerjanya sehingga 60 tahun seperti pelepasan cukai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memberi peluang kepada rakan-rakan saya untuk mengambil peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini, dengan ini setakat itu sahaja bahas saya untuk kali ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya memohon Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.37 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Segala teguran, pandangan, nasihat dan juga kritikan yang diberikan oleh Yang Berhormat mengenai rang undang-undang akan diambil perhatian daripada Kementerian saya.

Saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Doris Sophia ak Brodi yang telah pun menyoal dan membangkitkan isu sama ada umur 60 tahun sebagai umur persaraan paksa, bilakah seorang pesara pilihan akan dibayar pencen. Untuk makluman Yang Berhormat, anggota yang bersara awal akan dibayar mulai usia ataupun umur 45 tahun, kalau perempuan dan kalau seorang lelaki pada usia 50 tahun sekiranya dilantik sebelum 12 April 1991. Kalau dilantik pada dan selepas 12 April 1991, pencen akan dibayar mulai usia 55 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tidaklah perlu menunggu sehingga bersara pada umur 60.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang telah pun membangkitkan isu *exit policy* dan bertanya, bagaimanakah *exit policy* boleh digubal tanpa berbincang dengan kesatuan sekerja.

■1640

Untuk makluman Yang Berhormat, yang tanya soalan tetapi tidak ada dalam Dewan tetapi tidak mengapa. Perbincangan mengenai *details* peruntukkan *exit policy* ini memang akan terus di bincang dengan semua pihak yang terlibat. Memang ada ruang untuk perbincangan dan beliau turut bertanya mengenai isu penerimaan pencen terbitan berkahwin semula sama ada mereka ini bolehkah menerima pencen terbitan yang kedua kalau pasangan yang kedua juga telah meninggal dunia. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapannya ialah boleh. Dia boleh pencen terbitan yang kedua dan seberapa ramai pasangannya yang meninggal. Ini adalah bagi mengiktirafkan perkhidmatan pegawai yang telah meninggal dunia itu.

Di sini juga ditanya soalan mengenai gratuiti oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat yang membangkitkan isu bilakah gratuiti dibayar bagi pesara pilihan iaitu bersara sebelum umur bersara wajib. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, gratuiti ataupun ganjaran ini akan dibayar ketika bersara kepada pesara pilihan.

Itulah jawapan yang saya telah pun menerima dan juga untuk maklumkan kepada ramai yang mengkhawatiri bahawa pelaksanaan peningkatan umur persaraan paksa, Tuan Yang di-Pertua anggota sektor awam daripada 54 tahun ke 60 tahun sama ada ini akan menjejaskan peluang golongan muda menyertai sektor awam dan ini telah pun dikhuatiri oleh ramai di situ dan di Dewan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini pelanjutan umur persaraan paksa anggota sektor awam ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada generasi muda kerana pihak sektor awam dan juga swasta akan sentiasa mewujudkan peluang pekerjaan yang baru. Langkah ini hanya melibatkan penangguhan persaraan bagi tempoh dua tahun sahaja iaitu 17,015 orang pada tahun 2012 dan 21,700 orang pada tahun 2013.

Pada tempoh dua tahun tersebut, dianggarkan terdapat 40,000 jawatan kerajaan di pelbagai peringkat perlu diisi. Jumlah jawatan kosong ini adalah mencukupi untuk menampung lantikan baru dari golongan generasi baru. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam Dewan yang mulia ini, tambahan pula sudah pasti berlaku iaitu persaraan iaitu antaranya persaraan pilihan dan juga persaraan atas sebab kesihatan.

Di samping itu, akan berlaku juga kekosongan jawatan kerana kematian dalam perkhidmatan serta peletakan jawatan. Pengalaman peningkatan umur persaraan paksa pada tahun 2001 dan 2008 membuktikan bahawa dasar tersebut tidak menjejaskan peluang pekerjaan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat menjawab soalan-soalan yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya ada soalan ataupun isu yang saya tidak sempat jawab, saya yakin pegawai yang telah pun mencatat soalan itu akan memberi jawapan secara bertulis. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada ketiga-tiga Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN
PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2011**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.46 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang meminda akta bernama Akta Pencen 1980, Akta 227 iaitu undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan pencen bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat kali ini.

Bagi tujuan melaksanakan lima dasar baru mengenai persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan. Rang undang-undang yang saya mencadangkan sekarang ini pula ialah untuk meminda akta yang bernama Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239]. Akta 239 ini terpakai bagi pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang menikmati faedah persaraan dan faedah terbitan yang serupa dengan pemberian kepada pegawai persekutuan dan negeri. Lima dasar baru tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pekerja berkenaan berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi pekerja yang di bersarakan atas kehendak kerajaan;
- (ii) peningkatan umur persaraan paksa bagi pekerja pihak berkuasa berkanun dan kuasa tempatan dari 58 tahun ke 60 tahun;
- (iii) pemberian pencen kepada pekerja lantikan pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan mulai tarikh apabila pesara mencapai umur 55 tahun;
- (iv) pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara dan anak hasil perkahwinan itu untuk bagi tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara; dan
- (v) pembayaran faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran serta pemberian wang tunai gantikan cuti rehat dan faedah terbitan kepada pesara dan juga penerima pencen terbitan yang bankrap.

Kelima-lima dasar ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Tuan Yang di-Pertua, kelima-lima pindaan undang-undang ini akan membolehkan semua pekerja dan pesara pihak berkuasa berkanun dan kuasa tempatan serta penerima pencen terbitan menikmati kelima-lima dasar baru ini telah dipersetujui oleh kerajaan.

Seperti mana mereka yang tertakluk di bawah Akta 227, tindakan ini adalah selaras dengan prinsip layanan sama rata bagi semua anggota sektor awam. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

■1650

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

4.50 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan tiada sesiapa Yang Berhormat Senator yang ingin berbahas di dalam rang undang-undang ini, saya yakin ini telah pun menerima sokongan penuh daripada semua pihak berkenaan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.53 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan dua rang undang-undang bagi melaksanakan lima dasar baru berkaitan persaraan, faedah persaraan dan juga faedah terbitan anggota sektor awam iaitu rang undang-undang bagi meminda Akta Pencen 1980 [Akta 227] dan rang undang-undang bagi meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239].

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang saya cadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238] iaitu undang-undang yang mentadbir urusan penyeliaan pencen yang diselaraskan bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri dan pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan serta ahli-ahli keluarga tanggungan mereka yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau dalam persaraan.

Pindaan undang-undang yang dicadangkan adalah bagi maksud melaksanakan dasar baru berkaitan pembayaran pencen terbitan yang telah diselaraskan bagi baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara atau anak hasil perkahwinan itu berkuat kuasa 1 Januari 2012. Tujuan pindaan telah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini sebelum ini semasa membentangkan Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti pemberian ini akan dapat membantu balu atau duda dan anak menampung kos sara hidup mereka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

4.56 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya melihat bahawa semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bersetuju dengan rang undang-undang ini dan tidak mengambil peranan di dalam perbahasan. Dengan itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1700

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) (NO.2) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 di baca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini baru sahaja meluluskan rang undang-undang yang meminda Akta Pencen 1980 [Akta 227], rang undang-undang meminda Akta Pencen pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dan rang undang-undang yang meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238] iaitu tiga undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan pencen bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Berkuasa Tempatan. Dengan adanya tiga Rang Undang-undang Pencen tersebut adalah bagi maksud antaranya membolehkan pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara serta anak hasil perkahwinan itu untuk baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara.

Pindaan undang-undang yang dicadangkan sekarang ini ialah untuk memanjangkan peruntukan yang sama kepada balu atau duda atau anak kepada gemulah hakim.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar baru mengenai pencen terbitan ini wajar dipanjangkan kepada balu atau duda atau anak gemulah hakim selaras dengan prinsip layanan sama rata bagi semua anggota dalam perkhidmatan Persekutuan seperti mana dibayangkan dalam Perkara 136 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang dicadangkan membolehkan ahli keluarga tanggungan gemulah hakim turut menikmati pelaksanaan dasar baru yang telah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada sesiapa Ahli Yang Berhormat hendak berbahas dalam rang undang-undang ini? Sila bangun. Kalau tidak ada siapa pun hendak berbahas, dipersilakan Yang Berhormat untuk menjawab.

[Tiada Perbahasan]

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini atas sokongan padu kepada rang undang-undang ini dengan tidak ambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya ucapkan terima kasih. Sekian. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan bagi Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi dan untuk mengawal selia perkara-perkara yang berhubungan pembangunan dan pembinaan kediaman perumahan, infrastruktur dan kemudahan di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk memperkatakan keperluan bagi perumahan mampan dan kehidupan berkomuniti di kawasan bandar di Malaysia ke arah mewujudkan model pembangunan perumahan sosioekonomi yang strategik untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu melakarkan perspektif latar belakang berhubung dengan pengenalan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 ini. Semenjak merdeka, kerajaan telah secara berterusan merencana dan melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan yang telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan pesat. Bagi menangani realiti demografi dan sosioekonomi yang ada, kerajaan sejak merdeka telah memberi penekanan kepada kawasan luar bandar melalui pembangunan infrastruktur fizikal seperti rumah, jalan raya, bekalan elektrik, air bersih malahan internet.

Bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan agensi seperti FELDA, RISDA dan agensi-agensi lain. Campur tangan kerajaan dengan izin, *government intervention* yang dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu melibatkan pembangunan infrastruktur, fizikal, kemasyarakatan dan ekonomi telah berjaya mencapai objektif membantu golongan luar bandar meningkatkan kualiti hidup taraf sosioekonomi dan akses kepada infrastruktur fizikal.

Setelah lima dekad merdeka, negara telah mengalami satu perubahan demografi yang ketara. Semasa merdeka, 89 peratus rakyat mendiami kawasan luar bandar dan hanya 11 peratus mendiami kawasan bandar. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi, kadar pertumbuhan urbanisasi juga telah berlaku dengan pesat. Pada tahun 2010 dengan jumlah penduduk negara sebanyak 28.3 juta orang, peningkatan penduduk di kawasan bandar telah meningkat kepada lebih kurang 70 peratus berbanding hanya 30 peratus penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Aktiviti pembangunan yang rancak, perkembangan perindustrian, pertumbuhan ekonomi dan perwujudan peluang-peluang pekerjaan baru juga telah menyebabkan penghijrahan golongan luar bandar ke bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuantan, Pulau Pinang, bandar Melaka, Seremban, Kuching dan Kota Kinabalu.

Trend urbanisasi yang pesat juga telah diunjurkan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di mana hampir 90 peratus daripada pertumbuhan penduduk dijangka akan bertumpu di kawasan bandar di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2020.

■1710

Berbeza di kawasan luar bandar di mana pembinaan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik, air, telekomunikasi, sistem perparitan dan sistem kumbahan bagi tujuan pembinaan kediaman dibiayai oleh kerajaan. Di kawasan bandar pula berikutan persepsi penduduk di sana sebagai golongan yang berkemampuan, kos akses kepada infrastruktur-infrastruktur tersebut ditanggung oleh pembeli kediaman yang merupakan salah satu sebab mengapa harga kediaman di bandar lebih mahal berbanding di luar bandar.

Berikutan kos sara hidup yang tinggi di bandar, kebajikan dari segi ekonomi bukan sahaja perlu dilihat dari sudut penjanaan pendapatan malahan satu anjakan paradigma ekonomi perlu diperkenalkan khususnya di bandar-bandar iaitu pendekatan dari segi penjimatan dan harga berpatutan atau pun *value for money* dengan izin. Oleh itu kerajaan berpendapat inisiatif-inisiatif kerajaan yang telah diperkenalkan seperti Klinik Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Restoran Menu Rakyat 1Malaysia wajar diperhebat dan diintegrasikan ke dalam kehidupan masyarakat bandar untuk mencapai kualiti kehidupan yang lebih baik.

Peningkatan trend urbanisasi bermakna jumlah golongan yang menghadapi tekanan kewangan ini semakin bertambah dan memerlukan campur tangan segera kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Golongan mereka yang susah di bandar seperti juga yang susah dan miskin di luar bandar kini merupakan satu fenomena yang perlu diambil serius oleh kerajaan. Bahang kemiskinan lebih dirasakan di kawasan bandar berbanding dengan kawasan di luar bandar berikutan kos sara hidup yang lebih tinggi dan kekurangan sokongan kemasyarakatan.

Tekanan kewangan tersebut boleh menjurus kepada tekanan psikologi, masalah hubungan kekeluargaan, rasa tidak puas hati, ketiadaan *sense of belongings* dan sebagainya yang boleh menjejaskan keharmonian dan kemampuan penghidupan di bandar.

Sekarang sudah tiba masanya pihak kerajaan menimbangkan ataupun *rebalance* salah satu keperluan asas masyarakat iaitu untuk memiliki sebuah umah bukan sahaja bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah tetapi juga bagi golongan berpendapatan sederhana yang rata-rata tidak mampu memiliki rumah di pasaran bebas di bandar malah pula tidak layak untuk memohon rumah-rumah kos rendah dan mesra rakyat yang ditawarkan.

Ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan mengimbangi kekurangan pembekalan (*supply*) dengan izin, perumahan kos sederhana memastikan program dan Skim Kewangan Rumah Pertamaku yang telah dilancarkan tercapai. Negara memerlukan suntikan dimensi baru kepada hal ehwal berhubung kediaman untuk golongan berpendapatan sederhana di bandar.

Seperti mana pendekatan bersepadu kerajaan menangani masalah kemiskinan di luar bandar, pendekatan kerajaan berhubung masalah tekanan hidup di bandar juga perlu mengambil kira faktor-faktor pembangunan fizikal dan sosioekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan perspektif dan juga cerapan-cerapan yang dinyatakan, adalah dicadangkan agar Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 diperkenalkan untuk mengawal selia perkara-perkara yang berhubung dengan pembangunan pembinaan kediaman perumahan infrastruktur dan kemudahan di bawah Program Perumahan PR1MA dan membolehkan satu badan berkanun yang diasingkan iaitu PR1MA Corporation Malaysia ditubuhkan dengan objektif-objektif yang antaranya:

- (i) untuk merancang, membangun dan menyelenggarakan pembangunan kediaman berkualiti dan mampu milik secara efektif dan efisien termasuk bekerjasama dengan pemaju swasta untuk menjayakan projek-projek berlandaskan garis panduan yang ditetapkan oleh PR1MA Corporation Malaysia berhubung keperluan kediaman berkualiti mampu milik untuk golongan sasaran berpendapatan sederhana di bandar;
- (ii) untuk melaksanakan transformasi pendekatan dasar sistem dan mekanisme pembangunan kediaman yang sedia ada oleh kerajaan; dan
- (iii) untuk membolehkan penstrukturan semula masyarakat di bandar secara berkesan dan mewujudkan dimensi sosial yang positif melalui pewujudan institusi sosial dan program kediaman yang dinamik yang mencerminkan ciri-ciri kehidupan rakyat negara maju berpendapatan tinggi.

Secara amnya struktur kandungan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 terdiri daripada 81 fasal yang dibahagikan kepada 10 bahagian seperti berikut:

Bahagian I mengandungi 2 fasal yang memperkatakan tentang perkara permulaan.

Bahagian II yang mengandungi fasal 3 hingga 16 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan dan keanggotaan perbadanan.

Bahagian III mengandungi fasal 17 hingga 23 yang memperkatakan tentang fungsi dan kuasa perbadanan. Fasal 17, 18 dan 19 menyatakan fungsi dan kuasa perbadanan.

Bahagian IV mengandungi fasal 24 hingga 29 memperkatakan tentang pekerja perbadanan.

Bahagian V mengandungi fasal 30 hingga 35 yang memperkatakan tentang penubuhan Majlis Penasihat PR1MA dan juga memperincikan tentang kelayakan untuk membeli atau menyewa kediaman PR1MA dan untuk terlibat di dalam pembangunan PR1MA serta memperuntukkan kediaman PR1MA oleh PR1MA Corporation Malaysia.

Bahagian VI mengandungi fasal 36 hingga 39 berkenaan peruntukan yang berhubung dengan penyelarasan antara PR1MA Corporation Malaysia dan entiti kerajaan yang berkenaan dengan pembangunan PR1MA dan Kompleks PR1MA dan juga penubuhan Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.

Bahagian VII mengandungi fasal 40 hingga 50 berkaitan peruntukan kewangan.

Bahagian VIII mengandungi fasal 51 hingga 55 yang memperkatakan tentang hak perbadanan untuk membeli semula kediaman PR1MA.

Bahagian IX mengandungi fasal 56 hingga 67 yang bertujuan untuk menubuhkan satu tribunal rayuan dan mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara mengenai tribunal rayuan.

Bahagian X mengandungi 14 fasal berkaitan peruntukan am.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai kesimpulannya Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia ini adalah satu perundangan yang sangat penting bagi membolehkan masalah tekanan kewangan yang dihadapi oleh golongan rakyat berpendapatan sederhana yang tinggal di bandar dan pinggir bandar dapat ditangani dengan segera. Penubuhan Perbadanan PR1MA Malaysia sebagai satu institusi yang mempunyai fokus khusus dan mampu mengambil tindakan-tindakan strategik bagi menangani isu ini dapat memastikan bahawa isu ini ditangani secara efisien dan juga efektif.

Adalah juga diharapkan agar melalui inisiatif ini satu model pembangunan perumahan sosioekonomi yang strategik, dengan izin, *strategic socioeconomic housing development model* di peringkat nasional dapat diwujudkan yang mengintegrasikan pembangunan kompleks kediaman berkualiti mampu milik berserta kemudahan-kemudahan bagi masyarakat setempat. Perwujudan institusi kemasyarakatan dan penjagaan aspek ekonomi golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar dan pinggir bandar ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni dan mampan serta dapat meringankan kos sara hidup. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1720

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Masalahnya di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi dan untuk mengawal selia perkara-perkara yang berhubung dengan pembangunan dan pembinaan kediaman perumahan infrastruktur dan kemudahan di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk memperkatakan keperluan bagi perumahan mampan dan kehidupan berkomoditi di kawasan bandar di Malaysia.

Mewujudkan model ke arah pembangunan sosioekonomi yang strategik untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila bangun semua yang hendak berucap. Baik, saya akan benarkan Yang Berhormat semua, sekarang ini saya ada tiga nama di sini Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim dan nama-nama itu bangun nanti saya akan ambil siapa-siapa yang saya nampak dahulu saya akan panggil. Sekarang saya akan mempersilakan Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi.

5.21 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin membincangkan beberapa fasal-fasal dari rang undang-undang ini.

Pertamanya ialah Bahagian II, fasal 3 berkenaan dengan penubuhan perbadanan iaitu konsep dan kaedah penubuhan perbadanan. Saya mohon pihak kementerian untuk memberi huraian lanjut berkenaan dengan isu ini.

Seterusnya fasal 9 iaitu berkenaan dengan tempoh jawatan anggota perbadanan. Berapa lamakah atau berapakah lamanya tempoh jawatan yang telah ditetapkan di atas setiap anggota perbadanan?

Fasal 14 iaitu kuasa perbadanan menubuhkan jawatankuasa bagi membantunya. Saya ingin bertanya sejauh manakah kuasa diberikan, adakah perlu kelulusan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Bahagian IV, fasal 28 berkenaan dengan kebenaran membuat derma kepada mana-mana orang. Saya mohon penjelasan lanjut dari pihak kementerian supaya fakta ini tidak diselewengkan.

Seterusnya Bahagian V, fasal 30 Majlis Penasihat PR1MA berkaitan kuasa dan tanggungjawabnya memberi arahan kepada perbadanan. Soalan saya, setakat manakah kuasa dan nasihat yang diikuti oleh perbadanan? Apakah impaknya yang dibuat oleh perbadanan?

Seterusnya fasal 32 dan fasal 33 berkenaan dengan kriteria bagi orang yang layak memohon, membeli atau menyewa perlu dijalankan secara telus dan adil *transparent*, dengan izin. Saya menyeru agar pihak kementerian melakukan pemantauan yang rapi supaya ia tidak disalah gunakan.

Seterusnya Bahagian VI, fasal 39 tanggungjawab entiti kerajaan bekerjasama dengan perbadanan. Saya ingin bertanya, apakah maksud entiti kerajaan yang terlibat dan setakat manakah kerjasama dengan perbadanan? Setakat ini sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tolong bangun saya hendak catatkan nama, saya hendak catat yang hendak berucap itu. Okey baiklah. Sebelah sini tidak ada yang hendak berucap, ada siapa-siapa hendak berucap? Bangun, sebab saya hendak catatkan di sini. Tidak ada ya?... So, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

5.24 ptg.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA Malaysia. Kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional memang sejak dahulu sangat prihatin tentang perumahan rakyat kerana rumah merupakan asas ataupun perkara pokok yang penting dalam kehidupan manusia sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mukadimah berhubung tentang rang undang-undang yang ini.

Jadi pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada hendak komen terhadap bahagian-bahagian yang tertentu di dalam rang undang-undang ini. Cuma saya hendak tanya pihak yang berkenaan ataupun kerajaan kerana di dalam rang undang-undang ini tidak menjelaskan cara mana kompleks ataupun adakah ia bentuk pangsapuri, ataupun rumah teres, kita belum kenal pasti cara atau bentuk kompleks PR1MA Malaysia ini. Akan tetapi izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk berkongsi pengalaman sedikit tentang rumah-rumah yang telah kerajaan buat berhubung dengan rumah yang diberi peluang kepada orang yang berpendapatan rendah.

Selalunya reka bentuk rumah ini adalah mengikut kos yang begitu rendah dan tidak begitu sesuai bagi keluarga. Contohnya di dalam kawasan kita di Baram ada satu kompleks rumah kos rendah yang telah dibina di dalam pekan yang bernama Marudi. Kompleks tersebut sehingga ini ada orang yang sudah membuat tempahan untuk membeli rumah tersebut tetapi akhirnya tarik balik. Oleh kerana bentuk dan reka bentuk bilik-bilik rumah tersebut, pangsapuri tersebut tidak sesuai untuk mendirikan keluarga yang bahagia. Rumah itu hanya memiliki dua bilik dan ruang tamu dicampur dengan tempat memasak. Akan tetapi dewasa ini kita lihat rakyat kita yang mempunyai anak yang banyak atau keluarga yang memiliki anak yang banyak saban tahun membesar, rumah-rumah yang kecil ini tidak mencukupi untuk mendirikan rumah tangga yang bahagia. Oleh sebab itu apabila anak meningkat umur dan ruang lingkup dalam rumah itu sempit, selalunya mencari masa untuk melepak di luar rumah bersama kawan-kawan yang lain dan terus dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak diingini.

Oleh sebab yang demikian izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, kiranya rumah PR1MA ini walaupun dia akan mengenakan kos rendah kepada rakyat nanti ia harus sekurang-kurangnya memiliki tiga ruang bilik dan ruang tamu dan tempat memasak yang cukup untuk menampung keluarga yang mungkin empat atau lima orang anak. Apabila anak ini membesar sehingga dari – kalau kita lihat lumrah dalam satu keluarga anak itu berumur dari 0 tahun sehingga 25 tahun mungkin masih lagi menetap di rumah berkenaan dan apabila dia sudah lebih 25 tahun mungkin dia sudah mendapat kerja bolehlah dia pergi mencari atau membeli rumah yang baru luar daripada keluarga asal dia.

Jadi oleh sebab yang demikian bentuk rumah ini haruslah sesuai untuk masyarakat di bandar. Saya ada mendengar pengalaman di Singapura, rumah-rumah pangsapuri yang sesuai dan elok untuk didiami oleh keluarga yang besar yakni walaupun ia di dalam rumah flat atau pangsapuri, tetapi ia mempunyai dua tingkat di mana tingkat bawah adalah untuk dapur dan ruang tamu dan tingkat sebelah atas adalah untuk bilik tidur. Jadi ini pun boleh diambil kira oleh kerajaan kita dalam membina kompleks PR1MA ini. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bina sesuatu perlunya menarik pelanggan.

Walau hasrat murni apa pun dalam hati kerajaan kalau tempat itu tidak menarik pelanggan, menarik orang, tidak jadi. Contoh yang saya maksudkan tadi ialah di kawasan di bandar Marudi sehingga sekarang ini rumah kos rendah itu tidak dibeli dan tidak dihuni kerana tidak sesuai dan jauh dari tempat orang bekerja. Jadi oleh sebab yang demikian, *locality* tempat PR1MA ini juga harus bersesuaian di mana lanya dekat, di mana orangnya duduk di situ senang pergi turun bekerja.

■1730

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah konsep PR1MA ini adalah orang yang berbilang kaum ataupun suku bangsa hidup rumpun aman damai. Akan tetapi kalau kompleks ini tidak membawa orang duduk bersama, tidak bermakna. Jadi oleh sebab yang demikian memang ada unsur-unsur yang memaksakan penghuni-penghuni kompleks ini bersua muka, bergurau senda supaya hasrat kerajaan yang menyatupadukan rakyat di bandar raya itu tercapai.

Jadi saya cadangkan di sini supaya kompleks PR1MA ini harusnya mempunyai sekurang-kurangnya pertama kedai kopi di mana boleh duduk sama pada waktu lapang dan juga timbullah kedai runcit yang menjualkan barang-barang yang murah, barang Kedai 1Malaysia itu. Perkara yang kedua ialah dewan masyarakat di mana masyarakat yang berbilang kaum itu bolehlah menggunakan dewan itu. Contohnya apabila ada perayaan Tahun Baru Cina, masyarakat Cina di situ bolehlah membawa masyarakat yang lain di dewan yang saya maksudkan. Jadi komponen-komponen yang saya maksudkan ini kalaulah ada akan membawa masyarakat yang duduk di satu tempat itu bersua muka. Kerana kita lihat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Lihan Jok: Saya akan rumuskan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kerana kita lihat di dalam bandar raya ini memang banyak kompleks yang kita hidup berdekatan. Akan tetapi cara reka bentuknya tidak memaksa kita untuk bertemu. Jadi oleh sebab yang demikian, cadangan saya tadi adalah supaya komponen-komponen ini harus berada supaya masyarakat di situ dengan tidak sedar dengan bentuk itu akan bersua muka dan bertemu satu sama lain dan hasrat kita untuk mewujudkan masyarakat 1Malaysia itu akan tercapai. Dengan komen yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

5.33 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahas Rang Undang-Undang Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinannya dalam memastikan keperluan asas rakyat untuk tempat perlindungan ini dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada cadangan sebagai respons saya kepada rang undang-undang ini. Pertama sekali saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri apakah rasionalnya Menteri diberi kuasa menetapkan tarikh kuat kuasa yang berlainan bagi undang-undang dan peruntukan-peruntukan atau bahagian-bahagian yang berlainan di berlainan tempat di Malaysia.

Seterunya saya ingin merujuk kepada Bahagian III, fungsi dan kuasa perbadanan. Saya ingin mencadangkan di sini agar perbadanan PR1MA memantau dan mengawal nama-nama perumahan agar lebih bercirikan keunikan negara kita dengan berilhamkan flora dan fauna, adat budaya dan khazanah-khazanah negara.

Dan bukannya dengan menggunakan nama asing seperti nama-nama Inggeris dan sebagainya. Begitu juga dengan reka bentuk perumahan dan kompleks PR1MA, diharap dapat menggambarkan ciri-ciri dan adat tradisi budaya negara kita agar rakyat serta generasi akan datang akan ditanam semangat jati diri dan kenegaraan yang tinggi walaupun pada masa yang sama mereka hidup di era zaman globalisasi dunia tanpa sempadan.

*[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kawalan harga rumah, yang ada kaitan dengan kualiti rumah kita lihat pemaju berleluasa mengambil keuntungan yang berlebihan dengan menekankan kuantiti bukan kualiti. Diharapkan agar Perbadanan PR1MA perhatian dalam memastikan kualiti rumah yang ditetapkan agar kita tidak nampak lagi kerosakan atau *crack* dengan izin, berlaku sebelum kunci rumah diserahkan kepada pemilik dan juga sekali gus untuk memastikan pemilikan rumah kediaman dengan harga yang lebih wajar.

Akhir sekali, seperti mana yang dimaklumkan bahawa penubuhan Perbadanan PR1MA adalah penting bagi mengurangkan bebanan kewangan mereka yang sebelum ini mungkin sebelum ini tidak mampu memiliki rumah sendiri agar dapat memiliki rumah kerana Perbadanan PR1MA turut menyediakan program bantuan bagi orang layak. Berhubung dengan perkara ini saya mencadangkan agar Perbadanan PR1MA dapat menyediakan bantuan kewangan ini dalam bentuk yang berasaskan transaksi Islam dan sebagainya. Selain transaksi ini sangat dipercayai dan diyakini serta lebih stabil, dalam masa yang sama kita dapat memastikan matlamat menjadikan negara Malaysia sebagai hab kewangan Islam dapat dicapai. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim.

5.37 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan kerana di atas inisiatif untuk menggubal undang-undang yang diberi nama Undang-undang Perumahan PR1MA ini untuk memberi peluang kepada rakyat berpendapatan rendah dan istimewa untuk memiliki rumah. Lagi-lagi pula di kawasan-kawasan bandar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Undang-undang yang dicadangkan saya fikir adalah komprehensif dan meliputi semua aspek. Jadi selain daripada masalah reka bentuk, mengikut keperluan semasa dan juga kawasan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Lihan Jok tadi.

Saya ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan dan mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama ialah masalah urusan pengendalian. Selalunya apabila kita hendak membuat satu perancangan, bajet untuk membina selalunya mencukupi. Akan tetapi bajet untuk mengendalikan sesuatu projek itu setelah ianya selesai selalunya tidak mencukupi. Oleh sebab itu saya meminta ataupun sarankan supaya bajet untuk mengendalikan kompleks-kompleks PR1MA ini diperuntukkan dengan sepenuhnya supaya ianya dapat diuruskan dengan sempurna seperti; lif, tandas dan sebagainya supaya ianya tidak menjadi satu masalah pada masa hadapan. Jadi pengurusan kompleks-kompleks ini mestilah dikendalikan oleh orang-orang yang mempunyai profesional *knowledge*, dengan izin. Itu yang pertama.

Kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan perkara 51 dalam rang undang-undang ini. Iaitu hak untuk perbadanan untuk membeli semula rumah-rumah dalam kompleks PR1MA ini daripada pembeli-pembeli yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan. Barangkali boleh jadi tidak bayar satu-satu pembayaran dan sebagainya. Oleh itu, perbadanan berhak untuk mengambil balik unit-unit ini untuk membeli balik.

■1740

Persoalannya, apabila hak ini diberi kepada perbadanan timbullah soalan berapa harganya yang dibeli balik ini. Ianya akan menjadi satu masalah, itu sebablah rang undang-undang ini telah mencadangkan supaya satu tribunal dan sebagainya dibuat. Tribunal ini terpaksa membuat bicara dan sebagainya sehingga akan mengambil masa yang lama. Oleh sebab itu saya cadangkan, apabila menetapkan harga ambil balik ataupun membeli balik ini ianya diuruskan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di Kementerian Kewangan. Supaya harga yang diambil balik itu adalah berpatutan dan munasabah. Itu sahaja dua perkara yang saya hendak bangkitkan untuk tidak membuang masa. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

5.41 ptg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya. Saya ingin turut serta dalam membahaskan rang undang-undang Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Seperti yang kita sedia maklum, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang ada kaitannya dengan konsep 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Ini juga yang dipelopori Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selaku pemimpin utama Kerajaan Barisan Nasional jelas menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional memang prihatin terhadap kehidupan yang selesa, kebajikan, kesejahteraan dan juga kebahagiaan rakyat 1Malaysia.

Justeru, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah dan acap kali memaklumkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan memastikan kalau boleh semua rakyat 1Malaysia khususnya yang sudah berkeluarga supaya mempunyai rumah sendiri. Walau sekecil mana pun rumah itu yang dimiliki asalkan ada tempat berlindung. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan Bajet 2011 tempoh hari. Dimana saya ada mengesyorkan supaya Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia ini juga diperluaskan di negeri Sarawak dan Sabah. Ini kerana kalau tidak salah saya, dalam bajet itu tidak ada peruntukannya.

Bagi menampung keperluan rumah di kalangan masyarakat menengah iaitu *middle income* dengan izin. Sebab itulah saya syorkan supaya projek Program PR1MA ini diperluaskan di Sarawak. Walaupun dalam rang undang-undang ini memang ada menyatakan untuk seluruh Malaysia, tetapi kita harapkan ia dapat diselaraskan secara serentak dengan di Semenanjung Malaysia. Ini kerana pembangunan di kawasan-kawasan bandar berkehendakkan ruang untuk memiliki rumah oleh masyarakat kelas menengah yang telah berhijrah ke bandar-bandar besar untuk menyara kehidupan dan menjalankan tugas masing-masing. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

5.44 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana beri kesempatan turut serta dalam pelaksanaan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 ini. Di sini saya akan terus kepada iaitu Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) merupakan langkah bagi kerajaan memenuhi keperluan sasar berpendapatan sederhana khususnya yang tinggal di bandar. Di sini saya ingin mencadangkan agar harga rumah PR1MA ini dinaikkan dari minimum RM150,000 kepada RM200,000 dan kadar maksimum daripada RM300,000 kepada RM450,000. Memandangkan harga rumah yang semakin meningkat di bandar-bandar seperti Shah Alam, Putrajaya dan sebagainya. Saya hendak cuba teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian berhubung dengan kelayakan membeli, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Adakah kerajaan akan memberi keutamaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan keluarga muda?

Sehubungan dengan itu, adakah kerajaan akan menekankan konsep pembangunan komuniti berasaskan pembangunan mesra OKU termasuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian dengan OKU? Dalam masa yang sama, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada pembangunan komuniti PR1MA juga mempertimbangkan prasarana yang sesuai untuk keluarga muda? Termasuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak, kawasan-kawasan rekreasi dan riadah, sukan, laluan jalan raya dan pengangkutan dan sebagainya bagi menggalakkan kehidupan yang aktif dan sihat.

Selain itu, adakah PR1MA juga akan mewujudkan pusat komersial bagi memenuhi keperluan penduduk? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya cadangan sistem cabutan undi terbuka yang akan digunakan bagi mengagihkan kediaman PR1MA? Sedangkan pemilihan yang lebih objektif akan dapat memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak akan berjaya mendapat rumah PR1MA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 17, subseksyen (d) berhubung dengan fungsi dan kuasa pembangunan khususnya berhubung fungsi perbadanan untuk mengumpul, merekod dan menyenggara data maklumat di tiap-tiap kerajaan berkenaan pembangunan PR1MA. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang melaksanakan permohonan terbuka kepada semua yang berkelayakan? Seterusnya, saya ingin mencadangkan agar pangkalan data diwujudkan bagi semua permohonan PR1MA ini dan sentiasa dikemas kini bagi memastikan setiap pemohon dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 42(3). Di sini saya ingin berhubung dengan Kumpulan Wang Bantuan Orang Yang Layak.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan kriteria-kriteria yang layak menerima bantuan dan syarat-syarat yang dikenakan bagi mendapat bantuan perbelanjaan yang dinyatakan di bawah seksyen 42, subseksyen (3) ini. Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberi pengecualian bayaran atau kos guaman bagi urusan pembelian rumah PR1MA ini bagi berpendapatan kurang daripada RM3,500. Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang kerjasama yang akan diwujudkan antara perbadanan dan pemaju dan kontraktor.

Saya ingin melahirkan kekhawatiran dari segi kos perumahan PR1MA memandangkan penyertaan pemaju dan kontraktor yang sudah pasti akan mengambil keuntungan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi menaikkan kos perumahan PR1MA ini terus minimum bagi memastikan harga rumah terus mampu milik. Sekian. terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam senarai di hadapan saya ini ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk berbahas iaitu Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

Puan Chew Lee Giok: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! Nama Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok tidak ada. Kalau begitu saya bagi Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok kerana nama tidak ada di sini. Untuk itu saya terlebih dahulu mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Saya sebut nama betul hari ini ya?

5.49 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Perdana Menteri yang begitu sensitif dan prihatin mengenai masalah perumahan bagi rakyat khususnya di kawasan bandar.

Saya tidak mempunyai banyak permasalahan yang akan diutarakan. Saya cuma ingin berkongsi dan pada masa yang sama bertanya kepada kementerian. Sebagaimana yang kita tahu, khususnya di kawasan bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, kebanyakan masalah kita ialah sebab kita kekurangan tanah. Jadi, pembangunan adalah selalunya *high-rise* dengan izin, atau rumah pangsa.

■1750

Jadi soalan saya, dalam perancangan ini, adakah kita mengadakan sedikit peruntukan atau kita kaji apa yang akan berlaku apabila *strata title* dikeluarkan di mana pengurusan harus diambil alih oleh persatuan penduduk?

Sebagaimana yang kita lihat sekarang ini projek-projek perumahan kerajaan, apabila perlu diambil alih oleh persatuan penduduk, ianya tidak boleh diambil alih kerana penduduk tidak bersedia untuk mengambil alih penyelenggaraannya. Ini mengakibatkan rumah-rumah pangsa ini menjadi seperti dengan izin, *slum area*. Jadi, bangunan yang berwarna putih akan menjadi hitam. Lif yang elok akan menjadi rosak. Jadi cadangan saya, kementerian harus mengambil kira fakta ini sebab ini adalah penting supaya apabila kita melancarkan perumahan PR1MA ini, kita akan pastikan ianya akan diselenggarakan dan diselenggarakan dengan baik dalam tempoh jangka masa panjang. Jadi, kita hendak *trademark* PR1MA itu sepatutnya kena bagus. Jangan semasa bina itu bagus, selepas lima tahun, warna sudah jadi berbagai-bagai warna dan *maintenance* dengan izin, ada juga tidak baik. Jadi saya rasa ini harus dititikberatkan.

Seterusnya saya ingin menyentuh fasal 37 mengenai kelulusan pelan. Saya ingin bertanya, adakah sekiranya pemaju yang terlibat untuk membangunkan projek di bawah program PR1MA ini akan diberi keutamaan dalam *submission pelan*, dengan izin, dan juga akan diberi keutamaan dari segi beberapa kelulusan yang harus diperolehi? Ini kerana sekiranya ini adalah perumahan yang diisytiharkan oleh kerajaan, saya rasa apabila kita masuk pelan, kita harus diberi keistimewaan. Tidak perlulah kita kena tunggu sampai enam bulan, setahun untuk dapatkan kelulusan. Saya rasa kita patut masukkan ia seperti konsep *one-stop centre*.

Seterusnya saya juga ingin bertanya, dalam penawaran kepada pembeli-pembeli yang layak, bagaimanakah kementerian menggariskan dan bagaimanakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian untuk memastikan golongan yang layak sahaja yang dapat diperuntukkan rumah ini? Adakah kita akan buat semakan dengan EPF atau adakah kita akan semak dari segi *income tax* melalui Jabatan Hasil dia, dengan CTOS atau CCRIS untuk memastikan kita betul-betul menawarkan rumah kepada golongan yang berkeelayakan?

Akhirnya saya ingin bertanya kepada kementerian, sekiranya kita ingin menggalakkan pemaju-pemaju swasta membina lebih banyak rumah-rumah PR1MA terutama di kawasan-kawasan bandar seperti di Pulau Pinang, di Selangor, di Wilayah Persekutuan, adakah kerajaan mengkaji semula insentif-insentif kepada pemaju yang mana sekiranya pemaju yang ingin memajukan projek perumahan di bawah PR1MA ini diberi pengecualian dari segi ubah syarat tanah atau *re-zoning* atau deposit-deposit TNB, JKR diberi pengurangan? Sama ada kerajaan mengkaji dari segi insentif kepada pemaju pula untuk menggalakkan lebih banyak pemaju melibatkan diri dalam membina perumahan PR1MA? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Norliza. Saya mendengar perbahasan ini sejak tadi tetapi rasanya baru Yang Berhormat Puan Norliza yang menyebut tentang bebanan persatuan penduduk untuk menguruskan kompleks perumahan mereka. Kalau saya di bawah sana, saya akan turut bercakap mengenai hal ini sebenarnya. Akan tetapi terima kasihlah kerana perkara itu ditimbulkan bagi pihak saya. Dua orang lagi dalam senarai. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan selepas itu Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

5.54 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rang undang-undang ini tepat pada masanya di mana kerajaan serius dalam membantu rakyat untuk memiliki rumah kediaman yang mampu dimiliki. Tempat tinggal merupakan satu perkara yang wajib kepada seorang insan bahawa mereka seharusnya dapat membuat pemilihan atas dasar kesesuaian mereka.

Kalau kita lihat kos pembinaan perumahan daripada utara hingga ke selatan, dari timur ke barat, ianya tidak ada banyak perbezaan dalam sesebuah projek perumahan. Akan tetapi yang menjadi masalah ialah tanah, iaitu ia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Perbezaan harga biasanya berlaku atas sebab harga tanah yang tidak menentu mengikut negeri-negeri di tanah air kita. Jadi, saya ingin melihat di sini bahawa bila soal kenaikan harga rumah, sudah wujud keadaan yang berbeza di antara negeri itu disebabkan kos tanah yang tinggi. Melihat kos yang tinggi adalah menjadi lazim apabila pemaju mereka membeli tanah di sesuatu tempat. Mereka menggunakan tanah itu untuk dicagarkan kepada bank bagi mendapatkan kos pembinaan.

Sebahagian daripada pemaju yang tidak bertanggungjawab, mereka tidak dapat menyiapkan rumah terbengkalai ini dan daripada situlah boleh dikatakan wujud banyak projek terbengkalai di negara kita. Akan tetapi, pemaju di luar bandar ini, kita melihat apabila mereka pemaju perumahan swasta, mengenai soal pertanggungjawaban mereka kepada pembeli-pembeli, kita lihat berada dalam keadaan yang cukup membimbangkan kerana hasrat mereka menubuhkannya kadang-kadang ada di antara mereka bukan pemaju sebenar. Jadi dalam hal ini, itulah yang menyebabkan berlaku projek-projek yang gagal.

Mereka menggunakan pinjaman bank dan menggunakan soal jual dahulu sebelum bina. Jadi, secara tidak langsung mereka sebenarnya lebih berniat untuk menipu pembeli-pembeli dalam masa yang sama dan dalam hal inilah kerajaan terpaksa menghadapi kerenah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju swasta yang tidak bertanggungjawab. Apatah lagi mereka yang tidak berdaftar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Inilah saat yang terbaik apabila kerajaan memastikan terutamanya mereka yang ingin mendapatkan rumah pertama dan telah pun membuat curahan peruntukan yang begitu besar kepada rakyat kita di luar bandar melalui PPRT, rumah mesra rakyat yang semuanya telah disubsidi oleh kerajaan. Jadi, sudah tentu mereka yang memerlukan rumah di bandar juga turut mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Saya hendak bertanya, bolehkah PR1MA ini mengambil alih projek-projek terbengkalai memandangkan kos ambil alih ini dapat dilihat kurang sedikit kerana kerja-kerja asas telah dilaksanakan sebelum ianya dikenali sebagai projek terbengkalai ini.

Saya yakin dan penuh percaya memandangkan projek ini berada di dalam pemantauan terus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, saya rasa masalah terbengkalai tidak wujud dengan perancangan sedemikian. Saya ingin tanya di sini, bagaimana pihak kerajaan dapat mengkoordinasi penglibatan pihak swasta di dalam pembangunan ini supaya kita lihat ianya selari dan objektif penubuhan PR1MA dapat dilihat akan tercapai supaya tidak akan timbul masalah-masalah yang dikatakan bercanggah serta kos yang melambung?

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa isu tanah di dalam *National Land Code* di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kalau kita serius dengan Program PR1MA untuk mewujudkan perumahan kepada rakyat, isu tanah adalah satu isu yang penting. Saya percaya sudah tiba masanya untuk kerajaan meneliti kembali *National Land Code* itu supaya Kerajaan Persekutuan ada kuasa untuk menentukan isu-isu tanah yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan isu-isu ini, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapati kadar masa percakapan untuk rang undang-undang ini ialah sekitar empat dan lima minit. Saya telah mendapat satu isyarat untuk pembicara yang terakhir iaitu permintaan daripada Yang Berhormat Puan Mumtaz. Akan tetapi saya telah menjanjikan sebelum itu bahawa Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok akan bercakap dahulu. So, selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan selepas itu kita akan serahkan kepada pihak Menteri untuk menjawab.

5.59 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, semalam berucap macam ekspres. Hari ini harap ada masa untuk saya ya. Saya banyak soalan di sini. Itu pandangan saya sebagai...

■1800

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak mengapa, kalau *express* kita selamat sampai. Tidak mengapa nak ekspres, asal selamat. Kita faham.

Puan Chew Lee Giok: Okey. Ini merupakan pandangan saya sebagai orang awam okey tentang Perumahan Rakyat 1Malaysia ini. Merujuk kepada seksyen 73 – “*Tiada tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap -*

- (a) *Menteri;*
- (b) *Perbadanan;...”*

Saya hendak tujukan kepada perbadanan ini. perbadanan ini terlibat dalam pembangunan perumahan bagi rakyat Malaysia. Sekiranya pemaju perumahan berlesen gagal dalam penyediaan rumah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli, pembeli berhak mengambil tindakan mahkamah ke atas pemaju perumahan tersebut.

Adalah tidak wajar bagi permohonan ini mempunyai imuniti tindakan mahkamah. Saya berpendapat bahawa seksyen 73 ini perlu dikaji semula untuk menjamin hak pembeli. Persoalan saya ialah:

- (i) adakah seksyen 73 bermaksud para pembeli tidak boleh membuat pengaduan kepada tribunal perumahan;
- (ii) mengapakah perbadanan yang bertujuan mulia untuk menyediakan perumahan rakyat itu diberi imuniti atau perlindungan daripada tindakan mahkamah dan tindakan guaman;
- (iii) adakah imuniti ini membolehkan perbadanan untuk penyerahan rumah yang lewat, penyerahan rumah dengan kerosakan yang tidak dibaiki dengan segera; dan
- (iv) perlukah PR1MA mendapat lesen pemaju pembangunan seperti mana-mana pemaju pembangunan swasta yang lain.

Pada pendapat saya, sekiranya PR1MA berfungsi sebagai pemaju pembangunan, PR1MA juga mesti berdaftar sebagai pemaju pembangunan berlesen dan bertanggungjawab untuk mematuhi Akta 118. Ini adalah supaya hak pembeli dijaga. Merujuk seksyen 17, perbadanan ini mempunyai 16 fungsi utama. Antara fungsi-fungsi utama adalah merancang, mereka bentuk, membangun dan menyenggara kompleks perumahan. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah,

- (i) apakah model PR1MA sama seperti *Housing Development Board* (HDB) di Singapura? Apakah persamaan dan perbezaan antara PR1MA dan HDB;
- (ii) banding peranan yang dimainkan oleh PR1MA, SPNB iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Jabatan Perumahan Negara. Adakah pertindihan fungsi antara PR1MA, SPNB dan Jabatan Perumahan Negara;
- (iii) apakah kategori rumah yang akan dijual atau disewakan oleh PR1MA? PR1MA kos rendah, rumah kos sederhana rendah, rumah kos sederhana atau rumah kos tinggi? Hendak tahu lebih lanjut;
- (iv) adakah rumah-rumah yang dibangunkan oleh PR1MA akan dijual di bawah harga pasaran;
- (v) apakah sasaran harga rumah yang dijual oleh PR1MA, 10 peratus di bawah harga pasaran atau 20 peratus atau 30 peratus;

- (vi) sekiranya PR1MA terlibat dengan pembangunan perumahan secara besar-besaran, adakah PR1MA ini bersaing dengan pemaju perumahan swasta yang lain;
- (vii) sekiranya PR1MA menjual rumah di bawah harga pasaran, adakah ini menyebabkan beratus-ratus pemaju perumahan gulung tikar;
- (viii) apakah sumber tanah yang akan digunakan oleh PR1MA untuk pembangunan perumahan rakyat; dan
- (ix) adakah Kompleks Perumahan 1Malaysia ini akan didiami oleh berbilang kaum? Ini adalah untuk tujuan perpaduan kaum dan integrasi nasional berdasarkan konsep 1Malaysia. Apakah kuota pembahagian yang akan dilaksanakan?

Daripada seksyen 18(2)(f) PR1MA berkuasa untuk berhubung rapat dengan pelabur atau pelabur berpotensi tempatan atau asing. Projek pembangunan perumahan adalah untuk manfaat warganegara Malaysia, membuka peluang untuk pelabur tempatan untuk mendapat keuntungan daripada projek pembangunan perumahan memang adalah wajar. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah:

- (i) adakah perlu kita membuka peluang pelaburan dan peluang keuntungan ini kepada pelabur asing; dan
- (ii) apakah syarikat tempatan dan rakyat Malaysia tidak mempunyai wang yang cukup untuk pelaburan dalam projek-projek PR1MA ini.

Saya berpendapat bahawa hanya pelabur tempatan sahaja diberi peluang untuk melabur dan meraih keuntungan daripada projek pembangunan perumahan rakyat ini yang diusahakan oleh PR1MA. Ini juga boleh mengelakkan pengaliran keluar wang Malaysia ke negara lain. Daripada seksyen 18(2)(g), PR1MA berkuasa untuk mengeluarkan bahan yang berhubungan dengan kerja pembinaan sama ada dengan sendiri atau bersama dengan pengeluar yang lain.

Ini memberikan kuasa kepada PR1MA untuk menjadi, pertama kilang simen, kilang konkrit *ready mix*, dengan izin, kilang batang keluli, kilang jubin kelabit dan sebagainya. Menunjukkan rang undang-undang ini, PR1MA ini berpotensi menjadi GLC iaitu *Government Linked Companies* dengan izin, pemaju perumahan. Merujuk seksyen 18(2)(g), PR1MA juga berpotensi menjadi satu GLC pengeluar bahan-bahan pembinaan. Persoalan saya ialah:

- (i) mengapakah PR1MA diberi kuasa pengeluar bahan-bahan pembinaan;
- (ii) sekiranya PR1MA betul-betul menjadi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf Puan Chew, senarai puan dari pertama, kedua, ketiga dan keempat itu sudah kesepuluh. Ada ketiga nampaknya.

Puan Chew Lee Giok: Banyak lagi. Ada, sudah hendak habis.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta kalau dapat disimpulkan secepat mungkin.

Puan Chew Lee Giok: Okey. Bukankah ini akan memberi persaingan hebat kepada beratus-ratus kilang yang menghasilkan pelbagai jenis bahan pembinaan.

- (iii) apakah PR1MA ini akan dijadikan konglomerat pemaju perumahan serta pengeluar bahan pembinaan terbesar di Malaysia.

Ada lagi saya hendak tanya, apakah Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak, sila jelaskan? Apakah sumber wang bagi Kumpulan Wang Bantuan Orang yang Layak, berapakah jumlah wang yang akan diperuntukkan dan ketiga apakah definisi dan kriteria bagi orang yang layak. Kesimpulan saya, hasrat kerajaan untuk membangunkan perumahan itu untuk rakyat adalah dialu-alukan. Lebih menggalakkan adalah sekiranya PR1MA dapat membangun dan menjual rumah-rumah pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Rumah subsidi jika dapat dibangunkan dan dijual dapat meringankan beban rakyat Malaysia memandangkan harga rumah semakin naik tahun demi tahun. Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Seterusnya pembahas yang terakhir, saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan biar cepat sedikit.

6.06 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: *Assalamualaikum. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perumahan 1Malaysia 2011. Pertama, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan perbezaan di antar PR1MA ini dengan SSPN kerana kita tengok ada syarikat yang diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan PR1MA ini diletakkan di bawah JPM. Jadi, apakah keistimewaan sehingga perkara ini perlu ditangani oleh pihak JPM dan bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kedua, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan kerana masalah dalam negara kita ini bukan masalah rumah tidak dibina tetapi rumah yang dibina banyak juga yang terbengkalai. Adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan sebarang kadar dari sudut *remedy* secara *statutory* untuk kepada mana-mana pemaju atau kontraktor yang terlibat dengan mana-mana perumahan dan bukan hanya terhad kepada PRIMA tetapi yang lain juga. Sebagai contoh, semalam disebut bahawa untuk pemaju yang akan memajukan mana-mana taman, mereka mesti letak deposit 3 peratus daripada harga rumah yang hendak dimajukan.

Jadi dalam konteks ini, adakah pihak kerajaan juga bersetuju untuk meletakkan satu ganti rugi berkadaran seperti itu untuk *remedy* sekiranya berlaku rumah terbengkalai. Keempat, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu akta perlindungan pembeli rumah. Jadi, sekarang ini kita ada Akta Perlindungan Pengguna, pelbagai akta kita telah kemukakan. Masalah sekarang terpaksa kerajaan di bawah JPM terpaksa buat rumah sendiri kerana masalah rumah yang dibina tidak siap-siap.

Saya hendak minta pihak kerajaan untuk mengkaji kemungkinan untuk membuat satu akta perlindungan pembeli rumah. Sekarang ini yang kita bela ialah bank, yang kita bela pemaju tetapi yang selalu tidak terbela ialah rakyat kerana mereka tidak ada satu mekanisme yang terperinci untuk melindungi mereka sebagai pembeli rumah.

Kemudian saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan dalam apa-apa pun yang melibatkan pembelian rumah ini diwujudkan pemantau daripada pembeli. Bukan selepas rumah siap tetapi daripada mula tandatangan sampailah rumah siap.

Penglibatan pembeli dalam konteks ini perlu kerana pengalaman dalam negara kita, mereka juga perlu untuk menjadi pasukan yang memantau kerana masalah integriti kita teruk walaupun diberitahu ini sudah *progress* sebanyak ini tetapi tiba-tiba hasilnya tidak siap juga. Jadi saya pohon diwujudkan jawatankuasa pemantau melalui SPR, kita ada jawatankuasa pemantau yang boleh pergi pantau semua. Ini pun pantau juga maknanya laporan daripada pihak akauntan ada, pihak jurutera ada tetapi perlu juga daripada pihak pembeli. Maknanya daripada seramai-ramai pembeli itu mesti ada juga wakil daripada pihak mereka supaya dapat *endorsement* tidak hendak berlaku lagi masalah macam ini.

Kita juga difahamkan bahawa dalam negara kita apabila hendak beli rumah, kita dengan sendirinya akan *refer* kepada *valuer* atau juruukur tetapi sebenarnya ada lagi yang dipanggil juru nilai yang akan – mungkin ada pecahan kepada juru nilai bahan yang sebenarnya akan memberikan harga yang lebih tepat kepada pembeli dan bukannya mereka tertipu selepas mereka membeli.

■1810

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, kita difahamkan bahawa rumah di Kuala Lumpur dan juga seluruh Malaysia ini, sebenarnya rumah yang berkos tinggi masih lagi banyak belum terjual.

Setakat ini, berapakah jumlah rumah yang dikirakan sebagai status tinggi yang belum terjual di sekitar Kuala Lumpur dan di seluruh negara dan berapakah sasaran kerajaan untuk membina rumah yang bertaraf sederhana dan ke bawah dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia untuk mendapat rumah terutamanya untuk rumah pertama.

Terakhir, adakah bila mana pihak JPM terlibat dengan buat rumah sebagaimana PR1MA pada hari ini bercadang untuk membina bandar-bandar baru dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang membabitkan kemudahan awam kerana kalau kita lihat, kalau jumlahnya banyak melihat kepada ketebalan akta ini, macam banyak rumah hendak dibuat. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membuat beberapa bandar baru dan bagaimanakah bentuk perkara ini. Adakah benda ini akan dibentangkan dahulu kepada rakyat sebelum sebarang pembaharuan ataupun pembinaan bandar baru ini dibuat oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.11 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Segala teguran, saranan, pandangan, nasihat dan juga kritikan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan diambil perhatian oleh kementerian.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi telah pun menyoal apakah konsep pertubuhan Perbadanan PR1MA ini. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Perbadanan PR1MA akan ditubuhkan sebagai suatu badan berkanun yang diasingkan yang mempunyai kuasa yang diberikan kepadanya oleh peruntukan rang undang-undang ini.

Soalan seterusnya yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi mengenai berapa ramaikah anggota yang boleh memegang jawatannya. Jawapannya ialah berdasarkan daripada fasal 9, seseorang boleh memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula. Soalan seterusnya yang ditanya ialah mengenai setakat manakah kuasa perbadanan untuk mewujudkan jawatankuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, jelas diperuntukkan yang berdasarkan daripada fasal 14, perbadanan boleh menubuhkan apa-apa sahaja jawatankuasa sekiranya perbadanan fikirkan *necessary* dengan izin, untuk membantunya melaksanakan fungsinya yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga bertanya mengenai kebenaran membuat terma supaya tidak diselewengkan. Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 50 mengatakan perbadanan hendaklah menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juru audit dan juga salinan laporan aktiviti kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk PR1MA ini. Laporan dan juga penyata tersebut akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Yang Berhormat Senator juga turut menyoal mengenai Bahagian VI, apakah maksud entiti kerajaan yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat, entiti kerajaan termasuk:

- (i) Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan yang berkaitan, dan
- (ii) kementerian, jabatan, pejabat, agensi, perbadanan, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan-badan lain diperbadankan atau tidak diperbadankan yang berkaitan bagi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri atau kerajaan tempatan sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang atau selainnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok telah pun menyoal apakah yang dimaksudkan dengan Kompleks PR1MA, adakah terdiri daripada pangsapuri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, berdasarkan fasal 2, Kompleks PR1MA terdiri daripada kediaman PR1MA dan juga infrastruktur serta kemudahan dalam lingkungan kediaman PR1MA. Haruslah dijelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Program PR1MA bukanlah setakat hanya membina *bricks and mortal* dengan izin, tetapi merangkumi rumah dan juga kemudahan serta infrastruktur bagi memastikan penduduk menikmati kehidupan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat juga menyoal mengenai rasional peruntukan Menteri menetapkan tarikh kuat kuasa yang berlainan bagi peruntukan rang undang-undang ini seperti dalam fasal 1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ini adalah bagi membolehkan peruntukan rang undang-undang ini dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan infrastruktur dan juga fasiliti yang mencukupi diadakan terlebih dahulu. Ini penting bagi memastikan pelaksanaan rang undang-undang ini akan dapat dilaksanakan secara efisien khususnya oleh pihak Perbadanan PR1MA.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman telah pun menyoal penetapan harga belian semula dicadangkan menggunakan penilaian daripada pihak JPKH. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, oleh sebab kediaman pihak PR1MA mendapat bantuan kewangan tertentu daripada kerajaan, harga kediaman PR1MA adalah lebih rendah. Perbadanan PR1MA akan menetapkan harga kediaman PR1MA berdasarkan faktor-faktor tertentu bagi mengelakkan spekulasi harga berlaku. Seksyen 54 rang undang-undang telah pun menetapkan perkara-perkara yang perlu diambil kira di dalam menentukan harga pembelian semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim juga bertanya mengenai rumah PR1MA yang dibina oleh pihak swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, objektif PR1MA adalah untuk membangun dan juga menyelenggarakan rumah kediaman PR1MA sendiri. Memang hasrat PR1MA untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang berkaitan yang boleh mengurangkan tekanan kewangan kepada penduduk-penduduk di PR1MA ini termasuklah Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, tempat penjagaan anak-anak dan seterusnya akan dibangunkan dan juga penglibatan pemaju swasta yang membangunkan rumah di tanah-tanah tertentu mereka adalah untuk menyokong dan juga menyahut seruan kerajaan membantu masyarakat golongan yang perlu dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga bertanya adakah kerajaan akan memberikan kediaman keutamaan kepada OKU dan juga keluarga mereka seterusnya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengagihan kediaman PR1MA akan dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang akan ditetapkan oleh pihak perbadanan dengan kelulusan Menteri. Jadi bagi golongan OKU, perbadanan akan memastikan kediaman yang terletak di bahagian bawah ini diperuntukkan kepada golongan ini. Keutamaan lain-lain dalam ini akan ditentukan oleh Menteri berdasarkan nasihat perbadanan sekiranya diberikan semasa dan juga apabila *necessary*, dengan izin.

■1820

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat yang juga telah pun menyoal mengenai rasional cabutan undi terbuka. Untuk makluman Yang Berhormat Senator jawapannya ialah supaya *allotment* ataupun peruntukan kediaman PR1MA adalah telus dan adil. Itulah sebab kita akan mengadakan cabutan undi terbuka untuk menentukan pemohon nanti.

Mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator siapakah orang yang layak untuk mendapat bantuan di bawah kumpulan wang bantuan orang yang layak. Jawapannya ialah pengagihan kumpulan wang bantuan orang yang layak dalam untuk membantu golongan yang memenuhi kriteria untuk pembelian kediaman PR1MA dan dipilih melalui cabutan undi terbuka yang saya katakan tadi.

Untuk soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok yang mengatakan apakah PR1MA akan dijual di bawah harga pasaran dan apakah sumber tanah yang akan digunakan oleh pihak PR1MA. Untuk makluman Yang Berhormat soalan pertama jawapannya ialah ya.

Dengan bantuan daripada pihak kerajaan di samping kuasa-kuasa tertentu yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini perbadanan akan memastikan harga kediaman kekal, berpatutan dan juga di bawah harga pasaran.

Untuk memastikan bahawa harga kediaman PR1MA kekal dan berpatutan, kompleks-kompleks PR1MA akan dibangunkan di atas tanah-tanah milik kerajaan dan jika mendapat kerjasama pihak negeri di atas tanah-tanah milik negeri pada harga lebih rendah atau paling minimum. Tanah-tanah dimiliki oleh GLC juga boleh digunakan dengan kerjasama GLC yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga bertanya apakah perbezaan antara Perbadanan PR1MA dan juga *Housing Development Board Singapore*. Untuk makluman Yang Berhormat, perbezaannya ialah pertama *Housing Development Board* ini merupakan *the sole housing authority* di negara Singapura. Manakala Perbadanan PR1MA pula ditubuhkan untuk membangunkan kediaman infrastruktur dan juga kemudahan bagi *middle income growth* dengan izin dan PR1MA bukanlah *sold housing authority* di Malaysia kerana terdapat agensi-agensi lain yang turut mengawal selia sektor perumahan seperti KPKT, CIDB dan lain-lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja soalan-soalan yang saya sempat menjawab.

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan saya yang belum dijawab itu minta secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya berjanji dan akan memastikan bahawa pegawai-pegawai yang telah pun mencatatkan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator di mana saya tidak sempat menjawab dalam perbahasan ini akan diberi secara bertulis dan dengan itu sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju bahawa banyak soalan yang masih belum dapat dijawab sepenuhnya dan kita memahami ini kerana masalah masa dan masalah soalan itu datang dengan mendadak. Seperti saya katakan tadi Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok mengemukakan tiga senarai. Tiap-tiap senarai itu sepuluh, sembilan dan seterusnya.

Begitu juga tadi Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim menanyakan apa akan jadi kepada rumah-rumah PR1MA di Pulau Pinang bila pengurusannya diserahkan kepada persatuan penduduk. Ini antara perkara-perkara yang saya rasa cukup relevan dan sepatutnya mendapat perhatian dan jawapan daripada pihak Kementerian. Akan tetapi walau bagaimanapun kita gembira bahawa Kementerian akan berjanji akan membekalkan dan memberikan maklumat-maklumat yang kita kehendaki itu. Saya harap maklumat itu diberikan tidak sahaja kepada yang bertanya secara langsung tetapi juga kepada seluruh Ahli Dewan. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 81 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang undang-undang am yang mengawal selia hak untuk berhimpun ialah Akta Polis 1967 [Akta 344] khususnya seksyen 27.

Seksyen 27, Akta Polis 1967 yang diambil daripada seksyen 39, Ordinan Polis 1952 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk satu perarakan di mana-mana tempat awam hendaklah mendapatkan lesen daripada pihak polis. Sebelum mengeluarkan lesen di bawah seksyen 27 ini, pegawai yang menjaga daerah polis hendaklah berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak mungkin akan memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan.

Melalui seksyen ini juga, pegawai yang menjaga daerah polis boleh membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang membolehkan lesen itu tidak dikeluarkan. Seksyen 27 telah dipinda pada tahun 1987 melalui Akta Polis (Pindaan) 1987, Akta A685 dengan memasukkan mengenai tatacara dan perkara-perkara lain mengenai permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 27.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selain itu, Akta A685 turut mengandungi seksyen baru iaitu 27A, 27B dan 27C. Seksyen 27A memperkatakan kuasa polis menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan selain daripada di tempat awam sekiranya aktiviti itu ditujukan kepada atau dimaksudkan untuk disaksikan atau didengar atau disertai oleh orang lain. Sekiranya aktiviti itu menarik kehadiran 20 orang atau lebih atau sekiranya aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia.

Seksyen 27B memperkatakan penggunaan kekerasan oleh pihak polis dalam menyuraikan atau menangkap orang menurut seksyen 27 atau seksyen 27A. Seksyen 27C memperkatakan keizinan bertulis perlu didapatkan terlebih dahulu sebelum pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 27 atau seksyen 27A boleh dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyampaikan Perutusan Khas Hari Malaysia pada 15 September 2011 sempena sambutan Hari Malaysia yang ke-48 telah mengumumkan bahawa kajian komprehensif akan dilaksanakan oleh kerajaan yang menyentuh kerangka perundangan negara termasuklah mengkaji semula seksyen 27, Akta Polis 1967.

Ini dibuat dengan mengambil kira peruntukan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan berhimpun dan menentang sekeras-kerasnya demonstrasi jalanan. Di samping itu, kebenaran perhimpunan diberi selaras dengan kaedah-kaedah yang akan ditetapkan kelak di samping mengambil kira norma-norma di peringkat antarabangsa.

Susulan daripada keputusan kerajaan untuk mengkaji seksyen 27 Akta Polis 1967, suatu akta baru iaitu Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 telah dicadangkan dan digubal bagi mengadakan peruntukan mengenai hak untuk berhimpun dan seterusnya bagi memansuhkan seksyen 27 dan seksyen lain yang berhubungan dengan perhimpunan, mesyuarat dan juga perarakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 mempunyai peruntukan-peruntukan yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan juga peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 mengandungi pindaan kepada seksyen 21 berbangkit daripada pemotongan seksyen 27, 27A, 27B dan 27C Akta Polis 1967;

Fasal 3 memperuntukkan mengenai pemotongan seksyen 27, 27A, 27B, 27C [Akta 344] berbangkit daripada penggubalan Akta Perhimpunan Aman 2011 yang memansuhkan keperluan untuk mendapatkan lesen untuk mengadakan, mengumpul mana-mana perhimpunan atau membentuk perarakan di mana-mana tempat awam; dan

Fasal 4 mengandungi peruntukan tentang kesan pemotongan seksyen 27, 27A, 27B dan 27C [Akta 344]

Apabila mula berkuat kuasanya akta ini, semua perkara yang berhubungan dengan suatu lesen untuk mengadakan atau mengumpulkan apa-apa perhimpunan atau membentuk apa-apa perarakan di bawah seksyen 27 yang belum diputuskan pegawai yang menjaga daerah polis atau pesuruhjaya atau Ketua Polis tidak akan diteruskan dan semua lesen yang dikeluarkan bagi apa-apa perhimpunan dan juga perarakan yang akan diadakan dikumpulkan atau dibentuk sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah terhenti berkuat kuasa. Apa-apa tindakan sivil atau jenayah menurut seksyen 27, 27A, atau 27B akta ibu yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini tidaklah terjejas oleh akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah akta ini tidak diperbuat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya pindaan kepada Akta Polis 1967 [Akta 344] yang meniadakan kehendak bagi lesen untuk mengadakan, mengumpul atau membentuk sesuatu perhimpunan merupakan satu langkah ke arah memperkukuhkan kedaulatan undang-undang ataupun *the rule of law*, dengan izin dan memartabatkan kebebasan asasi *fundamental liberty*, dengan izin, di negara Malaysia khususnya hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Ia dilihat akan dapat membantu mencapai matlamat untuk pelaksanaan dan juga pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil di samping memelihara kebebasan asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan siapa Ahli Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, saya mengalu-alukan siapa yang hendak berbahas dalam ini sila bangun ya. Sebelah kiri saya seorang pun dah tak ada nampaknya ini. Tak apalah, kita teruskan. Silakan Yang Berhormat.

6.38 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 bagi meminda Akta Polis 1967 [Akta 344] berhubung dengan kuasa mengawal perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 21 dan pemotongan seksyen 27, 27A, 27B dan 27C. Pindaan pertama ini adalah memotong perkataan "*end processions*" daripada seksyen 21(c) daripada akta ibu. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan mengenai implikasi undang-undang berhubung dengan pemotongan perkataan ini. Saya dapati adalah penting bagi pihak polis melindungi orang awam bukan sahaja daripada segi perhimpunan tetapi juga *procession* atau perarakan terutamanya perarakan jalanan yang melibatkan jalan awam. Apakah kewajarannya meminda seksyen 21(1)(c) ini?

■1840

Seterusnya rang undang-undang ini turut memotong seksyen 27, seksyen 27A, seksyen 27B dan seksyen 27C berkenaan dengan kuasa polis mengeluarkan lesen untuk sebarang perhimpunan. Keperluan seksyen ini adalah untuk menjamin keselamatan ketenteraman awam terutama mereka yang hampir dengan kawasan perjumpaan atau perhimpunan itu diadakan. Keseluruhan seksyen 27 dimansuhkan dan kuasa polis untuk menjamin keselamatan awam kini di bawah Akta Perhimpunan Aman 2011.

Akta yang baru ini memberikan jaminan yang lebih telus, di mana polis menjamin mereka boleh berhimpun dengan cara yang lebih teratur, terkawal dan lebih demokratik. Bagaimanapun, pemberian hak untuk berhimpun masih lagi tertakluk kepada sekatan untuk mencegah bagi memastikan keselamatan awam terpelihara serta tidak menggugat keamanan. Pihak berkuasa boleh mengarahkan penyuraian perhimpunan termasuk menggunakan kekerasan yang munasabah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah rasionalnya pemansuhan keseluruhan seksyen 27? Apakah terdapat duplikasi dengan Akta Perhimpunan Aman 2011.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perhimpunan yang diadakan, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah tindakan yang boleh diambil jika perhimpunan yang diadakan mempunyai unsur-unsur keganasan dan elemen yang menjejaskan kepada kejadian jenayah. Apakah kata-kata lain yang boleh digunakan atau dikuatkuasakan bagi menjamin keamanan dan keselamatan awam? Selain itu, perhimpunan sedemikian juga mendapat pembiayaan sama ada dari dalam dan luar negara? Apakah tindakan kerajaan bagi menyekat aliran wang tunai ini khususnya daripada luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun seksyen 27 dimansuhkan, kuasa polis dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan awam masih berfungsi dengan baik. Polis bukan sahaja menjaga hak bagi mereka yang bercadang mengadakan perhimpunan tetapi orang awam yang tidak mengikuti perhimpunan juga perlu terpelihara. Saya berharap polis akan menggunakan kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Keseksaan supaya boleh bertindak lebih awal hasil risikan maklumat yang telah diterima demi kepentingan awam. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lain-lain Yang Berhormat yang ingin berbahas dan mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini? Kalau sekiranya tidak ada, saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar yang berhujah dengan begitu baik dan begitu berhemah dalam rang undang-undang ini dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah pun menyokong rang undang-undang ini. Saya di sini hanya ingin menyentuh satu isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar mengenai kesan pindaan seksyen 21 Akta Polis 1967. Untuk makluman Yang Berhormat Senator bahawa tujuan pindaan kepada seksyen 21 Akta Polis ialah supaya rujukan kepada perhimpunan diselaraskan dengan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011, terma perhimpunan digunakan yang turut merangkumi perarakan ataupun *procession*, dengan izin.

Yang Berhormat Senator juga memohon penjelasan kenapa seksyen 27 dimansuhkan ataupun dipotong? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seksyen 27 dipotong kerana ini merupakan pindaan berbangkit kepada pewujudan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Semua peruntukan di bawah seksyen 27, seksyen 27A, seksyen 27B dan seksyen 27C telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, di mana saya telah pun diberi soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar kerana telah pun mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekiranya ada terdapat isu-isu ataupun soalan yang saya tidak sempat menjawab, saya yakin jawapan bertulis akan diberi kepada Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENYAH (PINDAAN) 2010 (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.48 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 Akta A1378 telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2010 dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010. Akta tersebut telah disiarkan dalam warta pada 10 Jun 2010.

Walau bagaimanapun, sehingga kini akta tersebut masih belum berkuat kuasa. Akta tersebut diperbuat untuk menangani kes-kes tertunggak dengan mengadakan tatacara baru yang boleh mempercepat proses perbicaraan di mahkamah jenayah. Perbincangan telah diadakan antara pihak Jabatan Peguam Negara dan pihak mahkamah serta Majlis Peguam mengenai pelaksanaan dan juga penguatkuasaan akta tersebut.

Setelah akta tersebut diteliti, ketiga-tiga pihak telah bersetuju bahawa beberapa pindaan perlu dibuat untuk melicinkan proses penguatkuasaan akta tersebut dan menjelaskan beberapa peruntukan supaya akta tersebut lebih efektif dan tepat. Pindaan yang dicadangkan akan memberikan kepastian undang-undang ataupun dengan izin, *certainty in law* dengan lebih baik.

■1850

Dengan adanya pindaan tersebut, Akta A1378 ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan lancar. Tujuan utama penggubalan Rang Undang-undang Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 ini berdasarkan asas-asas pertimbangan seperti yang berikut:

- (i) untuk memastikan undang-undang boleh dikuatkuasakan dengan lebih berkesan;

- (ii) mengelakkan sesuatu perbicaraan jenayah dijejaskan oleh aspek teknikal;
- (iii) untuk memberi kepastian, *certainty*, dengan izin, kepada pindaan undang-undang;
- (iv) untuk menentukan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 dikuatkuasakan dengan lebih adil dan saksama terutamanya berkaitan dengan rundingan akuan ataupun *plea-bargaining* dengan izin;
- (v) untuk membolehkan kenyataan impak oleh mangsa sesuatu kesalahan disediakan dalam bentuk bertulis supaya kepentingan dan juga hak mangsa dilindungi; dan
- (vi) untuk mengambil kira tentang perbelanjaan wang awam yang semakin meningkat dalam pendakwaan sesuatu kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai tujuh fasal seperti yang berikut. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Rang undang-undang ini dicadangkan akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan Akta A1378. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta A1378. Pindaan ini diperlukan untuk memastikan proses rundingan pra bicara yang diperkenalkan melalui Akta A1378 dapat dilaksanakan dengan lancar.

Pertama, pindaan umum telah diperkenalkan kepada seksyen 172A, 172B dan 172C untuk menjelaskan bahawa rundingan pra bicara pengurusan kes dan juga rundingan akuan adalah juga terpakai kepada tertuduh yang minta dibicarakan. Kedua, pindaan kepada seksyen 172B bertujuan untuk menjelaskan bahawa pengurusan kes di Mahkamah Tinggi akan dilaksanakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan ekshibit boleh diterima dan ditandakan oleh mahkamah pada peringkat pengurusan kes dengan keizinan semua pihak. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan kegagalan pihak mahkamah untuk menguruskan pengurusan kes atau perbicaraan dalam jangka masa yang diperuntukkan dalam seksyen 172B yang boleh menyebabkan pertuduhan dan juga pendakwaan terhadap tertuduh sebagai cacat atau tidak sah.

Ataupun kegagalan tersebut dianggap sebagai satu alasan untuk rayuan, semakan atau kajian semula. Pindaan ini diperlukan untuk menjelaskan bahawa niat dalam memperuntukkan jangka masa dalam seksyen yang dicadangkan ini adalah untuk menyelesaikan masalah kes tertunggak ataupun *backlog* dengan izin, di mahkamah jenayah dan untuk mengelakkan pelupusan kes jenayah dengan kadar cepat dan pada dasarnya. Tidak menjadi niat kerajaan untuk menyebabkan seksyen yang dicadangkan ini disalahgunakan untuk menjadikan sesuatu pertuduhan, pendakwaan atau kes terhadap tertuduh cacat atau tidak sah.

Ketiga, pindaan terhadap seksyen 172D bertujuan untuk memperuntukkan beberapa pengecualian kepada hukuman yang lebih ringan yang boleh diperintahkan oleh mahkamah setelah pelupusan yang memuaskan dicapai dalam rundingan akuan terhadap hukuman pesalah yang mempunyai kesalahan lampau dalam hal suatu kesalahan serius, pesalah yang melakukan kesalahan yang hukuman kesalahan tersebut adalah denda sahaja, pesalah yang telah melakukan kesalahan jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup, pesalah yang melakukan kesalahan yang berkaitan dengan jenayah seksual dan pesalah yang melakukan sebarang kesalahan terhadap kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan pesalah yang melakukan apa-apa kesalahan yang ditentukan oleh pendakwa raya melalui perintah yang disiarkan dalam warta tidak layak untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan. Pindaan ini juga menjelaskan bahawa rundingan akuan terhadap hukuman hanya terpakai bagi hukuman penjara sahaja.

Keempat, seksyen daripada 172G dimasukkan dalam seksyen 2, Akta A1378 untuk membolehkan seseorang tertuduh yang mengaku salah pada bila-bila masa sebelum permulaan perbicaraan dihukum oleh mahkamah berdasarkan seksyen 172D, walaupun tertuduh itu tidak membuat permohonan untuk rundingan akuan.

Fasal 3 dan fasal 4 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 3 dan 5, Akta A1378 yang melindungi kepentingan mangsa dan anggota keluarga mangsa kehendak ke atas mangsa atau anggota keluarga mangsa untuk memberikan keterangan di mahkamah mengenai impak kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh di bawah seksyen 173 dan 183 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dilonggarkan. Dengan pindaan ini, budi bicara diberikan kepada mangsa atau keluarga mangsa sama ada hendak memberikan keterangan mengenai impak kesalahan ataupun tidak. Sekiranya mangsa ataupun anggota keluarganya tidak dapat hadir di mahkamah terbuka untuk memberikan keterangan mengenai impak kesalahan itu, mahkamah mempunyai budi bicara untuk menerima pernyataan bertulis mangsa atau anggota keluarga mangsa.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta A1378 untuk menjelaskan bahawa notis alibi yang perlu dikemukakan kepada pendakwa raya di bawah subseksyen 402A(3) Kanun Tatacara Jenayah mestilah dalam bentuk bertulis.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta A1378 untuk meminda seksyen 407A, Kanun Tatacara Jenayah. Pindaan ini dibuat untuk memotong perkataan "*with the consent of the accused*", dengan izin.

Ini kerana didapati bahawa perlindungan yang mencukupi telah pun diperuntukkan dalam seksyen ini bagi memastikan kesahihan sesuatu barang kes yang menjadi isu dalam sesuatu perbicaraan. Mahkamah dikehendaki mematuhi tatacara yang telah ditetapkan sebelum boleh membuat apa-apa perintah untuk melupuskan apa-apa benda. Untuk menjaga kepentingan tertuduh, mahkamah semasa membuat perintah pelupusan juga boleh membenarkan tertuduh mengambil gambar apa-apa benda yang hendak dilupuskan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta A1378 yang membuat pindaan kepada seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah. Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan subseksyen 426(1) untuk mengambil kira kos pendakwaan yang ditanggung oleh pihak pendakwaan. Jika pendakwaan tertuduh melibatkan keterangan yang diperoleh melalui permintaan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621], pendakwa raya diberi kuasa untuk meminta mahkamah untuk memerintahkan tertuduh membayar kos pendakwaan. Pindaan ini mengambil kira bahawa perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan keterangan daripada negara asing adalah tinggi. Selain itu, untuk mencegah tertuduh mendapat apa-apa manfaat kewangan daripada kesalahan yang dilakukannya, pendakwa raya juga diberi kuasa untuk meminta mahkamah memerintahkan tertuduh memperoleh keuntungan kewangan daripada kesalahan yang telah dilakukannya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada dua orang Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini yang terdiri daripada berlatarbelakangkan undang-undang, saya mempersilakan mula sekali dengan Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan. Silakan.

6.59 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian berbahas dan seterusnya saya merujuk kepada seksyen 3 dan seksyen 5 akta yang dicadangkan. Di sini pindaan membenarkan mahkamah menerima satu pernyataan bertulis daripada mangsa atau anggota keluarganya jika mangsa atau keluarganya tidak boleh kerana apa-apa sebab, yang penting adalah kerana apa-apa sebab, *for whatever reason*, hadir pada prosiding itu apabila dipanggil oleh mahkamah untuk memberikan pernyataan tersebut.

■1900

Saya faham bahawa peruntukan ini adalah untuk melindungi kepentingan mangsa dan anggota keluarga. Saya ada dua soalan, yang pertama adalah bila mangsa atau keluarganya memberi kenyataan itu dalam mahkamah sama ada mereka ini tertakluk kepada soalan balas ataupun *cross examination*. Yang kedua jika mereka tidak dapat hadir di atas apa-apa sebab, jadi saya kluatir dengan perkataan ini 'dengan apa-apa sebab tiada had'. Jika mereka tidak dapat hadir jadi macam mana mahkamah hendak *evaluate* dengan izin Tuan Yang di-Pertua keterangan itu? Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan yang begitu ringkas dan padat mengikut akta undang-undang yang dibahaskan. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat, Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

7.02 mlm.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah dilakukan untuk menyelesaikan kes tertunggak dengan mempercepatkan proses pengadilan di mahkamah jenayah serta mengelakkan isu teknikal yang boleh menyebabkan seorang pelaku jenayah mungkin terlepas daripada hukuman. Tarikh dan masa perbicaraan yang terlalu lama sehingga pihak yang terlibat dan saksi sudah terlupa apa yang mereka lihat atau laku dan ada kes-kes yang telah mengambil masa yang bertahun-tahun, sampai sekarang belum selesai dan dengan kaedah yang baru ini dapat memendekkan masa dan seterusnya menjimatkan wang rakyat.

Pindaan 2011 kepada Akta Tatacara Kanun Jenayah melibatkan antaranya perubahan di dalam perkara-perkara berikut, seksyen 172A rundingan pra-bicara (*pre-trial conference*), seksyen 172B pengurusan *case management*, seksyen 172C rundingan akuan (*plea bargaining*), seksyen 173 (m)(ii), yang baru seksyen 183A impak kesalahan tertuduh iaitu *victim impact statement*.

Saya hanya hendak berbahas tentang beberapa perkara sahaja, bukan kesemuanya. Kaedah rundingan pra-bicara iaitu *pre-trial conference* seksyen 172A. Dengan kaedah yang baru ini, perbicaraan akan dimulakan tidak lewat daripada tiga bulan selepas tertuduh didakwa di mahkamah. Ada dua proses yang dilalui iaitu rundingan pra bicara dan pengurusan kes.

Proses ini tidak perlu dilakukan di mahkamah dan kehadiran yang diperlukan ialah pendakwa dan peguam bela sahaja. Bagusnya kaedah ini ialah ia tidak formal seperti di mahkamah yang biasanya terlalu rumit. Baiknya proses rundingan ini, tertuduh boleh memberi akuan rundingan iaitu *plea bargaining*. Jika tidak dapat mencapai persetujuan, kedua-dua pihak boleh berunding perkara seperti keterangan ataupun fakta yang boleh diterima termasuk notis alibi. Segala perkara yang telah dipersetujui dan diperakui hendaklah dibuat secara bertulis, di tandatangan oleh tertuduh, peguam bela dan pendakwa.

Cara ini dapat mengurangkan tempoh masa yang diperlukan untuk bicara di mahkamah. Mahkamah akan meneliti perkara yang telah dipersetujui tadi dan jika mahkamah berpuas hati, hakim boleh terus membuat keputusan dan seterusnya melupuskan kes itu. Jika mahkamah tidak berpuas hati, tarikh bicara akan ditetapkan serta tempoh masa yang diperlukan untuk bicara. Kaedah rundingan akuan, seksyen 172C, bagi menjaga kepentingan tertuduh, rundingan akuan hendaklah dibuat secara sukarela dilakukan dalam kamar hakim bersama peguam bela dan jika tiada peguam bela, mahkamah akan membantu mendapatkan khidmat guaman. Satu lagi perlindungan untuk tertuduh ialah apa jua pernyataan tertuduh semasa proses rundingan akuan yang dicapai tidak boleh digunakan untuk tujuan lain kecuali untuk proses itu sahaja.

Pelupusan kes di bawah seksyen 172D. Pelupusan kes melalui rundingan akuan ada dua cara, rundingan akuan terhadap pertuduhan iaitu hukuman diberi mengikut pertuduhan yang dipersetujui dalam rundingan akuan terhadap hukuman atau hukuman yang lebih ringan tidak boleh lebih daripada separuh hukuman maksimum dan tidak boleh kurang dari hukuman minimum. Proses ini jelas boleh mengurangkan masa perbicaraan, kes dilupuskan segera dan mengurangkan kes tertunggak.

Satu lagi perkara ialah *victim impact statement* iaitu impak kesalahan tertuduh seksyen 173(m)(ii), seksyen baru 183A. Pindaan di bawah seksyen ini bermula dengan izin "*provided that before the court passes sentence, the court shall, upon the request of the victim... to make a statement upon the impact of the offence...*". Saya juga ada persoalan di sini dan seterusnya soalan saya setakat manakah pernyataan impak kenyataan tertuduh digunakan oleh hakim dalam menentukan hukuman walaupun tertuduh telah membuat rundingan akuan yang sewajarnya? Mungkin ini akan berlaku konflik dan perasaan kecewa dengan sistem kehakiman di mana keluarga mangsa yang mengharapkan hukuman yang setimpal tetapi kerana rundingan akuan, tertuduh telah menerima hukuman yang ringan. Saya mohon penjelasan.

Satu lagi persoalan yang timbul ialah *plea bargaining*, rundingan akuan di antara dua pihak yang berkepentingan di mana urusan di luar mahkamah memungkinkan di salah gunakan atas alasan kepentingan individu terutama mereka yang dikategorikan sebagai seorang yang berpengaruh dan berkedudukan tinggi. Rundingan akuan adalah satu konsep undang-undang yang digunakan di Amerika Syarikat dan di situ pun ada yang berpendapat pemakaiannya adalah merbahaya kerana boleh berlaku unsur *coercion* dengan izin, tekanan seperti yang ditulis di dalam buku Martin Yant dengan izin, "*when innocent people are wrongly convicted*". Saya buat sedikit penterjemahan sepotong keratan berbunyi begini "*walaupun pertuduhan itu tidak serius, pendakwa masih boleh mengenakan pihak peguam bela supaya membuat akuan rundingan untuk mengaku kesalahan yang kurang serius. Oleh itu, tertuduh yang berkemungkinan akan didapati tidak bersalah kerana kekurangan bukti dan juga mungkin tidak bersalah langsung, akan mengaku bersalah, kenapa dan jawapannya atas perasaan takut.*".

Kajian telah membuktikan lagi banyak pertuduhan dan lagi serius pertuduhan itu, lebih besar perasaan takut tertuduh itu. Justeru itu, lazimnya pihak pendakwa akan memfailkan pelbagai pertuduhan yang dapat mereka fikirkan terhadap tertuduh itu. Soalan saya apakah jaminan dengan *plea trial management*, *plea bargaining*, jumlah kes-kes tertunggak betul-betul akan berkurangan? Tidakkah ini akan mendatangkan satu unsur di mana keadilan berbentuk dengan izin, *speedy gonzales* dengan izin, akan dipersoalkan. Lagi cepat *plea bargaining* diperolehi, lagi takut rasanya kita apakah benar-benar keadilan telah dijalankan?

Walaupunpun demikian, gambarannya sungguh indah dan jika benar-benar dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan pihak kementerian yang telah membuat perubahan yang berani mengikut kehendak negara dan peredaran zaman demi kepentingan rakyat dan ketenteraman negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1910

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang bijaksana yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah pun memberikan nasihat dan juga pandangan mengenai rang undang-undang ini.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat Senator telah pun menyentuh mengenai seksyen 3, dan juga seksyen 5 yang merangkumi *amendment* seksyen 173 dan juga *amendment* baru iaitu 183A yang menyentuh mengenai *victim impact statement*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita kena faham bahawa aplikasi kedua-dua seksyen ini hanya akan dimulakan apabila mahkamah telah pun menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh di dalam sesuatu kes dan sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman dan pada ketika itulah di mana pihak mahkamah iaitu majistret ataupun *sesyen court judge* akan meminta *upon the request of victim of the offend, all the victims family* iaitu di atas permintaan mangsa dalam sesuatu kesalahan ataupun atas permintaan daripada keluarga mangsa dan untuk memanggil mangsa ataupun ahli keluarga mangsa untuk membuat suatu kenyataan di atas *impact* kesalahan itu terhadap mangsa ataupun keluarganya.

Ini berlaku kadangkala apabila sesuatu kes misalnya terlibat dengan kes rogol ataupun kes memukul *under* seksyen 323 ataupun 324 ataupun kes-kes yang tertentu di mana mangsa itu telah pun cedera dan kadangkala mereka tidak dapat hadir di mahkamah. Jadi di situlah apabila keadaan mungkin akan wujud di mana pihak ahli keluarga boleh datang ke mahkamah bagi pihak tertuduh. Akan tetapi ini sememangnya di atas budi bicara mahkamah dan di atas budi bicara mahkamah juga akan menerima pakai sesuatu kenyataan bertulis daripada pihak mangsa dan juga pihak ahli keluarga mangsa.

Jadi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan yang bertanyakan sama ada mangsa tersebut tidak dapat disoal siasat ataupun *close examine*, untuk makluman Yang Berhormat Senator pada setakat itu *at that stage cross examination that is not arrest anymore* kerana itu terpulanglah kepada pihak mahkamah untuk menentukan sama ada *statement* yang telah pun diberikan itu *carry any weight* ataupun tidak.

Kita dapat lihat Yang Berhormat Senator, kadangkala mungkin berlaku sesuatu kes di mana mangsa ataupun ahli keluarga mangsa datang ke mahkamah mungkin dia akan memaafkan tertuduh yang telah pun melakukan sesuatu kesalahan kepada mangsa dan di situlah akan diguna pakai oleh pihak mahkamah untuk meringankan hukuman sekiranya *necessary*. Akan tetapi kadangkala juga pihak mangsa dan juga ahli-ahli keluarga akan dapat memaklumkan kepada mahkamah kejammnya tertuduh di atas perbuatannya yang telah pun menyebabkan mangsa di dalam kes ini mungkin kehilangan ahli keluarga ataupun mungkin kehilangan anggota-anggota badan tertentu *or some part of the bodies* ataupun mungkin akan *suffer as result of the offences*.

Jadi di situlah mahkamah akan dapat melihat bagaimana kesengsaraan yang telah pun dialami oleh mangsa di atas kesalahan yang telah pun dilakukan oleh tertuduh sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman. Selain daripada itu Yang Berhormat Senator Subramaniam juga bertanya jika keluarga tidak dapat hadir ke mahkamah di atas apa-apa sebab, bagaimana mahkamah boleh menilai keterangan tersebut? Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi bahawa mangsa ataupun keluarga perlulah membuat suatu kenyataan bertulis dan ini akan diberikan kepada mahkamah dan mahkamah akan menggunakan budi bicara pada setakat itu untuk membuat pertimbangan bagi menentukan sama ada *the statement* telah pun dibuat *carry any weight* sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan yang telah pun dilakukan oleh tertuduh.

Untuk soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit mengenai sejauh manakah *victim impact statement* digunakan oleh hakim walaupun tertuduh sudah membuat rundingan akuan. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi *victim impact statement* ini hanya digunakan selepas sahaja tertuduh telah pun didapati bersalah dan juga sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman dan ini masih lagi terpakai *victim impact statement* terpakai walaupun ada rundingan akuan kerana *victim* perlu diberi peluang untuk mengemukakan apa pandangannya di atas kesalahan yang telah pun dibuat oleh tertuduh terhadapnya.

Jadi sekiranya kita tengok *the sequence of event* dalam mahkamah kita boleh lihat bahawa rundingan akuan atau *plea bargaining* akan berlaku sebelum *victim statement* dibuat iaitu tertuduh perlu mengaku bersalah apabila *plea bargaining* telah pun dicapai di antara kedua-dua pihak. So selepas itu mahkamah akan bertanya kepada tertuduh di dalam kandang pesalah sama ada tertuduh mengaku bersalah ataupun tidak dan sekiranya tertuduh mengaku bersalah selepas rundingan akuan dan barulah pihak mahkamah akan meminta *victim* untuk memberi *victim impact statement*.

Dan *access* daripada situ sama ada kesalahan yang telah pun dilakukan itu telah pun memberikan satu *impact* kepada mangsa itu. Dengan itu saya juga menerima soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit yang bertanya mengenai jaminan *plea trial* dan juga *plea bargaining* sama ada ini dapat menyelesaikan kes-kes yang tertunggak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *plea trial* dan juga *plea bargaining* ini boleh mempercepatkan kes dan juga mengelakkan kes-kes tertunggak seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa *plea trial management* ini akan berlaku sebelum kes bermula di mahkamah.

Dan di situlah apabila terdapatnya bukti ataupun keterangan-keterangan yang tertentu di mana pihak pendakwaan boleh memaklumkan kepada pihak pembelaan.

■1920

Sekiranya tertuduh diwakili oleh peguam yang saya yakin mungkin dalam masa depan kebanyakan tertuduh akan diwakili oleh peguam oleh kerana wujudnya *the Legal Aid Foundation* yang telah pun ditubuhkan oleh kerajaan baru-baru ini. Di mana semua tertuduh yang tidak berkemampuan bolehlah memohon kepada pihak *legal aid* untuk mendapatkan perkhidmatan guaman.

Jadi, di situlah pihak pendakwaan dan juga pembelaan boleh mengemukakan kes-kes mereka sekiranya pembelaan ada *defends* yang tertentu dan juga pihak pendakwaan sedia menerima mungkin satu rundingan di mana *a lesser offence* boleh ditawarkan kepada pihak tertuduh. Pihak tertuduh boleh mengaku salah atas nasihat daripada peguam ataupun dengan kerelaan hati tertuduh sendiri. Jadi, *all these* akan mempercepatkan kes. Apabila kes itu di bawa ke mahkamah oleh kerana kegagalan oleh pihak kedua itu untuk mencapai sesuatu *plea bargaining*, jadi saya rasa mereka akan dapat mempercepatkan kes yang menumpukan kepada isu-isu yang mereka mempertikai itu. Jadi, inilah satu proses dan juga *development* yang amat baik dalam *legal fraternity* di negara kita ini. Kita dapat lihat sekiranya kita menganalisis beberapa kes-kes yang kita ada di mahkamah ini.

Tunggakan kes ini memang sudah turun jika dibandingkan dengan beberapa tahun dahulu. Ini tidak boleh dikatakan bahawa *the quality of a justice* dalam negara ini telah pun juga – sebenarnya sebaliknya, telah pun meningkat dan ini telah pun dapat memberikan *justice* kepada tertuduh kerana mereka tidak lagi perlu menunggu masa yang panjang untuk mendapatkan satu perbicaraan. Saya yakin bahawa dengan *plea trial* dan juga *plea bargaining* ini yang telah pun dibuktikan di negara seperti England dan juga di New Zealand dan Australia. Ini telah pun dapat menyelesaikan banyak kes-kes jenayah.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada dua orang Ahli Senator yang bijaksana yang telah pun mengambil peranan dalam perbincangan rang undang-undang ini. Sekiranya saya *termisslah*, kata orang di Sabah mengenai apa-apa isu yang saya tidak sempat menjawab dan saya yakin bahawa kementerian saya dengan juga pegawai-pegawai berkenaan akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan bagi Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan].

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA
JENAYAH (PINDAAN) 2011**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.26 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2011) ini diperlukan untuk memastikan sistem keadilan jenayah di Malaysia dilaksanakan dengan adil dan saksama. Selain menitikberatkan hak tertuduh, hak mangsa jenayah dan orang awam pada amnya juga perlu dititikberatkan. Rang undang-undang ini diperlukan untuk menjelaskan kedudukan undang-undang mengenai dokumen yang boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan di bawah seksyen 51A, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan untuk mengelakkan tafsiran yang berbeza diberikan oleh mahkamah. Selain itu, pindaan yang dibuat kepada seksyen 283 [Akta 593] adalah tepat pada masanya bagi mengemaskinikan dan menyelaraskan sistem perhukuman di negara ini. Pindaan kepada seksyen 396 pula adalah suatu penambahbaikan yang dijangka dapat menangani masalah saksi yang tidak dapat hadir atau tidak boleh dikesan semasa hari perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dipinda untuk memasukkan seksyen 51A. Cadangan pindaan ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan juga Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Seksyen 51A tersebut memperuntukkan bagi pemberian dokumen oleh pihak pendakwaan kepada tertuduh sebelum perbicaraan bermula.

Di bawah subseksyen (1), seksyen 51A ini, pihak pendakwaan akan membekalkan tertuduh dengan maklumat yang diberikan di bawah seksyen 107 iaitu laporan maklumat pertama, *the first information report* dengan izin dan juga dokumen yang akan digunakan dalam perbicaraan dan fakta yang berpihak kepada tertuduh; sekiranya ada. Pengecualian pemberian dokumen ini diperuntukkan secara nyata dalam subseksyen (2), seksyen 51A yang memperuntukkan bahawa pihak pendakwaan boleh untuk tidak membekalkan dokumen dan fakta yang dinyatakan dalam subseksyen (1), sekiranya pembekalan dokumen dan juga fakta tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Tujuan seksyen 51A tersebut dimasukkan ke dalam Kanun Tatacara Jenayah telah diterangkan dengan jelas oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu. Semasa membentangkan rang undang-undang berkenaan di Parlimen seperti yang berikut, "*Tujuan kita buat demikian ialah untuk memendekkan perbicaraan dengan cara itu. Kedua, dengan cara itu pihak pembela tidak akan membuat permohonan kepada mahkamah untuk menangguhkan kes-kes kerana kononnya dokumen ini belum dapat diterima lagi. Dia hendakkan dokumen ini dan sketch plan dan seterusnya daripada pihak pendakwa. Dengan cara itu, kita memendekkan perbicaraan*".

Bagaimanapun, semenjak seksyen 51A tersebut dikuatkuasakan terdapat beberapa keputusan mahkamah yang telah memberikan tafsiran yang berbeza mengenai pemakaian seksyen tersebut. Mahkamah dalam kes-kes seperti Pendakwaraya lawan Zulkefli Ibrahim dan dua lagi dalam *citation* Mahkamah Tinggi Kota Bharu, kes nombor 45-12-00 dan kes Pendakwa Raya lawan Samugam Nathansupiah *citation* 2010, 1LNS749, telah memutuskan bahawa dokumen yang tidak diberikan kepada pihak pembelaan sebelum perbicaraan adalah dokumen yang tidak boleh diterima.

■1930

Bagaimanapun, dalam kes Mohd Fadzil Awalludin tahun 2009, *citation* 2CLJ867 dan Pendakwa Raya lawan Kandia Subramaniam tahun 2009, *citation* 5CLJ770 pula, mahkamah telah memutuskan bahawa ketidakpatuhan seksyen 51A tidak menjejaskan kebolehterimaan dokumen yang berkenaan.

Oleh yang demikian, seksyen 51A dicadangkan dipinda untuk memberikan kepastian tentang tujuan seksyen 51A dan menyelesaikan percanggahan tafsiran yang wujud berkaitan dengan isu kebolehterimaan dokumen yang berkenaan.

Selain itu juga didapati bahawa skala hukuman ganti yang boleh dikenakan oleh mahkamah jika tertuduh tidak membayar denda adalah tidak praktikal mengikut tempoh masa sekarang.

*[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Justeru, pindaan juga dicadangkan dibuat kepada seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah untuk memperuntukkan skala hukuman yang lebih realistik. Selanjutnya juga didapati bahawa seksyen 396 Kanun Tatacara Jenayah patut dipinda kerana seksyen tersebut tidak lagi digunakan pada masa ini. Seksyen 396 membolehkan pendakwa raya memohon kepada mahkamah untuk *mencomit* seorang saksi ke penjara sivil untuk memastikan saksi itu memberi keterangan pada hari perbicaraan atau sehingga saksi itu memberikan jaminan yang memuaskan bahawa dia akan hadir pada hari perbicaraan untuk memberi keterangan.

Penggunaan seksyen ini tidak mendapat sokongan pada masa kini kerana mungkin menyebabkan saksi tersebut tidak mahu memberi keterangan pada hari perbicaraan. Justeru, seksyen 396 ini dicadangkan dipinda dengan menggantikannya dengan suatu cara yang lebih baik dan tidak memudaratkan mana-mana saksi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas fasal utama Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2011) adalah seperti yang berikut.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 51A [*Akta 593*] untuk memasukkan subseksyen (3), (4) dan juga (5) ke dalam seksyen 51A. Kemasukan subseksyen (3) ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa dokumen yang diperuntukkan dalam seksyen ini adalah dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan. Dengan itu, walaupun berlaku kegagalan di pihak pendakwaan untuk mengemukakan apa-apa dokumen kepada tertuduh, kegagalan tersebut tidak menyentuh atau menjejaskan kedudukan dokumen tersebut sebagai dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan.

Pindaan ini diperlukan memandangkan terdapat beberapa keputusan kes yang bercanggah dalam tafsiran pemakaian peruntukan 51A ini. Berbangkit daripada kemasukan subseksyen (3) tersebut, subseksyen (4) dan juga (5) diadakan untuk melindungi kepentingan tertuduh. Kuasa diberikan kepada mahkamah untuk tidak menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan selepas permulaan perbicaraan ini di bawah subseksyen (1) jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pengemukaan lewat itu dibuat dengan sengaja dan dengan niat jahat. Selain itu, mahkamah hendaklah memberi peluang kepada tertuduh untuk memeriksa dokumen tersebut dan memanggil semula mana-mana saksi berhubung dengan dokumen yang dikemukakan sedemikian.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 283 [*Akta 593*] bagi mengemaskinikan skala hukuman gantian yang sedia ada. Pindaan ini akan menetapkan suatu skala tempoh hukuman dan kadar amaun yang lebih munasabah dan realistik yang berdasarkan suatu tempoh pemenjaraan kerana ingkar membayar denda boleh dikenakan.

Skala yang sedia ada didapati tidak selaras dengan kehendak hal keadaan semasa dan juga tidak setimpal dengan hukuman yang diperuntukkan pada masa ini di bawah undang-undang bertulis yang lain.

Fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 396 [*Akta 593*] untuk membolehkan mahkamah atas permohonan pendakwa raya merakamkan keterangan seseorang saksi yang kehadirannya di mahkamah tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang tidak munasabah, atau merakamkan keterangan seseorang saksi yang mungkin menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan semasa hari perbicaraan. Mahkamah hendaklah merakamkan keterangan saksi tersebut atau sumpah yang saksi itu boleh diperiksa mengikut peruntukan Akta Keterangan 1950 semasa keterangannya dirakamkan.

Pindaan ini merupakan satu penambahbaikan kepada cara menangani masalah saksi yang tidak dapat hadir pada hari perbicaraan. Dengan pindaan ini, seseorang saksi tidak perlu lagi *dicommitkan* ke penjara sivil untuk memastikan dia memberikan keterangan pada hari perbicaraan. Cara ini adalah lebih baik bagi seseorang saksi kerana dirinya tidak dimudaratkan semata-mata kerana dia dikehendaki memberikan keterangan dalam sesuatu perbicaraan yang mungkin mengambil masa yang lama. Juga dengan pindaan ini, masalah saksi yang melarikan diri sebelum hari perbicaraan atau yang tidak dapat dikesan pada hari perbicaraan, dapat diatasi. Perbicaraan sesuatu kes jenayah tidak terjejas kerana keterangan saksi yang melarikan diri atau tidak dapat dikesan itu telah dirakamkan oleh mahkamah dan boleh digunakan sebagai keterangan semasa perbicaraan itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Ahli-ahli yang berminat untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

7.37 mlm.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada seksyen 51A khasnya subseksyen (3) yang membolehkan pihak pendakwa kemukakan sesuatu dokumen selepas perbicaraan dimulakan. Sebelum pindaan ini, pihak pendakwa seharusnya hendaklah mengemukakan dokumen itu sebelum perbicaraan itu dimulakan. Jika mereka gagal, maka pihak mahkamah tidak akan terima dokumen tersebut.

Saya berpendapat bahawa dengan pindaan ini, pihak pembela adalah tidak memberi masa yang mencukupi supaya dokumen-dokumen ini dapat diteliti dan pada masa yang sama dapat arahan daripada anak guamnya. Walaupun pindaan ini ada memberi peruntukan untuk memberi masa yang munasabah untuk memeriksa dokumen itu dan juga memanggil semula saksi-saksi yang terlibat tetapi pihak pendakwa boleh menggunakan peruntukan ini untuk sengaja kemukakan dokumen itu selepas perbicaraan itu dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah juga telah memberi satu peruntukan iaitu mahkamah boleh mengecualikan mana-mana dokumen yang diserahkan selepas permulaan perbicaraan jika ditunjukkan bahawa penyerahan itu dibuat dengan sengaja dan dengan niat jahat. Soalan saya adalah bagaimana pihak pembela akan *proof* niat jahat sebab niat jahat itu susah untuk pihak pembela *proof* dalam mahkamah oleh kerana pihak pendakwa pula memberi alasan-alasan untuk mengelak daripada peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

■1940

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang berminat untuk berbahas. Jika tiada kerana tidak berminat, kerana hari sudah malam, kerana sudah rindu hendak pulang maka saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

7.40 mlm.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan atas kehendak beliau dalam melibatkan perbahasan rang undang-undang ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator sekiranya kita lihat dengan teliti di bawah seksyen 51A ini telah pun mengatakan dengan jelasnya bahawa mahkamah ada budi bicara untuk membenarkan tertuduh iaitu peguam tertuduh untuk memeriksa dokumen yang telah pun diberikan kepada beliau selepas bermulanya perbicaraan.

Ini adalah budi bicara mahkamah dan masa *in fact* bukan – di sini mengatakan mahkamah *shall allow the accused* iaitu mesti beri tertuduh masa yang munasabah untuk memeriksa dokumen yang telah pun ditender oleh pihak pendakwaan selepas perbicaraan telah pun bermula. Peruntukan ini juga memberi jaminan kepada tertuduh untuk memanggil balik ataupun saman balik ataupun *examine* siapa-siapa saksi yang terlibat dalam dokumen tersebut. Jadi ini adalah satu *safeguards* yang telah pun diberi di bawah seksyen 51A ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator juga bangkit mengenai isu *bad faith* sama ada *bad faith* ini ataupun niat jahat ini bagaimana ia boleh dibuktikan. Untuk makluman Yang Berhormat niat jahat ini boleh dibuktikan daripada keadaan kes iaitu dari ciri dokumen tersebut dan kita boleh lihat kadangkala dokumen Tuan Yang di-Pertua, ini perlu diberikan kepada pihak pembelaan seberapa cepat yang boleh.

Sekiranya pihak pendakwaan telah pun menyimpan dokumen begitu lama dan tidak ada sebab yang munasabah yang diberikan kepada pihak pendakwaan pada masa perbicaraan. Kenapa mereka lambat untuk memberikan dokumen tersebut itu, terpujanglah kepada budi bicara mahkamah untuk mengetepikan dokumen tersebut kerana sifat begitu boleh dianggap sebagai *bad faith*, cuma menyimpan dokumen yang begitu senang diberikan kepada pembelaan tetapi tidak diberikan.

Memang banyak lagi isu-isu ataupun contoh-contoh yang di mana kita boleh lihat daripada *case-case law* yang menentukan bagaimanakah *bad faith* itu boleh wujud dan saya yakin Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah yang merupakan seorang peguam yang bijaksana saya yakin dia boleh dapat banyak kes-kes *law* yang menentukan niat jahat boleh ditimbulkan di dalam sesuatu keadaan.

Dengan itu saya tidak ada lagi isu ataupun soalan yang perlu saya jawab dan sekiranya ada tertinggal soalan yang tidak sempat dijawab, saya yakin pihak saya akan memberikan jawapan secara bertulis dan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Dato Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*[Dato Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.47 mlm.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 ini diperlukan untuk melengkapkan tatacara prosiding di Mahkamah Jenayah supaya lebih licin dan teratur dan dengan itu dapat menjadikan sistem keadilan jenayah di Malaysia lebih efektif. Pada tahun 2010, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dipinda oleh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 Akta A1378 untuk mengatasi masalah peningkatan kes tertunggak di Mahkamah Jenayah agar sejajar dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) khususnya NKRA yang pertama iaitu pengurangan jenayah.

Dalam Akta A1378 tersebut, pindaan telah dibuat kepada beberapa tatacara prosiding jenayah di mahkamah bagi membolehkan sesuatu kes dipendekkan tempoh perbicaraannya dan dengan itu proses pelupusan perbicaraan jenayah dapat dipercepatkan. Seksyen 8, Akta A1378 telah memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 402B dan seksyen 402C ke dalam Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen-seksyen baru tersebut bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk pernyataan bertulis.

Proses ini membolehkan pihak pendakwaan dan juga pihak pembelaan mengemukakan pernyataan dalam bentuk keterangan semasa pemeriksaan utama. Kemudahan ini akan menjimatkan masa mahkamah dalam perekodan keterangan kerana pernyataan itu akan mempunyai kesan seolah-olah keterangan itu adalah keterangan lisan yang diberikan semasa mahkamah terbuka dan apa-apa ekshibit yang dikemukakan menurut kuasa seksyen ini dikemukakan seolah-olah dikemukakan dalam perjalanan biasa perbicaraan.

Bagi melengkapkan pemakaian seksyen-seksyen baru 402B dan 402C tersebut supaya tatacara prosiding di Mahkamah Jenayah dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur. Akta Keterangan 1950 perlu dipinda.

■1950

Di samping itu kerjasama antarabangsa dalam perkara jenayah dalam bentuk formal melalui bantuan bersama dalam perkara jenayah kian diberi pendekatan sebagai kaedah yang paling berkesan untuk menangani jenayah rentas sempadan termasuk keganasan, penyeludupan orang dan barang, pemerdagangan orang, pengedaran dadah, rasuah, pengubahan wang haram, *fraud*, jenayah siber dan sebagainya. Dalam hal ini Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621] merupakan mekanisme utama bagi Malaysia memperoleh bantuan negara asing untuk menjayakan pendakwaan ini di Malaysia bagi kesalahan yang dilakukan terhadap undang-undang Malaysia.

Keterangan yang dikumpulkan di sesuatu negara asing lazimnya dalam bentuk keterangan lisan dan dokumentar perlu dikemukakan di mahkamah di Malaysia mengikut kehendak undang-undang Malaysia untuk menentukan keboleherimaannya.

Dengan mengambil kira bahawa keterangan itu di sesuatu negara asing itu telah dikumpulkan menurut Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002, maka tatacara penerimaan keterangan asing tersebut sewajarnya dipermudahkan. Ini termasuklah pemakaian peruntukan di bawah Akta Keterangan 1950 yang telah direka bentuk untuk dipakai hanya dalam konteks domestik sahaja dan tidak relevan bagi keterangan yang telah dikumpulkan di bawah rejim bantuan bersama dalam perkara jenayah antarabangsa.

Oleh yang demikian, suatu tatacara yang dipermudahkan perlu dimasukkan ke dalam Akta Keterangan 1950 untuk membolehkan penerimaan masuk keterangan asing yang diperolehi di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dengan lebih berkesan dan teratur. Pengenalan tatacara yang dipermudahkan dalam Akta Keterangan 1950 untuk penerimaan masuk keterangan asing yang diperolehi di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 tidak akan menjejaskan hak tertuduh kerana menurut rejim bantuan bersama dalam perkara jenayah antarabangsa, undang-undang bantuan bersama dalam perkara jenayah negara asing lazimnya membenarkan subjek yang berkaitan dengannya. Permintaan itu dibuat atau wakilnya di sisi undang-undang hadir semasa keterangan lisan direkodkan di mahkamah atau keterangan dokumentar dikemukakan di mahkamah dan tertakluk kepada undang-undang negara yang diminta itu. Pihak tertuduh boleh diberi peluang untuk menyoal balas saksi dan soal balas tersebut juga akan dijadikan sebagai sebahagian daripada rekod pemeriksaan saksi.

Sebagai tambahan, subseksyen 8(4) Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dengan jelas memperuntukkan bahawa dalam menilai kepentingan jika ada yang akan diletakkan pada apa-apa keterangan yang diterima oleh Peguam Negara. Menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah akta itu dan telah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu. Mahkamah hendaklah mengambil kira sama ada undang-undang negara asing yang berkenaan membenarkan pihak-pihak kepada prosiding jenayah itu diwakili di sisi undang-undang apabila keterangan itu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai tiga fasal seperti yang berikut; fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa serta pemakaian akta yang dicadangkan. Bab baru VA yang dimasukkan oleh fasal 3 hanya akan terpakai bagi prosiding jenayah yang dimulakan selepas bab baru ini mula berkuat kuasa.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73AA ke dalam Akta 56. Pindaan ini ialah pindaan berbangkit daripada kemasukan seksyen 402B, dan seksyen 402C ke dalam Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen baru 73AA ini memperuntukkan bahawa apa-apa fakta sama ada lisan atau bertulis yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah sama ada sebelum perbicaraan bermula ataupun semasa perbicaraan telah bermula, hendaklah diterima oleh mahkamah tanpa perlu bagi mana-mana pihak untuk mengemukakan bukti bagi kebolehterimaan fakta tersebut.

Pindaan ini membolehkan proses penerimaan keterangan oleh mahkamah dalam prosiding jenayah dipendekkan kerana kedua-dua pihak pendakwaan dan juga tertuduh tidak lagi perlu meluangkan masa untuk memanggil saksi bagi membuktikan apa-apa fakta yang kedua-dua pihak telah bersetuju supaya boleh diterima oleh mahkamah.

Selain itu fakta dalam apa-apa dokumen yang dikemukakan melalui seksyen 402B dan seksyen 402C Kanun Tatacara Jenayah tidak boleh dipertikaikan kebolehterimaannya kerana kedua-dua pihak pendakwaan dan tertuduh telah bersetuju tentang kebolehterimaan dokumen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bab baru yang mengandungi seksyen 90D hingga 90F ke dalam Akta 56 untuk membuat peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan yang didapatkan menurut permintaan untuk bantuan bersama dalam perkara jenayah di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, Akta 621.

Fasal 90D Tuan Yang di-Pertua, secara jelas memperuntukkan bahawa peruntukan dalam bab baru VA hanya terpakai bagi menentukan penerimaan masuk keterangan yang diperoleh menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Fasal 90E menetapkan tatacara khusus yang terpakai bagi penerimaan masuk keterangan yang diperoleh menurut satu permintaan yang telah dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Fasal 90F menetapkan bahawa perakuan Peguam Negara atau orang yang diberi kuasa oleh Peguam Negara bahawa apa-apa testimoni, pernyataan, deposisi, dokumen atau benda yang disertakan bersama perakuan itu telah diterima oleh Peguam Negara menurut suatu permintaan yang telah dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah diterima dalam prosiding jenayah itu sebagai keterangan konklusif tentang fakta dalam perakuan itu tanpa bukti lanjut. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Timbalan Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat

7.58 mlm

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin menyentuh tentang satu perkara sahaja iaitu berhubung dengan seksyen 90F. Kita sedar bahawa perwujudan seksyen ini untuk memastikan bahawa prosedur pendakwaan dapat dilakukan dengan cepat dan sempurna tanpa membuang masa.

Walau bagaimanapun, cuma saya ingin katakan bahawa dengan kemasukan dokumen ataupun sesuatu *statement*, kenyataan tersebut akan menjadi *conclusive evidence*. Inilah yang saya bimbang oleh kerana, jika sesuatu kenyataan yang telah didapatkan daripada luar, dan cuma di atas kenyataan sahaja pihak mahkamah akan membuat satu keputusan sama ada hendak terima kenyataan atau tidak. Akan tetapi dengan adanya pindaan ini, pihak mahkamah seharusnya menerima kenyataan itu sebagai konklusif *evidence* tanpa melihat seseorang saksi itu. Ini yang membimbangkan saya. Sila jelaskan. Dengan itu saya pohon menyokong.

■2000

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang berminat untuk turut berbahas? Kalau tidak saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

8.00 mlm.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan atas penglibatan beliau dalam perbahasan tadi. Beliau telah pun menyentuh mengenai seksyen 90F yang mengatakan *certificate relating to foreign evidence*.

Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 90F ini *will come into life* dengan izin, selepas sahaja kriteria-kriteria yang telah pun disentuh dalam 90E daripada (1) dan sehinggalah (11) telah pun *certified* kan, dengan izin. Dalam *statement* ini ataupun testimoni ataupun *deposition* yang telah pun diberikan itu akan diambil *on-off* atas sampah atau *affirmation*. Seperti yang diperuntukkan di subseksyen 2 tersebut.

Dalam prosiding yang tersebut, *the* testimoni ataupun *statement* ataupun *deposition* akan di tandatangan ataupun *certified* oleh seorang hakim ataupun majistret ataupun seorang pegawai di dalam negara asing tersebut. Di mana permintaan itu telah pun dibuat seperti ternyata dalam (3) *and then* selepas itu *statement* ataupun dokumen yang akan dimasukkan dalam perbicaraan di negara sini akan mengandungi *official* ataupun *public seal* dengan izin, daripada negara tersebut ataupun *public sealed* ataupun *official seal* daripada *Minister of state or a department officer of the government of the foreign country*, dengan izin.

Jadi, selepas semua ini telah pun dilakukan seperti yang telah pun ternyata dalam seksyen ini pihak yang memberikan testimoni ataupun *statement* ataupun *deposition* itu adalah berlaku dalam suatu keadaan seperti di mahkamah juga. Di mana *cross examination* boleh dibuat terhadap *deponent* yang memberi testimoni ataupun *statement* ataupun *deposition* tersebut. Selepas itu, apabila dokumen itu telah pun diberikan *certificate* daripada pihak Peguam Negara di sini, jadi *certificate* itu akan menjadikan testimoni *statement* ataupun *deposition* itu sebagai dokumen yang boleh di *exhibit* kan dalam perbicaraan di sini.

Jadi inilah satu *proviso* yang telah pun diperkenalkan untuk mengatasi beberapa kes di mana kita dapat lihat *foreign evidence* ataupun keterangan yang telah pun diambil dari negara asing tidak dapat diguna pakai di negara ini. Ada kes-kes yang kita kata *the celebrate case*, di mana seorang tertuduh telah pun dibebaskan oleh kerana keterangan yang telah pun diambil di negara lain tidak dapat diterima pakai di dalam mahkamah di negara kita. Jadi, seksyen ini ialah untuk mengatasi masalah-masalah yang boleh menimbulkan masalah yang saya katakan tadi. Jadi ini akan...

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Minta laluan minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya terima kasih.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud saya *deposition* ataupun kenyataan yang diperolehi adalah di luar negeri dan di hadapan seorang hakim.

Manakala *deposition* kenyataan itu kemudiannya akan dibawa ke negara ini dan akan dikemukakan kepada seorang hakim yang lain. Jadi, hakim yang kemudian itu akan membuat keputusan tanpa melihat seseorang saksi itu. Soalan saya adalah bahawa macam mana hakim yang kemudian itu, di negara kita akan membuat keputusan sama ada hendak terima ataupun tidak? Akan tetapi dengan pindaan ini, hakim itu tiada jalan lain melainkan hendak terima kenyataan itu melalui *conclusive evidence* ini.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk yang bijaksana. Saya ingin menjelaskan mengenai subseksyen 8(4) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002. Di mana peruntukan ini memberikan tanggungjawab kepada mahkamah di negara ini untuk memutuskan nilai *the weight* keterangan yang telah pun diberi, keterangan asing itu yang telah pun diberi. *So it is not really conclusive as such aspect*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana mahkamah di sini ada budi bicara untuk menentukan nilai keterangan asing itu. Jadi, mahkamah masih boleh menimbangannya nilai keterangan tersebut dari segi kandungannya. Apa-apa *weight* yang telah pun diberi atas dokumen itu perlu diberi kepada keterangan tersebut, masih di bawah kawalan budi bicara hakim mahkamah.

Jadi perakuan itu hanya menjadi keterangan *conclusive* mengenai sumber atau dari mana dokumen itu didapatkan. *So, the conclusive evidence* hanya menentukan bahawa ke manakah dokumen itu berasal. Akan tetapi mengenai *content* dokumen itu terpulanglah kepada budi bicara mahkamah untuk menentukan nilainya. *So, that is the two different aspect*. Saya harap itu dapat menjelaskan isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat tidak bersetuju ataupun hendak memberikan hujah-hujah lain? Saya rasa saya yang bukan *lawyer* ini pun rasa sudah faham.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Ya cuma satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. *I think here* dengan izin *is conclusive evidence of the facts contained in the certificate, if I may refer. Thank you.*

Datuk Liew Vui Keong: Saya kena *refer* Yang Berhormat kepada huraian VA di mana di sini menyatakan dengan jelas bahawa seksyen 90D sampailah 90F dalam akta ini ialah *"untuk membuat peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan yang didapatkan menurut permintaan untuk bantuan bersama dalam perkara jenayah."* Jadi, isu kebolehterimaan ini memberi *discretion* kepada pihak mahkamah untuk menentukan sama ada dokumen itu boleh dinilai daripada segi kandungan. Jadi, bagi saya ini adalah atas budi bicara mahkamah di negara kita.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan ini. Sekiranya tidak jelas mengenai isu-isu yang saya telah pun bangkit, bolehlah bercerita nanti lebih panjang lebar dengan saya dan juga pegawai-pegawai berkenaan nanti. Supaya tidak timbul isu yang tidak difahami oleh pihak Yang Berhormat. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau perkara yang ditimbulkan oleh Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan tadi boleh dianggap sebagai perkara akademik sahaja barangkali boleh dibincangkan kemudian di luar Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2010

RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MALAYSIA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.12 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Standard Malaysia 1996 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini yang terakhir *insya-Allah* selesai. Mohon untuk saya memberi sedikit latar belakang berkaitan Akta Standard Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia. Akta Standard Malaysia telah diwartakan pada 25 Julai 1996 dan dikuatkuasakan mulai 1 September 1996. Ia bertujuan menubuhkan sebuah Jabatan Standard yang dinamakan Jabatan Standard Malaysia. Penubuhan Jabatan Standard Malaysia adalah berikutan pengkorporatan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau singkatannya SIRIM kepada SIRIM Berhad pada 1 September 1996. Akta Standard Malaysia menggariskan fungsi dan peranan Jabatan Standard Malaysia sebagai badan kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan standard dan aktiviti akreditasi badan-badan penilai pematuhan dengan izin, *conformity assessment bodies* di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan standard dan akreditasi di Malaysia telah berkembang pesat selaras dengan perkembangan ekonomi semasa dan kehendak industri. Salah satu daripada penanda aras untuk Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang 2020 ialah dengan membangunkan sebanyak 6,000 MS, dengan izin Malaysian Standards. Dalam hal ini, Jabatan Standard Malaysia telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada akhir tahun 2010.

Sehingga 31 Oktober 2011, sebanyak 6,367 MS telah dibangunkan dalam pelbagai sektor seperti halal, makanan, pengurusan kualiti, peralatan dan perkakasan elektrik, pembinaan, pertanian dan sebagainya bagi menyokong pertumbuhan sektor perindustrian negara. Penggunaan MS akan memberikan nilai tambah kepada sesebuah organisasi. Antaranya menjamin kualiti, keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar di samping meningkatkan kecekapan industri melalui amalan terbaik yang digariskan. Pemantauan kepada MS adalah secara sukarela selaras dengan amalan antarabangsa. Contoh penggunaan MS secara sukarela ialah bagi skim akreditasi makmal, badan pensijilan, pengurusan sistem kualiti, produk halal dan keselamatan makanan serta oleh badan pemeriksaan.

Walau bagaimanapun, pematuhan kepada MS menjadi mandatori apabila diwajibkan oleh badan-badan penguat kuasa melalui akta atau peraturan yang khusus. Dalam sektor yang dikuatkuasakan sehingga 31 Oktober 2011, sebanyak 332 MS ataupun 5.2 peratus telah dijadikan mandatori dan diwajibkan pematuhannya dalam pelbagai bidang bagi mencapai objektif perundangan iaitu untuk tujuan perlindungan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Penggunaan MS di Malaysia melalui sektor yang dikuatkuasakan ialah seperti produk elektrik dan elektronik tertentu oleh Suruhanjaya Tenaga, hasil pertanian menerusi Program Malaysia Best oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan alat permainan kanak-kanak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Selain menjamin tahap keselamatan dan kualiti yang tinggi, standard merupakan pemangkin untuk memudahkan perniagaan dan perdagangan kerana ia merupakan asas penerimaan produk dan perkhidmatan Malaysia di peringkat global.

Ini berikutan kedudukan Jabatan Standard Malaysia sebagai anggota pelbagai pertubuhan di peringkat antarabangsa dan diiktiraf sebagai penandatangan perjanjian pelbagai hala MRA dan MLA, dengan izin, *Multilateral Recognition Arrangement* yang mana laporan pengujian dan penentu ukuran serta pensijilan yang dikeluarkan di bawah Sistem Akreditasi yang ditawarkan oleh jabatan diiktiraf setara dengan negara-negara anggota yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kepentingan bidang standard dan akreditasi di Malaysia, terdapat keperluan untuk memperkasakan fungsi dan peranan Jabatan Standard Malaysia agar kedua-dua bidang ini kekal relevan dan berdaya saing di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Ini juga bertepatan dengan hasrat kerajaan melalui konsep Model Ekonomi Baru yang menggariskan kepentingan standard dan kualiti dalam membantu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi melalui Inisiatif Pembaharuan Strategik atau singkatannya (SRI), ketiga iaitu untuk mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing. Melalui SRI ini, amalan baik dan standard antarabangsa bagi meningkatkan daya saing industri tempatan telah dikenal pasti sebagai salah satu langkah untuk mencapai inisiatif ini. Selain daripada itu, trend perdagangan global ketika ini memerlukan Malaysia untuk berada setanding atau lebih baik dengan negara-negara yang maju yang lain. Oleh itu bagi memenuhi cabaran semasa ini, Akta Standard Malaysia perlu dipinda bagi membolehkan Malaysia bersaing secara kompetitif selaras dengan arus perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan perkara-perkara yang terkandung di dalam rang undang-undang pindaan Akta Standard Malaysia 1996.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta Standard Malaysia bagi memasukkan selepas perkataan, "standard" perkataan "akreditasi".

Fasal 3 dan fasal 4 bertujuan untuk memindah seksyen 2 [Akta 549] bagi memastikan bahawa takrif di bawah seksyen itu adalah selaras dengan takrif yang diterima di peringkat antarabangsa seperti ISO dengan izin, *International Organization for Standardization* dan bagi memastikan penggunaannya adalah tepat dan sesuai dengan konteks di Malaysia. Cadangan pindaan itu juga adalah selari dengan perkembangan peranan dan fungsi Jabatan Standard Malaysia pada masa kini.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 10 [Akta 549] bagi menyemak kewajipan dan fungsi ketua pengarah selari dengan peranan Jabatan Standard Malaysia sebagai badan standard dan akreditasi kebangsaan.

Sebagai ahli kepada pelbagai pertubuhan di peringkat antarabangsa iaitu ISO dengan izin, *International Organization for Standardization*, IEC (*International Electrotechnical Commission*), PASC (*Pacific Area Standards Congress*), APEC (*Asia-Pacific Economic Cooperation*), ILAC (*International Laboratory Accreditation Cooperation*), IAF (*International Accreditation Forum*), APLAC (*Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation*), PAC (*Pacific Accreditation Cooperation*) dan ACCSQ (*ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality*).

■2020

Jabatan Standard perlu mematuhi kriteria dan kehendak badan-badan antarabangsa tersebut. Dengan pindaan seksyen ini, adalah diharapkan kadar pembangunan standard di Malaysia akan lebih cepat, berfokus dan berupaya memenuhi kehendak industri menerusi pelantikan badan pembangunan standard yang spesifik dan pakar dalam bidang yang mereka terajui.

Selain itu, perkhidmatan akreditasi dapat diperluaskan ke luar negara kerana skim yang ditawarkan mendapat permintaan tinggi daripada negara-negara luar seperti China, India dan negara OIC dan menjadi jenama yang dipilih berbanding badan-badan di negara lain seperti UKAS dengan izin, *United Kingdom Accreditation Services*. Selaras dengan misi jabatan iaitu "*Diterima Rakyat, Diiktiraf Dunia*".

Pindaan seksyen ini juga memberi peranan baru kepada Jabatan Standard Malaysia dalam usaha memantapkan penguatkuasaan MS di dalam peraturan di Malaysia.

Dalam hal ini Jabatan Standard Malaysia akan bekerja sama dengan agensi penguatkuasaan dalam usaha untuk mengekang lambakan produk substandard dalam pasaran negara. Tambahan pula peranan baru ini akan membantu memastikan penyelarasan penggunaan standard dan peraturan secara lebih bersepadu, efisien dan tidak bercanggah dengan komitmen negara dan perjanjian-perjanjian antarabangsa terutamanya perjanjian *World Trade Organization* ataupun *Technical Barriers to Trade* singkatannya WTO/TBT.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 13 [Akta 549] bagi menambah keanggotaan Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia sedia ada iaitu daripada 15 kepada 20 ahli yang berperanan memberi khidmat nasihat kepada Yang Berhormat Menteri dan bidang-bidang yang berhubungan dengan standardisasi dan akreditasi. Sejak Jabatan Standard Malaysia ditubuhkan, pelbagai bidang dan sektor baru yang dibangunkan dalam bidang standard dan akreditasi seperti pertanian, kesihatan dan farmaseutikal termasuk sektor yang memerlukan kepakaran teknikal yang spesifik.

Oleh itu penambahan ahli majlis yang dipilih dari pelbagai bidang yang dikenal pasti perlu ditambah bagi membantu jabatan dari aspek perolehan maklumat input dan nasihat yang bersesuaian agar dapat membangunkan polisi yang mantap dan berkesan dalam melaksanakan fungsi dan peranan dan jabatan sebagai sebuah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan.

Fasal 7 bertujuan untuk membina tajuk Bahagian V [Akta 549] untuk memasukkan akreditasi sebagai salah satu aktiviti utama Jabatan Standard Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 15 [Akta 549] untuk memasukkan peruntukan tentang kelulusan dan pengisytiharan MS oleh Menteri sebagai dokumen rasmi kerajaan. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan bagi penyemakan standard selari dengan amalan di peringkat antarabangsa. Pada masa ini frekuensi semakan adalah sekurang-kurangnya lima tahun sekali. Selain daripada itu, pihak yang mungkin terjejas oleh pengisytiharan pindaan atau penarikan balik MS boleh memberikan maklum balas melalui mekanisme yang ditentukan oleh Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 16 [Akta 549] bagi memasukkan peruntukan bagi permohonan sesebuah organisasi untuk diakreditasi sebagai badan penilai pematuhan dengan izin, *Conformity Assessment Bodies* dan peruntukan berkenaan fee akreditasi. Pindaan ini juga menambah ketelusan proses akreditasi melalui peruntukan di mana badan akreditasi yang telah digantung atau dibatalkan boleh membuat rayuan pada Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 17 [Akta 549] untuk melindungi nama Jabatan Standard Malaysia daripada disalah gunakan dan untuk memasukkan hukuman penjara sebagai penalti di bawah seksyen ini.

Fasal 11 bertujuan untuk menggantikan seksyen 18 [Akta 549] dengan seksyen 18 yang baru untuk memasukkan hukuman penjara sebagai penalti bagi kesalahan penyertaan atau representasi yang mengelirukan atau penggunaan simbol akreditasi yang melanggar terma-terma dan syarat-syarat akreditasi. Dengan adanya penalti penjara bagi kesalahan ini, adalah diharapkan ianya dapat mencegah sebarang kesalahan yang berlaku di bawah akta ini.

Fasal 12 bertujuan untuk memperuntukkan pemilikan MS oleh Kerajaan Malaysia dan tiada bahagian MS yang boleh dihasilkan semula dalam apa bentuk tanpa kebenaran bertulis ketua pengarah.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru VA bagi memperuntukkan kuasa berhubung dengan penguatkuasaan iaitu kuasa penyiasatan, pengeledahan dan penyitaan. Pindaan yang dicadangkannya juga bertujuan untuk memberi kuasa mana-mana diberi kuasa Jabatan Standard Malaysia atau mana-mana pegawai awam untuk menjalankan penguatkuasaan bagi kesalahan penyalahgunaan nama jabatan dan simbol akreditasi yang berlaku di bawah Akta Standard Malaysia.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 22 [Akta 549] bagi memotong punca kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berhubung pendaftaran yang bercanggah dengan tugas dan fungsi Jabatan Standard Malaysia. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru bagi hukuman pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 22 [Akta 549].

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 25 [Akta 549] dengan memotong peruntukan tentang lesen untuk menggunakan tanda standard. Peruntukan ini tidak lagi terpakai di bawah peranan sedia ada Jabatan Standard Malaysia kerana ia bercanggah dengan Standard Antarabangsa atau ISO.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Standard Malaysia 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Berapa orang yang sedia hendak bahas?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Seorang, ada lagi, dua, tiga. Okey saya mulakan dengan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

8.27 mlm.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, atas usaha Kerajaan Barisan Nasional begitu lama jadi negara kita semakin maju dan juga tahap hidup rakyat juga semakin meningkat. Jadi apabila tahap hidup meningkat, permintaan daripada rakyat juga meningkat. Mereka hendak minta bahawa barang-barang yang mereka beli, makanan yang mereka makan dan sebagainya adalah selamat, ada mengikut piawaian yang tertentu, ada jimat tenaga. Mereka juga hendak tahu kalau barang itu ada *radiation*, itu membahayakan pengguna.

Jadi rakyat sendiri tidak ada cara untuk hendak tahu sama ada makanan, minuman, barang yang digunakan itu adalah selamat, adakah bermutu. Mereka terpaksa berserah kepada kerajaan untuk mengawal piawaian dan juga memastikan barang-barang itu selamat. Jadi ini menjadi peranan dan juga tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia untuk memberikan perkhidmatan yang baik. Jabatan Standard Malaysia perlu pastikan bahawa barang yang dibuat di Malaysia ataupun diimport ke dalam Malaysia adalah selamat, adalah bermutu tinggi dan juga dia boleh tahan serta dipakai lama.

Daripada kes-kes yang berlaku dari semasa ke semasa, kita dapati kadang-kadang ada misalannya barang mainan kanak-kanak, *toys* yang selepas dijual di dapati bahawa tidak selamat oleh kerana mempunyai *lack* yang tersangat tinggi dan juga ada makanan yang tidak selamat dan mungkin tercemar dengan kuman-kuman dan sebagainya. Jadi apabila ini berlaku, barang-barang itu terpaksa ditarik balik dan pengguna akan hilang keyakinan terhadap pengeluar dan juga kepada barang-barang yang dibeli itu. Kes-kes seperti itu bukan hanya berlaku kepada pengeluar-pengeluar yang kecil bahkan kadang-kadang pengeluar yang terkenal dan yang sudah lama ada di pasaran.

Jadi pada saya, saya mendapati bahawa Jabatan Standard Malaysia perlulah tetapkan piawaian yang tertentu, piawaian yang setaraf dengan tahap ataupun standard antarabangsa.

■2030

Bukan sahaja untuk barang-barang yang dibuat di Malaysia bahkan bagi barang-barang yang diimport, makanan dan sebagainya. Pandangan saya ialah Jabatan Standard Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk menyemak barang-barang yang dijual kepada orang ramai. Jangan selepas dijual buat tempoh masa yang tertentu, baru didapati bahawa tidak selamat dan sebagainya. Mereka juga perlu memastikan bahawa barang dan makanan bukan sahaja memenuhi standard yang tertentu bahkan barang itu dan labelnya adalah betul. Kadang-kadang label lain tetapi kandungan tidak sama. Piawaian yang ditentukan oleh Jabatan Standard Malaysia haruslah piawaian yang tidak kurang daripada piawaian antarabangsa, kalau boleh lebih tinggi.

Satu lagi perkara yang kadang-kadang pengguna kluatir adalah iklan. Kadang-kadang ada ubat, ada vitamin yang mengikut iklan ia boleh mengubati daripada 'A' sampai 'Z', daripada pening kepala sampai ke kanser. Jadi adakah ini betul? Saya percaya ini adalah sesuatu yang pengguna hendak tahu, adakah iklan itu jujur dan jangan berikan gambaran yang tidak tepat. Saya memang berharap dan saya juga berkeyakinan bahawa Jabatan Standard Malaysia mempunyai piawaian yang tinggi dan satu hari ia akan menjadi satu piawaian yang bukan diterima di dalam negeri sahaja bahkan diterima di peringkat antarabangsa. Saya ada beberapa soalan, yang pertama adakah makanan dan minuman yang dijual di pasaran diwajibkan untuk dijalankan ujian?

Jikalau bukan sekarang, adakah kita ada rancangan bahawa untuk mewajibkan oleh sebab itu yang pengguna paling takut, sesuatu yang kita dah makan tidak boleh dikeluarkan semula. Soalan yang kedua ialah bagaimana piawaian digunakan oleh Jabatan Standard Malaysia berbanding dengan piawaian yang digunakan oleh negara-negara maju? Soalan yang ketiga ialah adakah Jabatan Standard Malaysia diakui oleh negara-negara maju yang lain? Juga misalnya ubat, adakah kita ada Jabatan Standard Malaysia untuk ubat, vitamin dan juga untuk barang-barang kesihatan. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat dan yang seterusnya Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai. Yang Berhormat Dato' Zaitun dahulu selepas itu Yang Berhormat Datuk Chiu. Silakan Yang Berhormat.

8.33 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Standard Malaysia (Pindaan) 2011 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan pindaan Akta Standard Malaysia ini selepas 15 tahun diperkenalkan. Jabatan Standard Malaysia telah ditubuhkan semenjak tahun 1996 selari dengan pengkorporatan *Standard and Industry Research Institute of Malaysia* (SIRIM). Saya ingin menyentuh berhubung pindaan tajuk panjang yang sebelum ini disebut dalam Akta Ibu hanya sebagai Akta Standard Malaysia kepada Akta Standard dan Akreditasi Malaysia adalah langkah yang wajar dan tepat pada masanya. Sebelum ini Standard Malaysia turut melaksanakan tugas akreditasi yang dijalankan oleh MSC. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah pindaan rang undang-undang ini akan memperkasakan standard Malaysia dalam memberi akreditasi dan apa pula peranan yang akan dilakukan oleh MSC dari segi akreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang seksyen 2A berhubung dengan perubahan takrif akreditasi. Dalam takrif asal akreditasi hanya lebih merupakan pengiktirafan formal sesuatu badan atau individu kompeten tetapi pindaan rang undang-undang jelas memberikan kuasa kepada Jabatan Standard Malaysia memberikan pengakuan kepada badan untuk membuat penilaian pematuhan mengikut standard yang ditetapkan. Saya ingin membangkitkan antara objektif Jabatan Standard Malaysia adalah untuk membentuk dan mempromosikan standard kebangsaan dan menguruskan skim akreditasi sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Standard Malaysia ini bagi mewujudkan Malaysia Standard (MS) dan sejauh manakah Malaysia Standard ini diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah Jabatan Standard Malaysia ini bekerjasama dengan badan-badan akreditasi antarabangsa bagi memastikan Malaysia Standard ini diterima di peringkat antarabangsa. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan sejauh manakah Jabatan Standard Malaysia ini berjaya meningkatkan kecekapan dan pembangunan industri negara dan pada masa yang sama mampu melindungi pengguna bagi memastikan pengguna mendapat barangan yang bukan sahaja bermutu tetapi selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 13 berhubung dengan Majlis Standard dan Akreditasi yang mengandungi seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang wakil syarikat pengganti, lima orang wakil kerajaan dan tidak lebih tujuh anggota lain. Pindaan rang undang-undang ini meminda jumlah tidak lebih tujuh orang anggota kepada dua belas orang anggota lain. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah rasional kerajaan menambah bilangan anggota lain daripada tujuh orang kepada dua belas orang. Saya juga inginkan penjelasan berhubung dengan seorang wakil syarikat pengganti. Sejauh manakah kepentingan wakil syarikat pengganti? Saya juga ingin mendapat penjelasan siapakah wakil kerajaan di dalam Majlis Standard dan Akreditasi?

Akhirnya, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan peranan Jabatan Standard Malaysia ini berbanding dengan SIRIM dari segi fungsi dan peranannya.

Saya harap Jabatan Standard Malaysia melalui pindaan ini akan mempertahankan dari segi kredibiliti, integriti dan kompetensi standard kebangsaan dan sistem akreditasi negara. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Datuk Chiu Tiang Chai.

8.38 mlm.

Datuk Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbahas Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, produk dikeluarkan untuk menemui keperluan dan kehendak pengguna tetapi produk yang sama juga mengancam keselamatan dan kesihatan akibat daripada reka bentuk, isi kandungan dan cara produk tersebut digunakan. Makanan bersama campuran tambahan masuk ke tubuh kita, pakaian melalui pelbagai proses celupan dan kenderaan di jalan raya menghasilkan asap berbahaya. Bagaimanakah kementerian melihat isu integriti dan transpirasi sesuatu keselamatan produk? Tiada kewajipan untuk melaporkan insiden yang ada kaitan dengan keselamatan berpunca daripada produk kepada pihak berkuasa supaya tidak menjadi *public issue* yang boleh menjejaskan perniagaan mereka. Soalan saya, bagaimana isu produk yang tiada undang-undang yang jelas untuk memaklumkan insiden atau kemalangan kepada pihak berkuasa berkenaan.

■2040

Tuan Yang di-Pertua, produk seperti kereta sorong dan buaian untuk bayi dan kanak-kanak yang tidak dikawal dari segi keselamatan, pewangi seperti penyegar udara dan *odor stick* (kayu berbau harum) menggunakan kimia buatan manusia. Siapa yang mengawal bagi memastikan alat penapisan air ini menemui keperluan keselamatan tanpa penyelenggaraan yang sesuai, penghimpunan selut dan kotoran di atas penapis mempunyai kandungan bakteria yang tinggi, yang boleh menyebabkan keracunan.

Pengguna juga sering terpengaruh dengan jaminan kesihatan dari promosi oleh ejen yang diragui tauliahnya. Terdapat banyak agensi yang menawarkan pelbagai jenis produk. Bagaimana Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan agensi di bawah Kementerian Kesihatan mengawal produk makanan mengikut Akta Makanan 1983 dan Kawalan Makanan 1985 sementara Badan Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan mengawal produk kosmetik, ubat-ubatan dan farmaseutikal kawalan produk elektrik adalah di bawah Suruhanjaya Tenaga di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Kawalan racun perosak pula di bawah Lembaga Racun Makhluk Perosak. Bagaimana kementerian melihat isu tiada *one-stop centre* sebagai penghalang pengguna membuat laporan.

Pihak berkuasa mewujudkan sebuah agensi berpusat bagi mengendalikan semua bentuk aduan keselamatan produk.

Satu mekanisme melaporkan kemalangan, insiden kecederaan diwujudkan dan bertujuan untuk mengumpulkan data. Industri perlu disediakan dengan maklumat yang mencukupi serta sokongan pelaksanaan bagi mematuhi piawaian-piawaian keselamatan, sukarela atau mandatori.

Bagaimana kementerian bercadang membuat kempen supaya pengguna juga perlu proaktif, peka dan mengendalikan isu keselamatan produk.

Tuan Yang di-Pertua, *standard user* dan sokong Jabatan Standard Malaysia merupakan pertubuhan bukan kerajaan dan Ahli Gabungan Persekutuan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA). Sejauh mana peranan *standard user* dalam memantau dan memberi kesedaran kepada para pengguna di negara kita? Apakah pencapaian setakat ini dan bagaimana kementerian melihat *standard user* ini mampu bekerjasama dengan kementerian dalam memberi kesedaran kepada pengguna dan memastikan hanya barang yang selamat berada di pasaran tempatan. Terima kasih. Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.43 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong kepada usul ataupun cadangan kepada pindaan rang undang-undang ini daripada Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat dan Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai.

Kalau kita melihat, ketiga-tiga Yang Berhormat Senator ini membangkitkan perihai keselamatan dan merujuk bagaimana standard dan akreditasi ini dapat melihat kepada kita menjaga sama ada dari segi produk yang memberi keselamatan untuk digunakan kepada pengguna. Mungkin izinkan dahulu saya menjelaskan, seperti yang saya katakan tadi dari segi prinsipnya, standard adalah sukarela di bawah *International Standardization Organization* (ISO). Prinsipnya ialah secara sukarela. Maknanya kalau sesebuah syarikat ingin mengeluarkan sesuatu produk sama ada ianya akan mendapat standard untuk diakreditasi ataupun untuk mendapat pensijilan, kita tidak dapat memaksa. Itu diserahkan kepada syarikat tersebut untuk mendapat pensijilan ataupun akreditasi.

Tujuannya ialah kalau dia mendapat pensijilan, maka ianya akan lebih mudah untuk menerokai pasaran dan kalau diberikan sijil sama ada oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah badan-badan yang diberi hak untuk mensijilkan maka mereka bolehlah menggunakan sijil tersebut sebagai pengiktirafan kepada pengguna bahawa produk yang mereka mengeluarkan adalah produk yang mematuhi standard yang 'ditujuankan' untuk mereka dapat. Ia banyak jenis kategori standard yang...

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon bertanya?

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap. Saya bagi gambaran dahulu. Pertama, yang saya katakan tadi secara prinsip asas. Kedua, ada juga di mana ianya dikategorikan sebagai standard yang mandatori. Mandatori ini hanya akan dilakukan bila dipohonkan ataupun diletakkan syaratnya oleh agensi penguat kuasa berkenaan. Misalnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkaitan dengan alat-alat mainan, Kementerian Kesihatan mengawal selia berkaitan dengan makanan. Banyak lagi sebenarnya, kalau saya hendak – yang saya katakan dalam ucapan pembukaan tadi untuk menerangkan dan menjelaskan ada 332 jumlah standard mandatori. Yang terlibat ialah yang mengenakan Suruhanjaya Tenaga misalnya ada 126 standard mandatori yang diletakkan untuk bahan-bahan elektronik dan *electrical*.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia ada 77, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 42, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ada 36 standard mandatori. Begitu juga FAMA dan banyak lagi. Kalau saya hendak bacakan panjanglah senarainya tetapi maknanya ia merangkumi keseluruhan sama ada produk berkaitan dengan bangunan, produk berkaitan dengan alat-alat keselamatan termasuklah helmet yang kita gunakan, makanan dan semuanya memang digariskan.

Cuma kalau selain daripada apa yang dipohonkan oleh agensi penguat kuasa ataupun kementerian yang bertanggungjawab maka ianya dikirakan secara *volunteer* (sukarela). Kita tidak dapat hendak paksa.

Jadi, mereka boleh memohon dan bila mereka memohon maka ianya akan mempunyai kelebihan sebab mereka membuktikan kepada pengguna, kepada orang ramai bahawa mereka mematuhi standard yang ditetapkan. Persoalan sama ada adakah standard yang dikeluarkan oleh Malaysia diiktiraf di peringkat dunia.

Tadi saya katakan bahawa jaringan Jabatan Standard Malaysia sebagai ahli kepada ISO dan juga IEC maka standard yang kita keluarkan adalah sejajar, setanding. Kalau tidak pun lebih daripada apa yang ditetapkan di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu yang saya katakan tadi bahawa bila kita mengeluarkan standard, kita diiktiraf. Malahan China, India dan negara-negara OIC pun minta Malaysia menggunakan standard Malaysia untuk digunakan di negara mereka. Minta badan pensijilan negara kita pergi ke negara-negara China, India untuk membuat pensijilan produk syarikat mereka mengikut apa yang diperlukan oleh mereka.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya kira dari segi konsep saya sudah jelaskan. Berkaitan dengan beberapa persoalan iaitu seksyen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat iaitu sama ada seksyen 13 tadi berkaitan dengan wakil syarikat pengganti iaitu SIRIM Berhad. Kepentingan syarikat pengganti ialah untuk menjaga kepentingan isu-isu lepas dan membantu Jabatan Standard Malaysia kerana mereka mempunyai kepakaran pembangunan standard.

Oleh sebab itu yang saya katakan tadi dalam pembukaan, kita tingkatkan jumlah keahlian keanggotaan ahli Jabatan Standard Malaysia daripada 15 ditingkatkan sekarang ini menjadi 20 supaya kita boleh masukkan lebih ramai pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Ini supaya mereka boleh memberi sumbangan bahagian teknikal ataupun khidmat nasihat bukan sahaja kepada Jabatan Standard Malaysia yang akhirnya akan memberi nasihat kepada kementerian, apakah keperluan standard yang perlu kita tingkatkan untuk melindungi pengguna kita dari segi keselamatan dan juga dari segi banyak perkara yang mungkin perkara-perkara baru yang tidak dipunyai atau dimiliki. Kalau dahulu 15 tidak cukup, sekarang ini bidang *business* kita makin banyak, bidang yang diceburi makin banyak, perkara-perkara yang *complex* semakin banyak yang datang, jadi kita terpaksa menambahkan jumlah keanggotaan Jabatan Standard.

■2050

Begitu juga seksyen 2A, akreditasi, mengapa perlu dimasukkan? Kalau dahulu kita hanya menambahkan Akta Standard, sekarang ini dengan akreditasi kita terpaksa masukkan supaya ianya dapat memenuhi kehendak *international standard* sebab kalau standard tidak mencukupi, kita kena *accreditate*, mengesahkan ataupun memberi *certification* kepada sesuatu itu. Jadi ianya bersesuaian dan selaras dengan keperluan peringkat internasional. Saya kira secara umumnya saya sudah menjawab soalan pokok, ada yang perkara-perkara lain saya kira yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mungkin tidak mencangkupi bidang kuasa kementerian.

Jabatan Standard hanya merupakan badan pensijil yang memberikan sijil untuk pengamal-pengamal dan juga *accreditate*, badan-badan pensijilan, tetapi bidang penguatkuasaan adalah terletak kepada kementerian, agensi yang mempunyai bidang kuasa dalam bidang kepenggunaan misalnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Bidang makanan yang dibangkitkan tadi ialah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan, tetapi kalau sekiranya mereka sudah mendapat sijil, maka kita akan memantau, memastikan bahawa pematuhan kepada segala sijil yang telah dikeluarkan mesti dipatuhi oleh mereka. Maka kita akan mengadakan pematuhan dengan melakukan *inspection, spot check* secara berskala yang ditetapkan untuk memastikan bahawa segala proses pematuhan kepada prasyarat yang telah diletakkan dalam sijil tersebut dipatuhi...

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan. Pertama, kalau sekiranya satu alat elektronik ataupun elektrik dapat label Malaysia Standard, bagaimana pengguna hendak tahu ini bermaksud adakah alat itu tahan lama ataupun dia punya *radiation* kurang ataupun dia memang jimat tenaga, *green* dan sebagainya. Soalan yang kedua, bagi pengeluar-pengeluar tempatan, adakah mereka tahu kehendak Standard Malaysia sebelum mereka buat barang-barang mereka supaya mereka boleh mematuhi piawaian yang ditentukan oleh Standard Malaysia dan dapat *accreditation*. *Thank you*.

Datuk Fadillah bin Yusof: Sebagaimana saya katakan tadi, Jabatan Standard pertamanya kita melantik badan pensijil ataupun badan yang dikatakan badan pensijilan ataupun *certification bodies*.

Jadi, *certification bodies* ini bila sesuatu syarikat ataupun badan ingin untuk mendapat sijil berkaitan dengan produk yang mereka keluarkan, maka badan pensijil ini akan pergi kepada syarikat tersebut untuk menilai, melihat kepada segala proses mereka lakukan dan bila mereka sudah mematuhi keseluruhan proses mengikut standard yang ditetapkan, maka mereka akan disijilkan sebagai syarikat yang telah mematuhi prasyarat. Jadi sama ada daripada segi kualiti setakat mana, ianya kenalah mematuhi apa yang prasyarat diletakkan.

Jadi kalau sudah dikeluarkan sijil tersebut, selama mana mereka mematuhi, tidak memungkirinya ataupun tidak ada kepatuhan kepada syarat-syarat yang terkandung dalam sijil yang mereka peroleh, maka mereka akan terus memegang ataupun memperoleh sijil tersebut. Akan tetapi kalau terdapat ketidakpatuhan sewaktu *audit exercise*, maka sijil tersebut boleh dibatalkan. Oleh sebab itu mereka akan ada proses, ia bukan ada *automatic renewal* tiap-tiap tahun supaya audit proses itu akan berjalan oleh badan pensijil untuk memastikan pematuhan oleh syarikat-syarikat tersebut. Jadi saya kira Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan penutup akta. Ada barang-barang di peringkat antarabangsa yang diharamkan di negara berkenaan, tetapi masih lagi diguna pakai di Malaysia. Contoh barang-barang di Kanada, permainan kanak-kanak. Ada terdapat 180,000 barang-barang diharamkan, tetapi di Malaysia masih lagi digunakan. Contoh kedua di Amerika, terdapat 210,000 selipar diharamkan di Amerika, masih lagi dipakai di Malaysia sebab ada plumbum, bahaya. Jadi, bagaimana kementerian hendak pastikan yang diharamkan di negara berkenaan tetapi masih lagi dipakai di Malaysia. Jadi macam mana, bagaimana Jabatan Standard atau kementerian hendak pastikan barang-barang yang diharamkan di sana turut juga diharamkan di sini.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman. Ini amat bersesuaian apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Tiang Chai tadi mengatakan bahawa perlu banyak jalinan kerjasama dengan badan-badan kepenggunaan sama ada FOMCA ataupun *consumers association*. Cuma bidang kuasanya bukan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun Jabatan Standard. Jabatan Standard hanyalah merupakan badan yang mengawal selia untuk membangunkan standard dan berhubung dengan badan-badan antarabangsa, kemudian menggariskan apakah standard yang perlu ada dalam sektoral sama ada pembuatan, daripada segi produk penggunaan, makanan dan sebagainya. Bila sijil dan keluarkan, kita akan memberi pensijil kepada badan-badan pensijil, *certification*. Badan-badan pensijil inilah yang akan mempromosikan, yang akan menjalankan audit, yang akan menjalankan pemberian sijil kepada syarikat-syarikat ataupun pertubuhan yang ingin untuk diiktiraf sebagai sebuah pertubuhan yang mengamalkan standard sama ada *quality management system standard* dan semua pensijilan jenis standard ataupun akreditasi yang telah digariskan di bawah akta ini.

Oleh sebab itu apa yang saya katakan tadi dalam bidang penguatkuasaan, ianya terletak kepada kementerian-kementerian yang diberi kuasa dalam bidang yang ditentukan oleh mereka sama ada produk makanan, produk kepenggunaan termasuklah bahan-bahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman. Kalau itu yang kita rasakan bahawa banyak yang kita ketahui ada produk-produk di luar negara telah diharamkan disebabkan oleh sebab-sebab tertentu, jadi kita boleh suarakan melalui persatuan kepenggunaan FOMCA dan sebagainya untuk dikemukakan kepada kementerian yang berkaitan supaya ianya boleh mengambil tindakan yang sepatutnya. Akan tetapi kalau ada syarikat yang telah mendapat pensijilan tetapi tidak mematuhi, maka itulah bidang kuasa Jabatan Standard.

Oleh sebab itu akta ini kita perkenalkan supaya boleh mengangkat darjat Jabatan Standard Malaysia bukan sahaja sebagai orang yang menjaga standard di Malaysia, tetapi akhirnya dapat diiktiraf kepada satu tahap yang lebih tinggi lagi di peringkat persada global. Itu hasrat dan niat kita. *Insyaa-Allah* dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu berminat dalam menyokong akta ini, rang undang-undang ini, saya mengucapkan terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2100

Tuan Yang di-Pertua: hli-ahli Yang Berhormat, sampailah sudah kita ke akhir persidangan Dewan kita pada tepat jam 9.01 malam. Saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang bermula pada tanggal 7 Disember hingga hari ini 22 Disember 2011. Tahniah saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang masih berada ketika ini di Dewan ini... *[Tepuk]*

Di samping itu, izinkan juga saya merakamkan berbilang-banyak terima kasih pertama kepada Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin, bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah bertungkus-lumus sampai ke akhir tarikh perkhidmatannya pada hari semalam. Di samping itu saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah... *[Tepuk]* Berjaya begitu baik sekali mengendalikan dan membantu saya menjalankan tanggungjawab di Dewan yang mulia ini selama dua hari.

Seterusnya Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, kita telah selamat berjaya meluluskan sebanyak 31 rang undang-undang dalam sesi Dewan kali ini. Di samping itu izinkan saya menyuarkan sedikit pandangan. Selama sesi ini telah terdapat satu trend, satu keadaan yang mana wujudnya segelintir Ahli-ahli untuk mengadakan pengundian belah bahagi. aya beranggapan peruntukannya ada dalam peraturan kita dan boleh digunakan. Kita juga telah pun menjalankan tanggungjawab sebagaimana kehendak Ahli-ahli yang berkenaan mengikut peraturan kita. Di samping itu, syukur *alhamdulillah* juga kerana saya dapati mengikut Peraturan Mesyuarat 45(4) itu dan kita telah melaksanakannya sebanyak dua kali.

Pertama apabila kita membahaskan Rang Undang-undang Kampong Bharu dan juga yang kedua Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 pada hari ini. Yang merisaukan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua untuk mencatur masa. Hari ini pertama contohnya. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih juga, Allah telah menunjukkan kepada saya dan ingin saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa maklumat balas daripada sahabat-sahabat kita daripada Dewan yang membangkitkan perkara itu telah menyatakan tujuan mereka. Saya suka berterus terang kerana kita adalah satu Dewan yang mulia, semua Ahli kita adalah ahli bersama. Kita tidak mahu sebut nama yang mengatakan bahawa:

“Kami daripada Pakatan dalam Senate meminta diadakan belah bahagian untuk menegaskan kami tidak bersetuju dengan kelulusan akta. Jika ada cara lain untuk merekodkan pendirian kami itu, maka belah bahagian tidak perlu. Harap Tuan Yang di-Pertua menentukan cara lain untuk kami rekodkan pendirian kami”.

Alhamdulillah terima kasih. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat khususnya Tuan Saiful Izham bin Ramli yang ada bersama kita pada malam ini. Pada hemat saya, apabila hendak menggunakan belah bahagi ini boleh tetapi kena tengok keadaan, fakta dan sesuai pada masanya. Akan tetapi kalau sekiranya dalam keadaan suasana begini yang kita adakan, saya fikir ada sebagai menjawab pandangan saya kerana semua pihak rakan-rakan kita itu, perkara itu tujuannya Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa apabila kita membahaskan sesuatu rang undang-undang, sampai ke peringkat bacaan kedua, Tuan Yang di-Pertua akan bertanya kepada semua sama ada bersetuju untuk diluluskan. Siapa yang bersetuju kata setuju, siapa yang tidak kata tidak. Itulah perkataan yang telah digunakan selama ini dalam *convention*.

Boleh rasanya kalau ini menjadi tujuan hendak direkodkan selepas diumumkan. Saya selaku Tuan Yang di-Pertua menggunakan budi bicara saya dan saya akan bersama-sama dengan Timbalan Yang di-Pertua pada masa-masa akan datang tidak perlu mengadakan belah bahagi. Kita akan jadikan selepas itu saya akan bertanya berapa agaknya yang tidak bersetuju dan saya panggil dan kita rekodkan bahawa sebelah katalah lapan orang tidak bersetuju dan kita rekodkan dalam *Hansard*. Maknanya matlamat itu akan sampai kepada pihak yang berkenaan. Saya lebih suka kalau dapat kita – ini satu pendekatan yang bersama-sama kita kongsi untuk bersama-sama kita pandang ke depan dengan semangat yang betul-betul ikhlas dan jujur demi untuk kebaikan masyarakat negara kita yang tercinta.

Kepada rakan-rakan soal berlainan pendapat dan ideologi itu perkara biasa. Kita boleh berbincang tetapi dalam Dewan kalau ada perkara-perkara serupa ini boleh sama-sama. Ini contohnya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli dan rakan-rakannya dan lain kalau boleh marilah kita buat satu pendekatan yang sesuai untuk mengelakkan salah sangka dan perasaan dan sebagainya.

Akhir sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Menteri. Ramai Yang Berhormat Menteri yang hadir. Saya lebih suka menggalakkan kalau boleh datanglah sesekali ke Dewan Negara ini dan kita amat menghargai. Kepada semua Yang Berhormat Timbalan Menteri-Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tidak ketinggalan juga pegawai-pegawai yang duduk di belakang sana itu. Mereka pun tidak akan balik. Mereka tidak akan balik juga selagi kita tidak selesai persidangan kita. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan selamat kembali atau balik ke kampung, ke pangkuan rumah tangga masing-masing dan dalam perjalanan, selamat balik dan selamat kita bertemu dan oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.08 malam.